



NASKAH HADIAH
DARI
KUMPULAN KARANGKRAI

*"Sebarang tindakan saya akan dianggap
sebagai anti Cina"*





Tajuk

Halaman

- | | |
|---|----|
| 1. DAP Dari Detik Ke Sedetik 15 Tahun Penuh Peristiwa | 4 |
| 2. Konflik LIM-GOH Sejak 1969 | 14 |
| 3. Sejarah Perpecahan Dalam DAP:
Siapa Lagi Akan Berhenti Atau Dipecat | 20 |
| 4. Apa Lagi Modal DAP Sesudah Isu Pelajaran Bahasa Cina | 39 |
| 5. Rundingan Sulit MCA-DAP:
Kerusi Kabinet Menjadi Rintangan | 40 |
| 6. Kerjasama PAS-DAP: Antara Dongeng Dan Kenyataan | 45 |
| 7. Karpal Singh Dan Peter Dason: Siapa Gagah | 49 |
| 8. Apakah Cita-Cita Lim Kit Siang | 51 |
| 9. Cerita Di Sebalik Tabir | 53 |
| 10. Adakah Lim Kit Siang Seorang Agen Barisan Nasional | 55 |
| 11. DAP Dan Masa Depan | 57 |
| 12. Keputusan Pilihanraya 1969, 1974 Dan 1978 | 62 |



DAP DARI DETIK KE SEDETIK

15 tahun yang penuh peristiwa

"Gilalah saya jika saya berbuat demikian"—Lim Kit Siang

Dr. Chen Man Hin (tengah) semasa keluar dari Mahkamah Tinggi kerana mengikuti tuduhan kes hasutan ke atas Fan Yew Teng.



SEMENJAK Singapura berpisah dari Malaysia pada 9hb. Ogos, 1965, pendaftaran parti PAP telah dibatalkan pada 9hb. September tahun yang sama. Devan Nair, seorang Ahli Parlimen Kawasan Bangsar yang ditinggalkan oleh PAP itu pun memohon kepada Pendaftar Persatuan supaya Parti Tindakan Rakyat Malaysia didaftarkan semula.

Akan tetapi permohonan Devan Nair itu ditolak oleh

Fan Yew Teng (di depan) sedang menaiki tangga Mahkamah Tinggi.



325896

APB

26 MAR 1985

Pustaka Negara
Malaysia

Pendaftar Persatuan. Alasan yang diberikan ialah parti itu mempunyai nama yang sama dengan parti yang telah dibatalkan pendaftarannya pada 9hb. September itu dan ini mungkin akan mengelirukan orang ramai. Jadi, ianya tidak dapat diluluskan.

Pendaftar Persatuan berkata bahawa nama parti itu akan membawa kekeliruan kepada orang ramai yang mungkin berpendapat bahawa PAP hidup semula. Apatah lagi ianya senama dengan sebuah parti di Singapura. Dan rakyat akan berfikir bahawa kedua-dua parti itu adalah sama.

Setelah menerima surat itu, Devan Nair berkata, "Kami akan mengubah perlembagaan parti menurut kebendaan Pendaftar itu."

Devan Nair berkata parti baru yang dipimpinnya itu akan diberi nama "Parti Tindakan Demokratik" atau DAP (Democratic Action Party).

Sebelum memperoleh kelulusan pendaftaran bagi DAP, Pengerusi Jawatankuasa Penaja DAP, Dr. Chen Man Hin memasuki Pilihanraya Kecil untuk kawasan Rahang, Negeri Sembilan dalam bulan November, 1965. Kerusi kawasan itu dikosongkan kerana Ahli Dewan Undangan Negeri daripada parti PERIKATAN telah meninggal dunia. Dr. Chen Man Hin mengambil bahagian dalam pilihanraya kecil itu sebagai calon bebas dan beliau berjaya mendapatkan kerusi itu.

Pada 3hb. Mac, 1966, Pendaftar Persatuan dalam suratnya telah menolak pendaftarannya DAP kerana pada fikirannya perlembagaan parti itu tidak selaras dengan peraturan Undang-undang Pendaftaran Persatuan.

Sehingga pada 19hb. Mac,

1966, pendaftaran DAP barulah diluluskan. Ketika itu Devan Nair mengulangi katanya bahawa DAP tidak akan sekali-kali mengikuti dasar perkauman. Ianya akan berusaha mencantumkan kembali Malaysia dengan Singapura.

"Saya dengan rakan-rakan saya menjamin bahawa pendirian kami bukanlah pendirian perkauman. Kami akan menjadi parti pembangkang yang taat setia. Dan analisa yang pintar, politik yang bersih serta pencapaian sesuatu yang adil adalah merupakan kepercayaan kami," kata beliau.

Devan Nair mengumumkan wujudnya Tabung Amanah

mengurus dan mengendalikan mana-mana parti yang mempunyai tujuan yang seimbang dengan Tabung Amanah Sosialisisme Demokratik.

4. Membantu parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan lain yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan Tabung Amanah Sosialisisme Demokratik.
5. Menanggung segala belanjawan yang sesuai dengan penyebaran fahaman Tabung tersebut.

Kemudian, banyak cawangan DAP didirikan di seluruh Malaysia.

Ketika itu Lim Kit Siang adalah pembantu Devan Nair.

LIM KIT SIANG yang masih berada di dalam penjara dilantik menjadi Setiausaha Agung

Sosialisisme Demokratik pada 19hb. April, 1966. Ini adalah bertujuan menyokong partinya dan memenuhi harapan sosialisisme demokratik.

Ahli-ahli jawatankuasa Tabung itu terdiri daripada Devan Nair, Chen Man Hin, Goh Hock Guan dan Dr. Seevaranam.

Tujuan Tabung ialah

1. Memaju dan menyebarkan prinsip dan fahaman sosialisisme demokratik.
2. Memberi wang untuk segala belanjawan termasuk terbitan majalah-majalah dan akhbar dengan tujuan yang sama dengan (1).
3. Memberi wang bagi belanja dalam bidang perundangan supaya dapat

Beliau muncul di dalam surat-khabar pertama kalinya pada 20hb. Mei, 1967. Selaku ahli Exco DAP, dia membidas MCA melalui Akhbar 'Rocket' tentang kempen partiotisme. Bidasannya ini disiarkan di dalam semua akhbar Cina.

Selepas itu, nama Lim Kit Siang sering kalinya tercetak di dalam surat-khabar-surat-khabar. Dia selalu mencabar tokoh-tokoh pemimpin UMNO dan juga mengkritik kelemahan masyarakat.

DAP pernah bertanding dalam beberapa kali Pilihanraya Kecil setelah ianya didirikan. Dr. Chen Man Hin menang sebagai calon bebas. Akan tetapi beliau sudah kalah dalam pilihanraya-pilihanraya kecil yang pernah diadakan di De-



Lim Kit Siang turut merayakan Hari Raya di rumah Ketua Menteri Melaka.

wan Negeri Kawasan Kampung Baru, Selangor (1966), Dewan Negeri Kawasan Tampoi, Johor (1967), Parlimen Kawasan Segamat Utara (1968) dan Dewan Negeri Kawasan Serdang, Selangor (1968).

Walaupun bagaimanapun, DAP berjaya memenuhi kerusi-kerusi kosong yang telah ditinggalkan oleh Barisan Sosialis.

Oleh kerana Devan Nair tidak berniat hendak duduk di Malaysia untuk selama-lamanya, maka pada 30hb. Julai, 1967, beliau pun meletakkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung parti, tetapi tetap menjadi ahli biasa.

Keputusannya itu diumumkan pada Mesyuarat Agung Perwakilan Kebangsaan yang dilangsungkan pada hari itu juga. Mesyuarat Agung menerima keputusan dengan perasaan kesalnya serta bersetuju bahawa Naib Setiausaha Agung akan memangku jawatan Setiausaha Agung. Pengerusi cawangan Johor Bahru, iaitu K.S. Das telah dipilih sebagai Naib Setiausaha dan Daing Ibrahim sebagai Naib Setiausaha Kedua.

Devan Nair dalam suratnya yang ditujukan kepada Dr.



Fan Yew Teng membincangkan sesuatu.

Chen Man Hin itu berbunyi:

"Anda sudah lama mengetahui bahawa saya mempunyai pandangan begini, iaitu parti kita telah memupuk segolongan pemimpin yang berkebolehan. Mereka itu sungguh-sungguh berdedikasi kepada parti Untuk menolong mewujudkan pimpinan bersama di masa yang akan datang, barulah saya meletakkan jawatan sebagai pemimpin yang aktif. Ini adalah untuk kebaikan parti kita di masa hadapan."

Mesyuarat Agung ini juga menerima *Perisytiharan Setapak* yang menjadi pedoman tindakan DAP.

Perisytiharan itu berkata bahawa matlamat DAP ialah membentuk Malaysia yang menganut fahaman sosialisme yang bebas dan adil. Ianya mencadang supaya semua kaum adalah sama tarafnya, ti-

dak ada bumiputra atau bukan bumiputra. Ianya menegaskan bahawa semua warganegara tidak boleh dibeza-bezakan.

Pada 17hb. Mac, 1968, DAP mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan yang Pertama di Kuala Lumpur. Mesyuarat itu disertai oleh lebih dua ratus orang wakil yang datangnya daripada 37 cawangan di seluruh negara.

Hasilnya, satu Jawatankuasa Pusat ditubuhkan. Ahli-ahlinya adalah semua ahli-ahli Jawatankuasa Penaja belaka.

Pengerusi: Dr. Chen Man Hin

Naib Pengerusi: Norjadi (Seorang guru dari Johor)

Setiausaha Agung: Goh Hock Guan

Naib Setiausaha Agung: Daing Ibrahim, Dr. Das

Bendahari: Dr. Seevaratnam

Naib Bendahari: Tan Keng Seng

Setiausaha Organisasi merangkap penyunting utama bagi akhbar parti: Lim Kit Siang
 Ahli Jawatankuasa Pusat: Khong Chai Huat, Lim Cho Hock, Khoo Hen Fook
 Setiausaha Urusan Antarabangsa: Devan Nair

Setelah Devan Nair mengundurkan diri dari pimpinan DAP, Dr. Chen Man Hin dan Goh Hock Guan tak henti-henti mengunjungi cawangan-cawangan di merata tempat memberi ceramah. Mereka bercita-cita tinggi. Sehingga bulan Mac, 1969, DAP telah mendirikan 65 cawangan di Malaysia.

Dalam tahun 1969, semua parti politik sudah pun bersedia sedia hendak bertanding dalam pilihanraya. Pada fikiran DAP, situasi masa itu adalah baik untuk parti-parti pembangkang, jadi mereka pun bersetuju dengan parti-parti pembangkang lain seperti Gerakan, Parti Progresif Rakyat dan PAS tentang pembahagian kerusi, iaitu atas prinsip hanya satu calon pembangkang bert lawan dengan PERIKATAN. Tetapi di mana perlu, calon pembangkang boleh diletakkan melebihi satu untuk memecahkan undi PERIKATAN.

DAP meletak 23 orang calon untuk Parlimen dan 48 orang untuk Dewan Undangan Negeri. Keputusannya ialah DAP berjaya merebut 13 buah kerusi Parlimen dan 31 buah kerusi Dewan Negeri. Tidak ada seorang pun di antara calon-calon DAP yang hilang wang pertaruhan mereka. Inilah sesuatu hasil yang di luar dugaan DAP. Mereka berasa cukup gembira.

Ahli-ahli Parlimen DAP yang berjaya dalam 1969 adalah seperti berikut

Perak:
 Kawasan Setiawan: Richard Ho*
 Kawasan Batu Gajah: Lim Cho Hock
 Kawasan Kampar: Fan Yew Teng*
 Kawasan Telok Anson: Chan Fu King
 Kawasan Batang Padang: Loh Jee Mee

Selangor:
 Kawasan Setapak: Walter Loh*
 Kawasan Bangsar: Goh Hock Guan*
 Kawasan Damansara: Hor Cheok Foon
 Negeri Sembilan:

Kawasan Seremban Timur: Dr. Chen Man Hin
 Kawasan Barat Seremban: Dr. Sinnathamby Seevaratnam
 Kawasan Port Dickson: Dr. Soorian Arjunan*

Melaka:
 Kawasan Bandar Melaka: Lim Kit Siang
 Pulau Pinang:
 Kawasan Pulau Pinang Utara: Peter Paul Dason

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri berjumlah 31 orang. Mereka ialah:

Perak:
 Kawasan Tanjung Tualang: Lim Cho Hock
 Kawasan Lekir: Yeoh Eng Chai*
 Kawasan Lumut: Phung Teik Hua
 Kawasan Batak Rabbit: Felix Anthony
 Kawasan Tapah Road: Ibrahim Singgeh
 Kawasan Kuala Dipang: Chen Heng Woh*

Pulau Pinang:
 Kawasan Kelawei: Yeap Ghim Guan*
 Kawasan Tanjung Bunga: Khoo Soo Giap
 Kawasan Jelutong: Koay Boon Seng

Selangor:
 Kawasan Pencala: Hor Cheok Foon
 Kawasan Sementa: Chua Kow Eng
 Kawasan Ampang: Wong Swee Oy*
 Kawasan Sentul: Lee Beng Cheang*
 Kawasan Salak: Goh Hock Guan*
 Kawasan Bukit Nenas: Lee Lam Thye
 Kawasan Serdang: Yap Piau Hon*
 Kawasan Kampung Jawa: Lim Thian Kheng*
 Kawasan Bukit Raja: K. Ramasen
 Negeri Sembilan:
 Kawasan Sungai Ujung: Liew Ah Kim
 Kawasan Rahang: Dr. Chen Man Hin
 Kawasan Jimah: Oh Keng Seng*
 Kawasan Si Rusa: Haji Hasan Ahmad*
 Kawasan Lukut: Chin Chan Sung*
 Kawasan Pasir Panjang: Lee Geok Shean
 Kawasan Linggi: Soorian Arjunan*
 Kawasan Bukit Nenas: Sinnathamby Seevaratnam
 Melaka:
 Kawasan Bukit Rambai: Lim Yak Tye
 Kawasan Kota Tengah: Michael Khong Chye Huat*
 Kawasan Kota Barat: Ho Mong Yew*
 Kawasan Kota Timur: Bernard Sta Maria
 Johor:
 Kawasan Gunung Lambak: Lee Kaw

*(Catitan: * telah mengundurkan diri atau dibuang oleh DAP)*

Yang menjadi Ahli Parlimen merangkap Ahli Dewan Negeri ada enam orang. Mereka itu ialah Dr. Chen Man Hin, Goh

Hock Guan, Lim Cho Hock, Dr. Seevaratnam, Dr. Soorian dan Hor Cheok Foon.

Selepas pilihanraya, iaitu pada 12hb. Mei, PERIKATAN telah memenangi 19 kerusi daripada 40 kerusi Dewan Negeri di Perak dan memenangi 13 kerusi daripada 28 kerusi di Selangor, dengan kecualianya Pulau Pinang yang terjatuh ke dalam tangan parti pembangkang, iaitu GERAKAN. Parti-parti pembangkang akan dapat memerintah di negeri-negeri tersebut sekiranya mereka menggabungkan sendiri. Akan tetapi GERAKAN mengumumkan bahawa mereka enggan bergabung dengan parti-parti pembangkang lain.

tiusahaan Agung.

Lim Kit Siang dilepaskan dari penjara pada bulan Oktober, 1970. Dengan segera beliau pun menjalankan tugas parti. Exco Pusat DAP mengadakan suatu mesyuarat pada 4hb. Oktober, 1970 menempatkan ahli-ahlinya semula:

Pengerusi: Dr. Chen Man Hin
Naib Pengerusi: Norjadi Setiausaha Agung: Lim Kit Siang
Naib Setiausaha Agung: Fan Yew Teng, Daing Ibrahim, Dr. K.S. Das
Setiausaha Pengelola: Lee Lam Thye
Pembantu Setiausaha Pengelola: Ibrahim Singgeh
Ahli-ahli lain tidak berubah.

Yeap Ghim Guan, Chan Kok Kit, Chian Heng Kai
Semenjak 1971, DAP telah mengalami banyak peristiwa kebangkitan, kerana ramai ahlinya mengundurkan diri ataupun dibatalkan keahliannya.

Imej DAP sebagai suatu parti pembangkang yang kuat sejak 1969 telah terjejas oleh peristiwa-peristiwa itu. Walau bagaimanapun, kerja partinya berterusan juga seperti biasa.

Pada 24hb. Februari, DAP mengadakan rombakan untuk mengatasi kerja yang semakin bertambah. Setiausaha Pengelola, Lim Lam Thye, dijadikan Setiausaha Seranta dan Perhubungan.

Perebutan kuasa parti DAP berlaku lagi dalam tahun 1972. Naib Pengerusi DAP, Goh Hock Guan, dan Ahli Parlimen bagi kawasan Port Dickson, A. Soorian mengundurkan diri mereka daripada DAP. Sedangkan DAP pula menyingkir kedua-dua mereka pada 3hb. Julai.

DAP mengadakan suatu mesyuarat wakil-wakil parti yang khas pada 16hb. Julai. Mesyuarat itu menyokong sepenuhnya keputusan untuk melucutkan keahlian Goh Hock Guan dan Dr. Soorian.

Pada hari itu juga suatu senarai ahli-ahli Jawatankuasa Pusat yang baru telah diumumkan.

Pengerusi: Dr. Chen Man Hin
Naib Pengerusi: Daing Ibrahim, Dr. K.S. Das, Yeap Ghim Guan (baru dilantik)
Setiausaha Agung: Lim Kit Siang
Naib Setiausaha Agung: Ibrahim Singgeh, Lim Cho Hock
Bendahari: Dr. Seevaratnam
Pembantu Bendahari: Chan Kok Kit (baru dilantik)

Kabinet bayangan DAP: tiada satu pun Bumiputra

Pada 13hb. Mei, Negara kita ditimpa kacau bilau dan kerajaan diperintah oleh Majlis Gerakan Negara. Lim Kit Siang telah ditangkap pada 25hb. Mei, 1969.

Ketika itu setiap parti politik mengalami suasana sunyi dan senyap sahaja. Setiausaha Agung DAP, Goh Hock Guan pergi ke England untuk menyertai Mesyuarat Agung Sosialisme Antarabangsa. Lepas itu, beliau tinggal di sana, tidak balik ke mari. Dan pada 1hb. November, beliau melewatkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung dengan mengirinkan sepucuk surat dari Hong Kong. Jadi, Lim Kit Siang yang masih berada di penjara itu pun dilantik oleh Jawatankuasa Pusat DAP untuk menyandang jawatan Se-

Dalam bulan Oktober, 1970, DAP mempunyai 80 cawangan di seluruh Malaysia. Pada awal 1971, DAP mengadakan Mesyuarat Agung Kedua dan telah memilih Jawatankuasa Pusat baru yang akan diberi mandat selama 3 tahun.

Pengerusi: Dr. Chen Man Hin
Naib Pengerusi: Daing Ibrahim, Goh Hock Guan
Setiausaha Agung: Lim Kit Siang
Naib Setiausaha Agung: Ibrahim Singgeh, Fan Yew Teng
Setiausaha Pengelola: Lee Lam Thye
Bendahari: Dr. Seevaratnam
Pembantu Bendahari: Richard Ho
Ahli-ahli Jawatankuasa: Dr. K.S. Das, Lim Cho Hock,

Setiausaha Pengelola: Fan Yew Teng
Setiausaha Seranta: Lee Lam Thye

Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat: Peter Dason, Lim Thian Kheng, Ramasen, Chian Heng Kai, Haji Mohamad Sharif

Dalam pilihanraya 1974, DAP meletakkan 44 orang calon untuk Parlimen dan 119 orang calon untuk Dewan Undangan Negeri. Keputusannya ialah mereka hanya dapat merebut 9 kerusi Dewan Parlimen dan 23 kerusi Dewan Negara. Seperti juga keputusan Pilihanraya Nasional 1969, keputusan pilihanraya ini adalah di luar jangkaan DAP. Dulu DAP tidak menjangka menang tetapi kali ini tidak menjangka kalah. Kerusi-kerusi yang dimenangi menjadi kurang. Seramai 2 orang calon Parlimen hilang wang pertaruhan dan seramai 17 orang calon DAP untuk Dewan-dewan Undangan Negeri hilang wang pertaruhan mereka di dalam pilihanraya itu. Dan berikut ialah ahli-ahli Dewan Parlimen DAP:

Wilayah Persekutuan:

Kawasan Kuala Lumpur Bandar: Lee Lam Thye

Kawasan Sungai Besi: Fang Seong Tharn

Selangor:

Kawasan Petaling: Oh Keng Seng*

Negeri Sembilan:

Seremban: Dr. Chen Man Hin

Melaka:

Bandar Melaka: Lim Kit Siang

Perak:

Kawasan Kinta: Ngan Siong Hin

Kawasan Ipoh: Lim Cho Hock

Kawasan Menglembu: Fan Yew Teng*

Kawasan Batu Gajah: Chian Heng Kai

Ahli-ahli Dewan Negeri adalah seperti berikut:

Selangor: (sebanyak 20 orang calon)

Kawasan Petaling Jaya: Fan Yew Teng*

Negeri Sembilan: (sebanyak 16 orang calon)

Kawasan Rasah: John Fernandez

Kawasan Rahang: Dr. Chen Man Hin

Kawasan Sungai Ujung: Liew Ah Kim

Melaka: (sebanyak 9 orang calon)

Kawasan Tranquerah: Chan Teck Chan*

Kawasan Kubu: Lim Kit Siang

Kawasan Durian Daun: Yong Wee Yook

Kawasan Bandar Hilir: Bernard Sta Maria

Johor: (sebanyak 13 orang calon)

Kawasan Kluang: Lee Kaw Perak: (sebanyak 34 orang calon)

Kawasan Jalong: Ngan Siong Hing

Kawasan Kelian Pau: Lim Eng Chuan*

Kawasan Gopeng: P. Patto

Kawasan Sungtong: Mohamad Salleh Nakhoda Itam

Kawasan Kepayang: Lim Cho Hock

Kawasan Pasir Puteh: Daing Ibrahim Othman*

Kawasan Kuala Pari: Lim Nyit Sin

Kawasan Pantai Remis: Young Heow Choo

Kawasan Kampar: Chan Heng Woh*

Pulau Pangkor: Phung Teik Hua

Kawasan Pasir Bedamar: Thee Ah Kow

Pulau Pinang: (sebanyak 22 orang calon)



Devan Nair



Goh Hock Guan



Hor Cheak Foon



Richard Ho



Chin Nyok Soo



Ooi Ean Kwong

Kawasan Pekan Bukit Mer-
tjam: Oh Teck Aun*

Kawasan Bukit Tambun: Ng
Swee Ching*

Kedah: (satu orang calon)

Kawasan Bandar Alor Setar:
Karpal Singh

Empat orang calon DAP
yang bertanding di Pahang
itu gagal belaka.

(Catitan: * telah mengun-
durkan diri dari DAP)

Pada 25hb. Mac, 1977, DAP
mengadakan Mesyuarat Agung
Keempat di Kuala Lumpur.
Pengerusi DAP berkata di da-
lam mesyuarat tersebut bahawa
parti DAP telah membuka
keteguhannya setelah bersabar
dan berjuang selama sekian ta-
hun. Ianya telah menjadi suatu
parti pembangkang yang cukup
kuat.

Pengerusi DAP mengingatkan
ahli-ahlinya jangan berasa puas
hati kerana kerja-kerja di ha-
dapan akan lebih mencabar
dan tugas mereka akan lebih
berat.

Lim Kit Siang menyatakan
di dalam mesyuarat itu bahawa
DAP adalah diberi tugas
supaya menyorongkan Malay-
sia ke landasan demokrasi. Ji-
kalau terpesong dari landasan
demokrasi rakyat jelata akan
tidak berkeyakinan di masa
hadapan.

Mesyuarat Agung itu telah
meluluskan satu resolusi yang
berbunyi:

*"Kami, wakil-wakil parti
di Mesyuarat Agung Ke-
empat, mengulangi kata ba-
bawa kami akan berjuang
untuk mewujudkan suatu
negara Malaysia berbilang
kaum yang sebenarnya me-
lalui proses demokrasi dan
sosialisme. Setiap wargane-
gara Malaysia dengan tidak
mengira kaum, bahasa dan
agama akan menikmati ke-
adilan politik, ekonomi dan
kebudayaan. Mencipta*

*suatu masyarakat yang lain
daripada satu yang benar-
benar berbilang kaum dan
mempunyai jabaman sosia-
lisme, Malaysia akan men-
jadi satu negara yang kucar-
kacir. Resolusi ini mengge-
rakkan semua rakyat Malay-
sia mewujudkan suatu sua-
sana di mana rakyat akan
berbangga sebagai rakyat
Malaysia serta kekayaan ne-
gara dapat dibagikan ke-
pada semua kaum dengan
adil, dan hak kebebasan
asasi rakyat dapat dipulih
semula, serta proses demo-
krasi bendaklah dibormati
sepenuhnya."*

Untuk mencapai matalamat
tersebut, DAP telah mengem-
ukakan lama cadangan.

Mesyuarat Agung itu meng-
hasilkan satu Jawatankuasa
Pusat yang mempunyai ahli-
ahli seperti berikut:

Pengerusi: Dr. Chen Man
Hin

Naib Pengerusi: Yeap Ghim
Guan, Dr. Seevaratnam,
Daing Ibrahim

Setiausaha Agung: Lim Kit
Siang

Naib Setiausaha Agung:
Ibrahim Singgeh

Bendahari: Lee Kaw, Chan
Kok Kit

Setiausaha Seranta: Chian
Heng Kai

Setiausaha Pengelola: P.
Patto

Naib Setiausaha Pengelola:
Chan Teck Chan

Setiausaha Urusan Antara-
bangsa: Fan Yew Teng

Pengarah Lembaga Politik:
Lee Lam Thye

Ahli Exco: Karpal Singh

Pada 18hb. Jun, 1978, DAP
mengadakan Mesyuarat Ke-
bangsaan Khas di Kuala Lum-
pur untuk membincangkan
strategi pilihanraya serta
mengumumkan deklarasi
(declaration) pilihanraya.

Enam resolusi telah dilulus-
kan dalam mesyuarat itu.

Lim Kit Siang berkata di
mesyuarat itu:

*"Pilihanraya 1978 boleh
dikatakan suatu perkara
baik bagi DAP. Sekurang-
kurangnya kita akan men-
capai basil yang lebih baik
daripada pilihanraya yang
dilaksanakan pada tahun
1969 dan 1974. Kali ini kita
akan memenangi tidak ku-
rang daripada 20 kerusi Par-
limen dan 50 kerusi Dewan
Undangan Negeri. Masa
telah tiba. Semua rakyat
yang cintakan Malaysia,
sama ada di dalam atau di
luar parti DAP, mestilah
mara ke hadapan untuk
mempertabangkan demo-
krasi, menyokong calon-calon
DAP untuk mengelakkan
Malaysia menjadi sebuah
kerajaan yang dikuasai oleh
satu parti politik sabaja.
Deklarasi DAP adalah bertu-
juan menyelamatkan demo-
krasi berparlimen, serta
mengalakkan muslihat PER-
IKATAN, iaitu memegang
teraju pemerintahan dengan
satu parti sabaja."*

Pada 16hb. Jun, 1978, DAP
mengumumkan bilangan keru-
si yang mereka akan cuba me-
rebut dalam pilihanraya itu,
iaitu:

Pulau Pinang: 6 kerusi Par-
limen dan 18 hingga 20 ke-
rusi Dewan Undangan Ne-
geri

Perak: 21 kerusi Parlimen
dan 42 kerusi Dewan Un-
dangan Negeri

Selangor: 7 kerusi Parlimen
dan 26 kerusi Dewan Un-
dangan Negeri

Wilayah Persekutuan: 5 ke-
rusi Parlimen

Negeri Sembilan: 4 kerusi
Parlimen dan 18 kerusi De-
wan Undangan Negeri

Melaka: 3 kerusi Parlimen

dan 18 kerusi Dewan Undangan Negeri

Johor: 8 kerusi Parlimen dan 16 kerusi Dewan Undangan Negeri

Pahang: 4 kerusi Parlimen dan 14 hingga 16 kerusi Dewan Undangan Negeri

Kedah: 1 kerusi Parlimen dan 2 hingga 4 kerusi Dewan Undangan Negeri

Perlis: 1 hingga 2 kerusi Dewan Undangan Negeri

Sabah: 3 hingga 5 kerusi Parlimen

Akhirnya DAP hanya mendapat 15 kerusi Dewan Negara dan 25 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya itu. Ini adalah terlampau jauh daripada ramalan Lim Kit Siang tadi. 7 orang calon Parlimen DAP hilang wang pertaruhan mereka dan 18 orang calon Dewan Undangan Negeri juga turut kehilangan wang pertaruhan itu.

Berikut ialah Abli-abli Parlimen DAP:

Kawasan Kuala Lumpur

Bandar: Lee Lam Thye

Kawasan Damansara: David

Kawasan Petaling Jaya: Lim Kit Siang

Kawasan Seremban: Dr. Chen Man Hin

Kawasan Kota Melaka: Chan Teck Chan*

Kawasan Kluang: Lee Kaw

Kawasan Ipoh: Lim Cho Hock

Kawasan Menglembu: P. Patto

Kawasan Batu Gajah: Chian Heng Kai

Kawasan Bukit Mertajam: Seow Hun Khim*

Kawasan Bukit Bendera: Peter Paul Dason

Kawasan Tanjung: Wong Hoong Keat

Kawasan Jelutong: Karpal Singh

Kawasan Sandakan: Fung Ket Wing

Abli-abli Dewan Undangan Negeri DAP adalah seperti berikut:

Selangor:

Kawasan Kuala Kubu Bharu: Pan Su Peng

Kawasan Kajang: Liew Ah Kim

Kawasan Serdang: Lee Lam Thye

Negeri Sembilan:

Kawasan Rasah: M. Kuppusamy

Kawasan Rahang: Dr. Chen Man Hin

Kawasan Sungai Ujung: Hiu Sepang

Melaka:

Kawasan Tranquairah: Chan Teck Chan*

Kawasan Kubu: Lim Kit Siang

Kawasan Durian Daun: Yong Wee Yook

Kawasan Bandar Hilir: Bernard Sta Maria

Johor:

Kawasan Bandar Keluang: Lee Kaw

Lim Kit Siang berasa kecewa tentang keputusan DAP dalam pilihanraya tersebut.

Mereka cuma merebut 15 kerusi Dewan Negara dan

24 kerusi Dewan Negeri dan ini adalah jauh daripada

matlamat yang diidam-idamkan.

Pada 1hb. September, 1979, Ahli-ahli Parlimen dan Dewan

Undangan Negeri DAP mengadakan Seminar ke-6 di Cameron Highlands.

Deklarasi Cameron Highlands itu berbunyi:

"Abli-abli Jawatankuasa Pusat DAP, Abli-abli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri DAP menjamin bahawa DAP akan memainkan

sebarang peranan untuk mempertabakan kedaulatan dan keutuhan negara.

Jika negara memerlukan, kita sedia mengorbankan

nyawa kita untuk melindungi Malaysia. Dalam menghadapi tabun 1980 yang penuh dengan kemelut ini, setiap orang Malaysia bertanggungjawab memajukan persefahaman antara satu sama lain supaya basnat sabib orang-orang Malaysia itu dapat diterima serta kebimbangan di antara satu dengan lain itu tidak akan diruncingkan lagi."

Deklarasi itu menegaskan bahawa DAP ialah parti politik, tidak membenarkan anasiran-anis pelampau menjejaskan dan menumbangkan Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum.

Pada 2hb. Ogos, 1978, suatu senarai tugas bagi Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri DAP telah dikeluarkan oleh Lim Kit Siang di Kuala Lumpur. Lim berkata ini bukanlah hendak membentuk Kabinet Khayalan tetapi hendak menetapkan satu sistem supaya membolehkan Ahli-ahli Dewan daripada DAP memperoleh dan mengetahui pengetahuan akan tugas-tugas mereka yang berkaitan dengan kerajaan.

Beginilah aturan urusan masing-masing:

Lee Lam Thai: Wilayah Persekutuan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

P. Patto: Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pengangkutan

Lim Cho Hock: Perbadanan Awam, Tenaga dan Telekom

Lee Kaw: Kewangan, Pertanian, Tanah dan Pembangunan Kawasan

Peter Dason: Hasil Utama, dan Perhubungan Luar Negeri

Fung Ket Wing: Urusan Sabah dan Sarawak, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Chan Teck Chan: Pendi-dikan

Karpal Singh: Undang-undang dan Pertahanan Negara
Teng Chik Meng: Pene-rangan, Kerja Awam dan Pembinaan, Kebudayaan
Belia dan Sukan
V. David: Buruh
Wong Hoong Keat: Perda-gangan dan Industri
Seow Hun Khin: Kesihatan dan Perkhidmatan Keba-jikan

Lim Kit Siang menyatakan bahawa Ahli-ahli Dewan terse-but harus menubuhkan kumpul-an penyelidikan atau kumpul-an kecil yang boleh mengandungi 25 Ahli Dewan Undangan Negeri, 2 pemimpin atau ahli-ahli parti atau mereka yang berada di luar parti. Mereka boleh berbincang dan bertukar-tukar fikiran mengenai sesuatu dengan tujuan mendapatkan fikiran yang baru bagi menjalankan tugas masing-masing.

Tetapi sesudah lebih seta-hun belum lagi terdengar apa-apa rancangan yang disuarakan oleh ketua jabatan-jabatan yang ditubuhkan oleh DAP itu.

Pada awaf bulan Ogos, 1978, suatu perkara besar berlaku di kalangan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri DAP di Perak sebab mereka enggan membe-rikan taat setia kepada DYMM Sultan Perak.

DYMM Sultan Perak bertih-tah bahawa enam orang Ahli Dewan Negeri DAP yang tak mahu menunjukkan taat setia itu bukanlah rakyatnya.

*"Sekarang beta dapat me-
libat muka-muka mereka
dengan jelas. beta tiada
mempunyai sebarang perbu-
ngan dengan mereka se-
bab mereka enggan mencu-
rabkan taat setia kepada
beta," titahnya.*

Lim Kit Siang yang mewaki-li keenam-enam orang itu me-minta ampun pada DYMM Sultan Perak. Dalam sepucuk suratnya beliau berkata:

*"Saya sebagai wakil DAP
menyesali sebarang perbu-
buatan-perbuatan yang ti-
dak disengajakan yang me-
nyinggung perasaan Tuanku
dan tidak memberi bormat
kepada pibak di raja."
"Saya ingin memberi jamin-
an kepada Tuanku bahawa
DAP akan menyokong Per-
lembagaan-perlembagaan
Negeri Perak dan Negara
Malaysia dengan sepenuh-
nya. Malahan setiap Ahli
Dewan Negeri Perak diwa-
jibkan menarub taat setia
kepada Sultan Perak," kata
Lim lagi.*

Dua orang daripada 9 orang Ahli Dewan Undangan Negeri DAP di Perak itu, bagaimana-pun telah berikrar untuk taat dan setia kepada Sultan Perak. Mereka itu ialah Mohamad Sharif dan Lim Eng Chuan.

Yang tidak memberikan ikrar itu ialah Lim Cho Hock, P. Patto, Lim Nyit Sin, Thee Ah Kow, Chiang Heng Kai dan Lee Kak Hoi.

Mengenai minta maaf dari-pada Lim Kit Siang itu, DYMM Sultan Perak bertitah, *"Beta tidak nampak sebab-
musabab mereka meminta
ampun. Perkara ini langsung
tidak timbul. Mengikut ke-
biasaan negeri Perak, sekiranya
kamu minta maaf, maka inilah
tanda kamu telah membuat sal-
lah. Akan tetapi menurut pen-*

*dapat mereka, mereka tidak
bersalah kerana mereka banya
mematubi Perlembagaan."*

Pada 8hb. Ogos, Lim Cho Hock Pengerusi DAP Perak, merangkap Ketua DAP di De-wan Undangan Negeri, atas kesalahannya telah meletak-kan jawatan sebagai Pengerusi DAP Perak, Ketua DAP di De-wan Undangan Negeri Perak, dan Ahli Dewan Undangan Ne-geri Kawasan Kepayang.

Lim Kit Siang pada 21hb. Ogos, mengumumkan bahawa Jawatankuasa Pusat DAP men-enerima perletakan kedua-dua jawatan tersebut, iaitu Penge-rusi DAP negeri dan Ketua DAP di Dewan Undangan Ne-geri. Permohonan untuk melet-akkan jawatan sebagai ADUN, bagaimanapun ditolak. Lim mengumumkan bahawa beliau sendiri akan memangu ja-watan Pengerusi DAP Perak. Sedangkan Patto akan menjadi pemimpin Dewan Negeri.

Pada 9hb. Disember, 1978, suatu Pilihanraya Kecil Dewan Negeri diadakan semula di Ka-wasan Kg. Kolam, Pulau Pi-nang. Ooi Ean Kwong calon DAP sekali lagi berjaya dengan memperolehi 8,063 undi. Dan calon BARISAN NASIONAL, Khoo Kay Por mendapat 4,398 undi. Calon bebas, Lee Teik Hooi mendapat 62 undi. Jadi undi majoriti ialah 3,665.

Lim Kit Siang berkata baha-wa kemenangan itu menunjuk-kan sokongan pengundi-peng-undi terhadap penubuhan Universiti Merdeka dan juga



menunjukkan bahwa pengundi-pengundi berharap agar peluang untuk mendapatkan tempat-tempat pelajaran tinggi kepada anak-anak mereka ditambah.

Apabila membincangkan belanjawan di persidangan Dewan Negeri Perak pada 14hb. Disember, 1978, Lim Cho Hock mendakwa bahawa ahli Dewan Negeri Barisan Nasional, iaitu Ketua Dewan Negeri Ahmad Azizuddin tidak mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negeri mengikut Perlembagaan Negeri. Dakwaan Lim Cho Hock diselesaikan di Mahkamah. Akhirnya Lim Cho Hock mengalah dan kena menanggung segala belanja mahkamah.

Pada 24hb. Jun, 1979, Lim Kit Siang membuka Mesyuarat Agung Wakil-wakil DAP yang pertama di Pulau Pinang. Beliau membuat suatu pengumuman bahawa DAP akan cuba meragut kuasa pemerintahan Pulau Pinang. Dan DAP akan menubuhkan satu jawatankuasa khas tidak berapa lagi untuk mengkaji strategi-strategi dalam usaha meragut teraju pemerintahan Pulau Pinang.

Dalam Pilihanraya Kecil yang diadakan di Pangkalan Kota, Pulau Pinang dalam bulan November itu, 1980 DAP mengalami kegagalan dan ini telah mencetuskan satu lagi kerisis DAP. Lim Kit Siang menyatakan pada 17hb. November, bahawa DAP telah mengengapikan rancangan mengambil alih kuasa pemerintahan Pulau Pinang, iaitu Projek '83 untuk sementara.

Seterusnya ada kalangan dari dalam parti yang mendakwa bahawa Lim Kit Siang telah membuat pemilihan calon yang tidak sesuai. Untuk mempertahankan kewibawaan jawatan Setiausaha Agung,

maka Lim pun meletakkan jawatannya. Ini diikuti dengan suatu mesyuarat tergempar yang diadakan oleh Jawatankuasa Pusat DAP dengan tujuan memujuk Lim agar jangan meletakkan jawatan. Tetapi dalam mesyuarat itu Chan Teck Chan, ahli Jawatankuasa Pusat, telah dihujani dengan bidasan dari banyak pihak, maka beliau pula naik darah dan keluar dari DAP untuk sementara.

Pada 1hb. Disember, 1980, Lim Kit Siang, tatkala berada di Seremban menyangkal dakwaan yang mengatakan bahawa beliau adalah menentang pendidikan bahasa Cina. Golongannya lain dalam DAP mendakwa bahawa ada pemimpin DAP di sisinya yang membuat kempen bagi menindas orang-orang yang berpendidikan bahasa Cina. Lim membidas dakwaan ini serta berkata, "*Gilalah saya jikalau saya berbuat demikian.*"

Pada 10hb. Januari, 1981, Jawatankuasa Disiplin DAP mengirimkan 3 pucuk surat kepada 3 orang pemimpin dan 10 cawangan DAP. Mereka itu diarah membuat penjelasan kenapa mereka terus memberikan kenyataan-kenyataan kepada akhbar secara terbuka walaupun sudah diarahkan supaya tidak berbuat demikian dan ini telah melanggar disiplin parti. Penjelasan itu mesti dikemukakan dalam tempoh dua minggu. Ketiga-tiga orang pemimpin itu ialah Seow Hun Khim, Goh Lim Fam dan Chin Nyok Soo.

Pada 11hb. Januari, Lim menegaskan bahawa tindakan itu tidak bermakna beliau hendak menyingkir ahli-ahli parti. Mereka hanya diminta memberi alasan mengapa mereka memberitahu orang ramai tentang urusan parti. Ini bukan



hendak memecat mereka, tegasnya.

Pada 22hb. Februari, Jawatankuasa Kerja Pusat DAP mengumumkan bahawa ianya mengambil alih urusan parti negeri Pulau Pinang dengan secara langsung selama 12 bulan. Setiausaha Agung diberi kuasa mewakili Jawatankuasa Kerja Pusat menjalankan keputusan itu dalam masa 12 bulan. Pengambilan kuasa ini adalah satu peristiwa yang berulang. Dalam tahun 1978, DAP Pusat pernah mengambil alih kuasa parti di Pulau Pinang.

Pada 23hb. Februari, Ahli Dewan Negeri DAP di kawasan Kampung Kolam, Ooi Ean Kwong mengumumkan bahawa beliau keluar parti.

Lepas itu, DAP pun memecatkan keahlian Goh Lim Ean, Seow Hun Khim, Chin Nyok Soo dan Chan Teck Chan.

Semenjak tahun 1969, DAP tidak pernah berada dalam keadaan tenang. Perkara-perkara pemecatan dan pengunduran sering berlaku. Walau bagaimanapun, kekuatan DAP masih tidak kurang setakat ini. Salah satu daripada sebabnya ialah DAP tetap menjadi satu-satunya parti pembangkang yang cukup besar seolah-olahnya tidak ada pilihan lain.

KONFLIK LIM-GOH BERPUTIK SEJAK 1969

SINGAPURA menjadi salah satu negeri dalam Malaysia apabila Malaysia ditubuhkan pada 16hb. September, 1963. Selama 5 bulan sejak tarikh itu, PAP mempunyai hubungan rapat dengan parti PERIKATAN di Semenanjung Malaysia. Ini merupakan tempoh berbulan madu di antara PAP dengan PERIKATAN.

Tetapi pada 1hb. Mac, 1964, Pengerusi PAP, Dr. Toh Chin Chai mengumumkan bahawa parti PAP sedang menimbang hendak menjadi sebuah parti nasional. Oleh kerana itu, PAP akan mencalonkan beberapa ahlinya untuk menyertai Pilihanraya Nasional yang telah dijadual diadakan dalam bulan April, 1964.

Pada hari penamaan calon, iaitu pada 21hb. Mac, 1964, PAP mengemukakan 11 orang calon untuk kawasan Parlimen dan 15 orang calon untuk kawasan Negeri. Setelah UMNO membantah, PAP mengundurkan dua orang calon Parlimennya.

Pada 25/4/1964, apabila keputusan-keputusan pilihanraya itu diumumkan, tidak seorang pun daripada kesemua 15 orang calon kawasan Negeri yang menang. Lapan orang daripadanya hilang wang pertaruhan. Dari 9 orang calon Parlimen PAP yang bertanding, cuma seorang saja yang menang, iaitu En. Devan Nair dalam kawasan Parlimen Bangsar, Kuala Lumpur. Pada 9hb. Ogos, 1965, Singapura berpisah dengan Malaysia. Dengan itu, tinggalah En. Devan Nair sebagai anak yatim politik PAP di Malaysia.

En. Devan Nair telah lama terkenal sebagai seorang pemimpin Kesatuan-kesatuan Sekerja di Singapura.

Berikutan dengan perpisahan Singapura dari Malaysia, parti PAP yang tertinggal di Malaysia itu tidak boleh bergerak di bawah nama serta lambang PAP lagi. Kerana itu, Devan Nair mula menubuhkan sebuah parti politik baru di sini yang serupa dengan PAP di Singapura. Maka lahirlah parti DAP.



LIM KIT SIANG: Suaranya lantang bila memperkatakan sesuatu.

Dalam Mesyuarat Agung DAP yang pertama, Devan Nair dilantik menjadi Setiausaha Agung DAP. Dalam menjalankan tugasnya mengembangkan parti DAP, Devan Nair dapat dibantu oleh beberapa orang cerdik pandai. Salah seorang daripada ialah En. Goh Hock Guan yang membantunya sebagai Penolong Setiausaha Agung.



Goh Hock Guan adalah anak seorang peniaga yang sederhana kayanya di negeri Kedah. Apabila tamat pelajarannya di sekolah menengah di Pulau Pinang, Goh melanjutkan pelajaran di Universiti Melbourne. Di sana Goh berjaya menjadi seorang arkitek dan seorang perancang bandar kemudiannya.

Goh ialah seorang intelek muda. Dia menganggap dirinya sebagai seorang pemimpin semula jadi. Sejak dari masa Goh belajar di Universiti Melbourne, Lee Kuan Yew telah menjadi pujaan Goh. Setelah lulus dari Universiti Melbourne, Goh membuka firma arkiteknya di Singapura. Selain dari berniaga di Singapura, Goh juga menjadi ahli DAP di mana Goh berhubungan rapat dengan Lee Kuan Yew dan Devan Nair.

Tidak hairanlah Goh menjadi pembantu Devan Nair apabila DAP ditubuhkan di Malaysia. Semasa itu juga Devan Nair memerlukan seorang Setiausaha Politik untuk membantunya dalam menjalankan tugas-tugas di kawasan Parlimennya dan juga di dalam parti. Dalam 1967, Lim Kit Siang dipilih menjadi Setiausaha Politik beliau.

Lim Kit Siang berasal dari Batu Pahat, Johor. Dia pernah bekerja sebagai pemberita Straits Times untuk kawasan Johor. Dia pernah juga bekerja di Kementerian Kebudayaan Singapura. Seperti Goh, Lim Kit Siang juga memuja Lee Kuan Yew.

Lim ialah seorang yang rajin memperbaiki diri dengan banyak membaca.

Pada tahun 1969, Devan Nair meletak jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP. Pada ketika itu, Devan Nair masih memegang jawatan sebagai Penasihat MTUC Singapura. Dia telah mengambil keputusan untuk menumpukan segala tenaganya ke-



Goh Hock Guan

pada urusannya di Singapura sebagai Penasihat MTUC. Goh diberi tugas sebagai Setiausaha Agung DAP selepas Devan Nair balik ke Singapura.

Tahun 1969 juga merupakan tahun Pilihanraya Nasional di Malaysia. Lim Kit Siang pada masa itu masih belum terkenal. Dia mula terkenal apabila dia menulis banyak makalah untuk siaran suratkhbar di mana dia menegur musuh politik DAP dengan begitu kerap serta lantang. Di antara isu-isu yang Lim gunakan untuk menambah modal politik DAP ialah isu Universiti Merdeka.

Hubungan di antara Goh Hock Guan dengan Lim Kit Siang mula menjadi renggang apabila kedua-dua mereka ini ingin menjadi calon partinya untuk kawasan yang diwakili oleh Devan Nair, iaitu kawasan Parlimen Bangsar dalam Pilihanraya Nasional 1969.

Sebelum hari penamaan calon, Lim Kit Siang mencari-cari tempat untuk mendapat satu kawasan yang selamat. Setelah tidak berjaya mendapat kawasan Bangsar, Lim mulanya ingin bertanding di kawasan kam-

. 13 Ahli Parlimen dan 30 Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada DAP memberikan ikrar untuk berkhidmat kepada rakyat di dalam satu seminar yang diadakan pada 24hb. Oktober, 1970.





Mungkinkah beliau akan sentiasa dijulung?

pungnya, iaitu Batu Pahat. Tetapi dia tidak berkeyakinan menang di situ. Lalu dia pun memilih kawasan Bandar Melaka.

Satu keistimewaan dalam Pilihanraya Nasional 1969 ialah parti-parti pembangkang mencapai satu pakatan di mana parti-parti pembangkang bersetuju menentang PERIKATAN satu lawan satu, iaitu kalau ada satu parti pembangkang yang bertanding dengan calon PERIKATAN di sesuatu kawasan, maka parti-parti pembangkang yang lain tidak akan meletakkan calonnya di kawasan itu.

Di bawah pakatan itu, PMIP (PAS) telah pun mencalonkan ahlinya di kawasan-kawasan di mana pengundi-pengundi terdiri kebanyakannya daripada orang-orang bukan Melayu, supaya merebut undi orang-orang Melayu dari calon PERIKATAN.

Akhirnya Goh menang di kawasan Bangsar dengan mengalahkan calon PERIKATAN Liew Sip Hon, manakala Lim Kit Siang menang di kawasan Bandar Melaka.

Semua parti pembangkang, iaitu Gerakan, PAS, PPP mendapat kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya itu. Kemenangan DAP adalah yang paling gemilang.

Di kalangan parti-parti kerajaan, UMNO hilang 17 kerusi Parlimen yang telah direbut oleh PAS. UMNO cuma dapat sebanyak 51 kerusi Parlimen. MCA dapat 13 kerusi Parlimen setelah hilang 20 kerusi Parlimen kepada parti-parti pembangkang. MIC dapat 2 kerusi Parlimen daripada 3 yang dipegangnya dulu.

Walaupun bagaimanapun, PERIKATAN masih berkuasa dengan memegang 66 kerusi daripada jumlah sebanyak 104 kerusi Parlimen.

Tetapi di peringkat Dewan-dewan Undangan Negeri, kuasa memerintah jatuh kepada tangan Parti Pembangkang, iaitu parti Gerakan di Pulau Pinang di mana UMNO cuma dapat 4 kerusi, manakala MCA tidak langsung dapat satu kerusi pun. Di Negeri Perak, dari jumlah sebanyak 40 kerusi Dewan Undangan, UMNO dapat 18 kerusi, MCA satu. 21 kerusi yang lain telah jatuh pada tangan parti-parti pembangkang. Di Negeri Selangor pula, dalam Dewan Undangan seramai 28 orang anggota itu, UMNO mempunyai 12 anggota, MCA satu, MIC satu. Yang 14 lain telah jatuh pada tangan parti-parti pembangkang.

Di Negeri Trengganu dalam Dewan Undangan seramai 24 orang anggota itu, UMNO mempunyai 13 kerusi. PAS tetap terus berkuasa memerintah di Negeri Kelantan.

Pada larut malam 11hb. Mei, 1969, apabila keputusan-keputusan pilihanraya telah diumumkan, penduduk-penduduk bandar Kuala Lumpur dan juga ahli-ahli parti pembangkang begitu riang dan gembira dengan keputusan-keputusan itu. Mereka berarak melalui jalan-jalan di bandar itu hingga subuh.

Pada 13hb. Mei, 1969, tercetuslah Peristiwa 13hb. Mei. Perintah Darurat dikenakan di seluruh negara. Demokrasi berperlimen telah dibekukan. Malaysia diperintah melalui NOC (National Operation Council) atau Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang diketuai oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Pada masa itu Dr. Chen Man Hin, Pengerusi DAP dan Goh Hock Guan telah melarikan diri ke luar negeri. Lim Kit Siang pula telah ditahan oleh kerajaan.

Pada 1hb. November, Goh telah meletakkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP dan digantikan oleh Lim Kit Siang yang masih berada dalam tahanan.

Pada bulan Oktober, 1970, Lim telah dibebaskan oleh kerajaan. Ia berhutang budi kepada Goh Hock Guan kerana Goh telah berusaha membebaskan Lim di Persidangan Sosialis Antarabangsa di London.

Setelah Mageran dibubarkan, pemerintahan secara demokrasi pun dipulihkan. Goh Hock Guan dipujuk memasuki semula DAP kerana Lim berkehendakkan kerjasama Goh untuk mengaktifkan DAP. Tetapi Lim sangat khuatir akan Goh mengam-

bil alih jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP. Goh enggan berbuat demikian. Ia hanya berkhidmat sebagai seorang Naib Pengerusi.

Pada 7hb. Februari, 1971, pemimpin-pemimpin Cina berusaha menubuhkan sebuah persatuan untuk memperkukuhkan kedudukan rakyat keturunan Cina. Bagaimanapun, usaha itu dikritik oleh Lim Kit Siang. Ini telah mengakibatkan perselisihan faham di antara dia dengan Dr. Toh Chee Cheong seorang tokoh pergerakan itu. Untuk menyelesaikan perselisihan itu, Encik Lim diiringi oleh Fang Yew Teng pun mengunjungi Dr. Toh.

Lim Kit Siang juga, melalui Alex Lee, mengunjungi Tun Tan Siew Sin untuk berunding tentang kerusinya di Bandar Melaka kerana dia dikatakan telah melanggar undang-undang pilihanraya.

Perjumpaan kali kedua di antara Lim Kit Siang dan Tun Tan direstui oleh Dr. Chen Man Hin dan Goh Hock Guan. Kononnya, dalam perbincangan itu, Tun Tan telah menuntut supaya DAP dibubarkan. Tun Tan berjanji mendapatkan sebuah Portfolio untuk tokoh DAP. Kononnya juga, DAP berkehendakkan jawatan 3 orang menteri dan 3 orang timbalan menteri dilantik daripada parti itu. Maka perbincangan seterusnya di antara kedua parti itu pun gagal. Imej Lim Kit Siang telah jatuh kerana




FAN YEW TENG, sekarang berada di luar negeri.

SALAM PERPADUAN: Chin Nyok Soo bersama Lee San Choon selepas memasuki MCA.



Penyokong-penyokong DAP menziarahi Lim Kit Siang di rumahnya.





FAN YEW TENG yang didakwa di bawah kes hasutan bergambar bersama peguam-peguamnya dan Lim Kit Siang.

CHAN TECK CHAN sedang memikirkan untuk membentuk parti baru.



mengadakan perbincangan itu.

Tiba-tiba, Ahli Parlimen MCA bagi kawasan Ulu Selangor, Kho Kai Boh telah meninggal dunia pada awal bulan April, 1972. Satu Pilihanraya Kecil diadakan bagi mengisi kerusinya. Goh Hock Guan, sebagai Pengerusi DAP Selangor, mencadangkan Lau Dak Kee dipilih sebagai calon DAP untuk kawasan itu. Sementara itu pula, Lim berkehendakkan sahabat karibnya, Lee Lam Thye dipilih. Encik Goh dengan tidak memedulikan bantahan Lim Kit Siang mengumumkan pencalonan Lau Dak Kee. Calon PERIKATAN ialah Datuk Michael Chen.

Encik Lau telah dikalahkan oleh Datuk Chen dengan beberapa sebab. Di antaranya ialah pada hari pencalonan itu, dua orang tokoh DAP, iaitu Richard Ho dan Walter Loh kedua-duanya Ahli Parlimen telah menyertai MCA. Mereka menuduh Lim Kit Siang sebagai seorang diktator.



Tunku Abdul Rahman

Datuk Hussein Onn



Allahyarham Tun Ab. Razak

Datuk Sri Dr. Mahathir



Setelah perbincangan MCA-DAP diketahui oleh ahli-ahli DAP, ramai di antaranya telah hilang kepercayaan kepada pimpinan Lim. Mereka merayu kepada Goh Hock Guan supaya mengambil alih jawatan Setiausaha Agung DAP. Seramai 13 orang wakil rakyat DAP telah menderhaka. Maka perhubungan di antara Lim Kit Siang dan Goh Hock Guan semakin hari semakin tegang. Sementara itu, Lim Kit Siang dan Fang Yew Teng telah merancang untuk menyindir Goh. Akhirnya Goh Hock Guan dan Dr. Soorian telah disingkirkan.

Dalam surat kepada Dr. Chen Man Hin, Goh Hock Guan menerangkan bahawa perselisihan faham di antara dia dengan Lim Kit Siang tidak dapat diselesaikan. Kataanya, keruntuhan DAP tidak akan dapat dielakkan jika Lim Kit Siang terus mengang jawatan Setiausaha Agung DAP.

Dr. Chen Man Hin sedang memberikan amanat kepada rakan-rakan sejawatnya di dalam DAP.

Pemimpin-pemimpin UMNO dulu dan sekarang.



SEJARAH PERPECAHAN DAP SIAPA LAGI AKAN BERH ATAU DIPECAT?

SELEPAS teretusnya Peristiwa 13 Mei, 1969, Goh Hock Guan bertolak ke England untuk menghadiri Persidangan Sosialis Antarabangsa yang diadakan pada bulan Jun. Pemergian beliau adalah untuk berusaha membebaskan Lim Kit Siang yang telah ditahan pada 25hb. Mei, 1969, di dalam penjara. Semenjak itu, Goh Hock Guan terus menetap di luar negeri. Pada 1hb. Oktober, 1969, sewaktu berada di Hong Kong, dia telah menulis surat kepada Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin. Di dalam suratnya itu, dia meminta izin untuk meletakkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP.

Goh Hock Guan berpendapat bahawa suasana politik yang wujud pada ketika itu tidak membenarkannya lagi memberi pimpinan yang berkesan selaras dengan dasar dan perjuangan parti. Oleh itu, dia sedang berusaha untuk mengikuti kursus profesional lanjutan di England. Mengikut beliau, adalah tidak adil jika dia terus menyandang jawatan itu. Demi kepentingan parti, dia mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan.

Perletakan jawatan Goh Hock Guan telah diterima oleh pucuk pimpinan DAP. Pene-

rimaan perletakan jawatan itu telah diumumkan oleh Pengerusi Biro Buruh DAP, Fan Yew Teng pada 4hb. Oktober, 1969. Di dalam pengumuman-nya, Fan Yew Teng telah menyatakan penghargaan parti DAP atas perkhidmatan Goh. Katanya, jasa Goh Hock Guan kepada parti akan dirakamkan.

Selepas pengumuman Fan Yew Teng tadi, Lim Kit Siang pun dilantik sebagai Setiausaha Agung baru parti DAP. Oleh kerana Lim Kit Siang pada masa itu masih berada di dalam penjara, maka Fan Yew Teng telah ditugaskan sebagai pemangku-nya.

PERTAMA:

YEOH ENG CHAI

SELEPAS pilihan raya 1969, pengunduran ahli parti secara beramai-ramai, atau pengunduran Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kerap berlaku dalam DAP. Dalam satu tempoh kira-kira 10 tahun, DAP boleh dikatakan banyak mengalami krisis yang sedemikian. Rencana ini memperkatakan hanya pengunduran atau penyingkiran Ahli-ahli Parlimen, Dewan Negeri dan anggota-anggota yang mem-

gang jawatan penting dalam DAP.

ADUN DAP yang pertama mengundurkan diri ialah ADUN kawasan Lekir di Perak, Encik Yeoh Eng Chai. Dia telah mengundurkan dirinya pada 28hb. Ogos, 1969 dan memasuki Parti MCA.




Yeoh Eng Chai

Parti-parti DAP dan PPR (Parti Progresif Rakyat) berjaya memperoleh 19 kerusi daripada 40 kerusi yang dipertandingkan untuk Dewan Undangan Negeri Perak. Pada 7hb. Julai, 1969, Naib Presiden PPP yang juga ADUN kawasan Sungai Raya, En. Samudin bin Harun, Perak telah meletakkan jawatannya dalam PPP dan berhenti menjadi anggota parti tersebut lalu memasuki PERIKATAN. Ini menyebabkan PERIKATAN mempunyai 20 kerusi dalam Dewan tersebut.

Dengan kemasukan Yeoh Eng Chai, Parti PERIKATAN

AM DAP ENTI



akhirnya mempunyai 21 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Perak dan dapat mengendalikan pemerintahan negeri Perak.

Pada 28hb. Ogos, 1969, di dalam satu sidang akhbar yang diadakan di pejabat Menteri Besar Perak, Encik Yeoh Eng Chai menyatakan yang dia telah menyerahkan surat pengundurannya kepada Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin. Sementara itu dia juga telah memohon untuk memasuki Parti PERIKATAN.

Selanjutnya Yeoh Eng Chai menyatakan bahawa setelah dia mempertimbangkan selama 90 hari dasar-dasar semua parti, kesimpulan yang dapat dibuatnya ialah hanya PERIKATAN sahaja yang berupaya memberikan perkhidmatan yang memuaskan rakyat.

Dia menegaskan bahawa pengundurannya adalah dilakukan dengan secara bebas dan rela hati. Dia tidak dipaksa oleh sesiapa pun untuk berbuat demikian. Beliau adalah Ahli Jawatankuasa DAP Negeri Perak. Dia menjadi anggota parti itu selama dua tahun.

Dalam Pilihanraya Umum 1969, Encik Yeoh telah berjaya mengalahkan calon Parti PERIKATAN, Wong Bing Ang

dengan majoriti sebanyak 1,030 undi. Di dalam pertandingan itu dia mendapat 4,940 undi berbanding dengan lawannya yang mendapat 3,910 undi.

Berikutan dengan pengunduran Yeoh Eng Chai, Pengerusi DAP Perak, Encik Lim Cho Hock telah mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi:

"Sebelum bertanding, dia telah berikrar tidak akan berpaling tadah. Ikrarnya juga menyatakan bahawa jika dia berpaling tadah, dia akan meletakkan jawatan sebagai ADUN kawasanya terlebih dahulu. Saya harap dia akan menepati ikrarnya."

KEDUA:

CHIN CHAN SUNG

JIKA pengunduran Encik Yeoh Eng Chai tidak memberikan pukulan teruk kepada DAP, pengunduran ADUN Negeri Sembilan kawasan Lukut adalah berlainan sedikit. Sedikit sebanyak kejadian itu telah menggemparkan DAP. Dalam Pilihanraya Nasional 1969, Encik Chin telah bertanding dengan tiga orang calon yang lain bagi kawasan Lukut. Lawan-lawannya termasuklah Encik Lee Tee Siong, calon PERIKATAN. Kesudahannya, Chin telah menang dengan majoriti sebanyak 488 undi.

Chin Chan Sung



Pada 12hb. Oktober, 1971, Encik Chin Chan Sung mengumumkan bahawa mulai 10hb. Oktober, 1971 dia bukan lagi menjadi ahli DAP.

Pengumumannya yang dikeluarkan melalui wakilnya berbunyi:

"Pada ketika ini saya masih mempunyai keyakinan kepada dasar-dasar DAP, iaitu: dasar-dasar berbilang kaum, sosialisme secara demokrasi dan penubuhan sebuah masyarakat yang adil dan sama rata."

"Sungguhpun saya adalah salah seorang daripada penaja DAP, tetapi secara beransur-ansur keyakinan saya kepada lapisan pimpinan DAP berkurangan."

"Mulai dari 9hb. Oktober, keyakinan saya kepada lapisan pimpinan DAP beransur-ansur berkurangan."

"Mulai dari 9hb. Oktober, saya akan memberi perkhidmatan saya kepada pengundi-pengundi di kawasan saya sebagai seorang ahli BEBAS."

Pada petang hari yang sama, Dr. Chen Man Hin, Pengerusi DAP telah mengeluarkan satu kenyataan. Antara lain kenyataan itu berbunyi:

"Pada hari Sabtu, iaitu 9hb. Oktober, 1971, Jawatankuasa Pusat DAP telah mengarahkan ADUN Lukut dan seorang ADUN lain supaya memberi sebab-sebab kepada Jawatankuasa Pusat kenapa keanggotaan mereka tidak patut digantung atau disingkir daripada parti."

Di antara 24 kerusi Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan, DAP berjaya memenangi 8 kerusi. Dengan itu, DAP kehilangan satu kerusi.

Chin telah memasuki MCA pada 17hb. Januari, 1972. Dia pernah menjadi Setiausaha

Kerja MCA, peringkat negeri
itu.

KETIGA:

**HAJI HASSAN BIN
HAJI AHMAD**

SEMINGGU selepas pengunduran Encik Chin Chan Sung, seorang lagi ADUN Negeri Sembilan daripada DAP telah menarik diri pada 18hb. Oktober, 1971. ADUN itu ialah Haji Hassan, anggota kawasan Sirusa.

Dalam kenyataannya dia berkata:

"Mulai dari 13hb. Oktober, 1971 saya telah keluar daripada DAP.

"Sungguhpun saya kesal dengan tindakan itu, tetapi setelah menimbangkannya secara bersungguh-sungguh, saya rasa saya mesti berundur daripada parti itu.

"Seperti Chin Chan Sung, saya masih mempunyai keyakinan pada dasar-dasar DAP. Tetapi saya rasa pucuk pimpinan parti. Sekarang tidak dapat membiarkan kami ke arah pencapaian matlamat parti.

"Mulai dari sekarang, saya akan berkhidmat kepada pengundi di kawasan saya sebagai seorang ahli BEBAS."

Dalam pilihanraya Nasional 1969, bagi kawasan Sirusa, Haji Hassan telah bertanding melawan empat calon yang lain. Calon-calon itu adalah Abdul Samad Said (PERIKATAN), Ishak Baki (PAS) dan Wong Tai Oon (UMCO). Keputusannya Haji Hassan mendapat 2,486 undi, Abdul Samad 2,256 undi, Ishak Baki mendapat 480 undi dan Wong memperoleh 76 undi.

**KEEMPAT DAN KELIMA:
KHONG CHAI HUAT DAN
HO MONG YEW**

SELEPAS pengunduran Haji Hassan, satu lagi kegemparan berlaku ke atas DAP. Kali ini dua orang ADUN Melaka telah bertindak keluar daripada DAP. Mereka adalah Encik Khong Chai Huat dan Encik Ho Mong Yew. Khong Chai Huat ialah Pengerusi DAP Melaka.



Khong Chai Huat

Dalam Pilihanraya Nasional 1969, Khong telah dicalonkan bertanding di kawasan Kota Tengah. Calon-calon lain ialah Lee Kim Sun daripada PERIKATAN dan Low Kye Chye daripada PARTI RAKYAT. Keputusannya Khong mendapat 2,881 undi, Lee mendapat 1,454 undi dan Low mendapat 1,007. Majoriti ialah 1,427 undi. Khong telah dilantik sebagai ketua DAP di dalam Dewan Undangan Negeri Melaka.



Ho Mong Yew

Ho Mong Yew pula bertanding di kawasan Kota Barat. Penentang-penentang beliau ialah Yoong Yong Pow daripada PERIKATAN dan Hasnul bin

Abdul Hadi daripada PARTI RAKYAT. Undi majoriti yang diperoleh oleh Ho ialah 414. Dalam pilihanraya itu, Ho mendapat 2,065 undi, Yoong mendapat 1,642 undi dan Hasnul Abdul Hadi mendapat 1,651 undi.

Ho mengundurkan diri berikutan dengan tersiarinya satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang di Kuala Lumpur pada 30hb. Julai, 1971. Dalam kenyataan itu, Lim Kit Siang mengumumkan bahawa Khong adalah bukan lagi ketua DAP di dalam Dewan Undangan Negeri Melaka. ADUN kawasan Kota Timur, Bernard Sta Maria pula telah dilantik menjadi ketua DAP di dewan tersebut.

Dalam kenyataan bertulis yang dikeluarkannya, Khong berkata:

"Mulai dari sekarang saya telah melucutkan keanggotaan saya dalam DAP. Sungguhpun saya adalah seorang penaja parti itu, tetapi dalam tahun kebelakangan ini, keyakinan saya kepada pucuk pimpinan DAP telah hilang. Mereka pernah berkata pelaksanaan Deklarasi Setapak (Manifesto) adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat.

"Saya masih mempunyai keyakinan kepada konsep sosialisme secara demokrasi di Malaysia yang mempunyai dasar-dasar berbilang kaum, kesamarataan antara kaum, keadilan ekonomi supaya taraf hidup rakyat daripada golongan miskin dapat dipertingkatkan lagi."

Oleh kerana bersimpati dengan Khong, seorang lagi ADUN Melaka, Ho Mong Yew serta lima orang ahli jawatankuasa yang lain telah mengundurkan diri daripada DAP.

Mereka memprotes tindakan ibu pejabat parti memecat Khong sebagai ketua DAP di Dewan Undangan Negeri Melaka yang dianggap sebagai satu tindakan yang tidak sah.

Berikutan dengan krisis itu, keanggotaan parti politik di Dewan Undangan Negeri Melaka adalah seperti berikut:

PERIKATAN: 15 kerusi
DAP: 2 kerusi
BEBAS: 2 kerusi
GERAKAN: 1 kerusi
Pada 13hb. Mei, 1972, MCA

telah mengeluarkan satu kenyataan untuk mengalu-alukan Khong dan Ho masuk MCA. Kata kenyataan itu:

"Kami percaya Encik Ho dan Encik Khong telah membuat keputusan setelah membuat penelitian yang mendalam. Mereka memasuki parti kami kerana mereka telah faham akan tujuan dan dasar-dasar MCA."

KEENAM:

LEE BENG CHEANG

ENAM bulan selepas pengunduran Khong dan Ho daripada DAP, pada 3hb. Februari, 1973, ADUN kawasan Sentul, Selangor, iaitu seorang peguam, Encik Lee Beng Cheang pula mengumumkan bahawa dia memasuki MCA.

Dalam satu kenyataan, Setiausaha Agung MCA berkata:

"Dengan gembiranya saya ingin mengumumkan bahawa Lee Beng Cheang, bekas ahli DAP dan Lim Than Siong, ahli BEBAS Dewan Undangan Selangor bagi kawasan Sungai Rawang telah memohon memasuki MCA. Permohonan mereka telah diluluskan.

"Daripada tanda-tanda

selama 9 bulan kebelakangan ini, DAP nampaknya telah kehilangan kekuatan kepada PERIKATAN."

Sehingga 4hb. Februari, 1972, Lim Kit Siang belum menerima surat pengunduran daripada Lee Beng Cheang. Lim Kit Siang menyatakan rasa sedihnya mengenai pengunduran itu. Dia percaya Lee Beng Cheang terpaksa mengundurkan diri akibat diugut.



Lim Beng Cheang

Dalam Pilihanraya Nasional 1969, Lee Beng Cheang bertanding menentang calon parti PERIKATAN, iaitu Dr. P.T. Arasu. Lee mendapat 8,424 undi dan Dr. Arasu mendapat 5,242 undi. Majoriti ialah 3,182 undi.

Kedudukan keanggotaan mengikut parti di Dewan Undangan Selangor selepas Pilihanraya Nasional 1969 ialah:

PERIKATAN: 14 kerusi
DAP: 10 kerusi
GERAKAN: 4 kerusi

Sejurus selepas pilihanraya, ADUN kawasan Kluang, Encik Chou Yew Koh telah berpaling tadah daripada parti GERAKAN lalu memasuki MCA. Dengan kemasukan Lee Beng Cheang dan Lim Than Siong, keanggotaan Parti PERIKATAN meningkat kepada 17 kerusi di Dewan Undangan Negeri Selangor.



Richard Ho

KETUJUH DAN KELAPAN: RICHARD HO DAN WALTER LOH

TIGA bulan selepas pengunduran yang menggemparkan itu, penarikan diri yang memberikan kesan yang lebih buruk kepada DAP telah berlaku menjelang Pilihanraya Kecil Parlimen kawasan Ulu Selangor. Pada 17hb. Mei, 1972, Ahli Parlimen bagi kawasan Setiawan, iaitu Encik Richard Ho daripada Parti DAP dan Ahli Parlimen kawasan Setapak, iaitu Walter Loh, juga daripada DAP, telah mengumumkan pengunduran mereka daripada DAP. Mereka telah memasuki MCA.

Pistiwa itu telah diumumkan oleh Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin sendiri dalam satu sidang akhbar. Kata Tun Tan:

"Kedua-dua ahli Parlimen ini percaya hanya MCA sahaja yang dapat mempertahankan kepentingan kaum Cina di negara ini. Dan hanya MCA sahaja dapat bekerjasama dengan kaum-kaum lain dalam usaha menubuhkan negara yang berstatus padu berlandaskan pada keharmonian dan kesefahaman antara berbilang kaum di negara ini."

Tun Tan Siew Sin menambah bahawa di dalam perkara itu, yang mesti diambil berat ialah mereka berdua itu adalah ahli Jawatan Kerja Pusat, iaitu

badan yang bertanggungjawab menentukan dasar-dasar DAP.

Dalam sidang akhbar, Walter Loh menegaskan bahawa sejak persidangan pertama Parlimen, dia sudah dapat merasakan tidak puas hatinya pada DAP kerana ucapan pemimpin-pemimpin parti itu adalah terlampau radikal dan berbau perkauman.



Walter Loh

Kedua-dua mereka telah menulis surat bersama kepada Tun Tan untuk memohon memasuki MCA. Surat itu berbunyi:

"Kepada Yang Berhormat Tun Tan,

Dengan ini kami mengesahkan bahawa setelah menimbang dengan begitu lama dan penuh dengan kegelisahan, akhirnya kami telah mencapai satu kesimpulan. Kami percaya dengan mengundurkan diri daripada DAP dan dengan memberikan sokongan sepenuh hati kami kepada MCA di bawah pimpinan tuan, kami akan dapat memberikan perkhidmatan kami dalam usaha untuk mencapai perpaduan negara yang berdasarkan muhibah dan persafahaman antara pelbagai kaum serta mempertahankan kepentingan kaum Cina dengan lebih berkesan lagi. Ini telah dibuktikan oleh MCA."

"Oleh itu, dengan hormatnya dimaklumkan kami telah mengambil keputusan memasuki MCA. Kami yzkin, tuan pasti akan meluluskan permohonan kami."

Pada 18hb. Mei, 1972, Lim Kit Siang telah mengeluarkan kenyataannya. Dalam kenyataan itu, dia menyatakan bahawa sedikit pun beliau tidak berasa sedih atas peristiwa pengunduran Richard Ho dan Walter Loh itu.

Dalam pengumumannya, Lim Kit Siang menuduh Richard Ho sebagai seorang politikus yang cuai. Katanya, sungguhpun dipilih sebagai Ahli Parlimen Setiawan, tetapi Richard Ho tidak pernah memenuhi kewajibannya sebagai seorang wakil rakyat. Tugasnya sentiasa diserahkan kepada Phung Teik Hua, iaitu ADUN Lumut.

Tambahnya lagi, pengunduran Richard Ho dan Walter Loh tidak membawa apa-apa kerugian pun kepada DAP. Kedua-dua Ahli Parlimen itu tidak pernah memberi bakti mereka dalam perkembangan parti itu. Mereka adalah merupakan penumpang sahaja.

Kata Lim Kit Siang: *"DAP telah mengalami satu ujian yang rumit sekali pada tahun lepas. Dan begitulah juga bagi pemimpin-pemimpin parti serta Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan-dewan Undangan DAP."*

Naib Presiden DAP, Goh Hock Guan menganggap Richard Ho dan Walter Loh itu seperti sampah dalam partinya.

Katanya: *"Richard Ho dan Walter Loh yang telah berpaling tadah itu tidak boleh diharapkan langsung. Mereka tidak*

pernah bersuara dalam Parlimen."

Setelah memasuki MCA, dalam Pilihanraya Nasional 1974, Richard Ho telah dicalonkan untuk bertanding di kawasan Parlimen Lumut sebagai calon BARISAN NASIONAL. Calon DAP yang menentang beliau ialah Ting Sea Leong. Beliau juga ditenang oleh seorang calon BEBAS, iaitu Wong Ting Seng. Keputusannya ialah Richard Ho mendapat 8,792 undi, Ting Sea Leong mendapat 7,782 undi dan Wong Ting Seng mendapat 3,707 undi. Majoriti ialah 1,101 undi.

Selepas pilihanraya itu, Richard Ho dilantik menjadi Timbalan Menteri Kewangan sehingga tahun 1977. Kemudian dia dinaikkan menjadi menteri penuh, iaitu Menteri Tidak Berjabatan di Jabatan Perdana Menteri. Selepas Pilihanraya Nasional 1978, beliau telah dilantik menjadi Menteri Buruh.

Dalam Pilihanraya Nasional 1974, Walter Loh telah dicalonkan untuk bertanding di kawasan Parlimen Selayang. Dia telah ditentang oleh Pan Soo Pin daripada DAP dan Zainal Rampak daripada PEKEMAS. Walter Loh memperoleh 16,779 undi. Pan Soo Pin mendapat 6,908 undi dan Zainal Rampak mendapat 4,814 undi. Kelebihan undi ialah 9,871 undi.

Walter Loh telah meninggal dunia akibat sakit jantung. Dalam Pilihanraya Kecil, calon BARISAN NASIONAL, Rosemary Chong telah berjaya mempertahankan kerusi itu.

Kawasan Selayang kekal berada di tangan BARISAN NASIONAL dalam Pilihanraya Nasional 1978. Datin Paduka Rafidah Aziz mengalahkan calon DAP, Zainal Rampak.

KESEMBILAN DAN
KESEPULUH:
GOH HOCK GUAN DAN
DR. A. SOORIAN

KIRA-KIRA sebulan selepas tujuhnya ke atas Richard Ho dan Walter Loh, dengan tiba-tiba, Goh Hock Guan sendiri menarik dirinya daripada DAP. Turut berunding bersama-samanya ialah Ahli Parlimen kawasan Port Dickson, juga daripada DAP, iaitu Dr. A. Soorian. Goh Hock Guan dan Dr. A. Soorian menarik diri pada 18hb. Jun, 1972. Dengan sebulat suara, Jawatankuasa Kerja Pusat DAP telah melucutkan keanggotaan mereka berdua.



Goh Hock Guan

Goh memberitahu kepada pemberita-pemberita bahawa sudah lama dia bersefahaman dengan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang. Dia beranggapan, selagi Lim memegang jawatan itu perpecahan dalam DAP akan berterusan.

Anggota Parlimen bagi kawasan Bangsar itu, yang juga ADUN Selangor bagi kawasan Salak berkata dia akan menjadi wakil rakyat BEBAS.

Goh menegaskan bahawa dia akan menimbangkan untuk menyertai DAP semula hanya jika Lim Kit Siang disingkir daripada parti.



Dr. A. Soorian

Dr. A. Soorian dipecat kerana dia didakwa tidak melaporkan kepada partinya sesungguhnya dia mengetahui hasrat Richard Ho dan Walter Loh untuk keluar daripada DAP.

Surat daripada Goh Hock Guan kepada Dr. Chen Man Hin berbunyi:

Dr. Chen yang dikasihi,

"Saya ingin menyampaikan hasrat saya kepada saudara bahawa saya tidak ingin mempunyai sebarang hubungan dengan Lim Kit Siang, sama ada dalam satu jawatankuasa atau dalam satu parti politik. Akhir-akhir ini, perselisihan faham kami baik daripada segi personaliti mahupun segi pendapat-pendapat telah menjadi begitu runcing sekali. Saya pernah berusaha menyelesaikan perselisihan faham kami ini secara senyap-senyap, tetapi gagal. Memandangkan ramai Ahli Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri DAP telah menarik diri daripada parti, serta adanya tanda-tanda keributan dalam DAP sedang bertuip dengan kecangginya, semalam saya telah mengikhtikarkan satu percubaan baru.

"Daripada cadangan saya, satu perundingan secara peribadi di antara kami bertiga telah diadakan untuk menamatkan perselisihan faham

kami agar perpaduan parti dapat diperteguhkan. Tetapi malangnya, konflik personaliti serta pendapat-pendapat politik yang berbeza itu ternyata tidak dapat kami selesaikan dalam perundingan itu.

"Oleh itu saya sudah membuat keputusan meletakkan semua jawatan saya, iaitu Naib Pengerusi, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Selangor dan Pengerusi Biro Disiplin.

"Menoleh ke belakang, saya berasa puas hati kerana saya telah dapat memberikan perkhidmatan saya yang terbaik sekali kepada DAP dan negara kita, kata saudara dalam ucapan saudara di Majlis Ulangtahun Cawangan Setapak yang diadakan pada 3hb. November, 1970:

"DAP, semenjak penubuhannya, kira-kira lima tahun yang lepas, telah berjaya membangunkan pendapat, harapan serta hasrat rakyat.

"Semenjak penubuhannya dalam tahun 1966, dalam tempo tiga tahun yang amat singkat ini, DAP telah berjaya mehadapi sebuah parti pembangkang yang terbesar kerana banyak pengorbanan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli parti. Sebab utama kejayaan cemerlang yang kita capai dalam Pilihanraya Umum 1969 ialah pengorbanan, pimpinan serta ilhan daripada Goh Hock Guan."

"Saya juga berasa puas hati kerana selepas Peristiwa 13hb. Mei, saya telah bertolak ke England. Pada 25hb. Jun, 1969, saya telah berucap dalam Persidangan Sosialis Antarabangsa. Demi negara dan parti, saya telah menyempurnakan bakti saya. Dalam kenyataan yang

disiarkan pada 15hb. Disember, 1970, Setiausaha Pengelola, Lee Lam Thye pernah berkata:

"Tugas-tugas Goh Hock Guan bertolak ke luar negeri ialah:

- (i) Memberitahu kepada seluruh dunia apa yang telah berlaku dalam Peristiwa 13 Mei.
- (ii) Mendapatkan sokongan dan bantuan dari seluruh dunia untuk memulihkan demokrasi berparlimen di Malaysia.
- (iii) Mendapatkan pertolongan melalui Persidangan Pengampunan Antarabangsa, Persidangan Sosialis Antarabangsa dan Ahli-ahli Parlimen United Kingdom bagi membebaskan Lim Kit Siang daripada tahananannya."

"Lim Kit Siang sendiri juga mengakui jasa saya kepada parti dan kepada dia. Dalam satu mesyuarat antara Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan-dewan Undangan Negeri dalam tahun 1970, beliau pernah berkata:

"DAP berupaya mencapai kekuatannya sekarang serta beroleh kejayaan yang cemerlang dalam Pilihanraya Umum 1969 sehingga kita menjadi satu parti pembangkang yang terbesar selepas pilihanraya itu ialah kerana jasa saudara Goh Hock Guan. Sekali lagi kita merayu kepada Goh Hock Guan supaya membantu lagi parti kita. Parti kita perlukan dia; negara perlukan dia; malah kebebasan yang saya nikmati sekarang adalah juga kerana usaha beliau."

"Lim Kit Siang berkata sedemikian pada pertengahan tahun 1970. Tetapi setelah saya menahut panggilannya serta menumpukan kembali kegiatan penuh saya, saya dapati keadaan sudah berubah. Kalau

pemimpin-pemimpin parti, terutamanya Lim Kit Siang dan saya tidak dapat menyelaraskan pendapat dan perhubungan, kesulitan-kesulitan yang dialami tentu tidak dapat diatasi. Malangnya, pihak parti tidak dapat menyetujui penyelesaian sedemikian. Akibatnya, sejurus selepas itu, tidak kurang daripada 7 Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN telah menarik diri daripada DAP. Mereka tidak sanggup bersabar lagi. Separuh daripada mereka itu adalah penaja parti. Memang benar, di antara mereka itu, berpaling tadah kerana termanak umpan PERIKATAN. Tetapi, adalah kurang benar jika dikatakan itulah hanya satu-satunya sebab pengunduran mereka.

"Dalam perundingan saya dengan Lim Kit Siang semalam, saya telah berikhtiar sedaya upaya saya membuat percubaan terakhir untuk memperbaiki kelemahan parti. Tetapi perundingan kami tidak memberikan hasil yang memuaskan. Usaha saya juga tidak dapat menampal keretakan parti kita. Nampaknya, kedua-dua pihak tidak dapat mengeneppikan prasangka supaya perpaduan parti dapat diperkukuhkan. Sebaliknya, kedua-dua pihak itu masing-masing cuba memperbesar lagi keretakan dan menuntun penyelesaian terakhir.

"Oleh itu, dalam keadaan sekarang, dengan perasaan yang amat kesal, saya ingin menyatakan bahawa saya tidak dapat menjalankan tugas saya dalam parti lagi. Saya berpendapat, selagi Lim Kit Siang memegang jawatan Setiausaha Agung

parti, dia pasti akan membawa DAP ke arah kehancuran.

"Saya juga telah membuat keputusan tidak akan hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat yang diadakan pada hari ini. Oleh kerana Lim Kit Siang dan saya telah gagal mencapai penyelesaian saya pasti kami akan bertucar lagi jika saya turut serta dalam mesyuarat itu. Akibatnya, mungkin lebih ramai lagi ahli parti akan menarik diri. Demi mengelakkan kejadian sedemikian, dan untuk mengelakkan ahli-ahli yang masih kekal dalam parti daripada berhenti, saya rasa adalah lebih elok bagi saya meletakkan jawatan.

Saya akan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk berkhidmat kepada rakyat Malaysia dan pengundi-pengundi yang telah memilih saya sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Bangsar dan ADUN kawasan Salak.

Goh Hock Guan,
Ahli Parlimen Kawasan
Bangsar,
Ahli Dewan Undangan
Kawasan Salak,

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi yang baharu Jawatankuasa Disiplin DAP berbunyi:

"Jawatankuasa Pusat DAP, dengan sebulat suara telah mengambil keputusan untuk memecat segala jawatan yang dipegang oleh Goh Hock Guan dalam parti. Jawatan-jawatan itu termasuklah:

- (i) Naib Pengerusi DAP, Malaysia
- (ii) Pengerusi, Jawatankuasa Disiplin, DAP
- (iii) Pengerusi, DAP, Selangor

(iv) *Ketua DAP, di Dewan Undangan Selangor*

Kenyataan itu menuduh Goh Hock Guan telah menghinakan dasar-dasar parti dan telah melanggar peraturan-peraturan DAP.

Katanya, Goh tidak pernah diarah atau diberi mandat untuk mencemari pucuk pimpinan, semangat dan disiplin parti secara terbuka. Goh Hock Guan dikatakan memang bersalah kerana tidak mengambil berat tentang lapisan pucuk pimpinan parti.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa keanggotaan Dr. Soorian juga telah digugurkan kerana beliau didapati cuba menghancurkan disiplin serta semangat DAP.

Pengunduran Goh Hock Guan telah membawa keributan yang agak hebat. Pemimpin-pemimpin DAP mula menghujani tuduhan-tuduhan kepada Goh Hock Guan.

Lim Kit Siang dalam kenyataannya bertarikh 19hb. Jun, 1972 menuduh:

Dalam tahun 1971 dan 1972, berulang kali Goh Hock Guan mengeluarkan kenyataan dan pengumuman yang menentang ataupun mengingkari keputusan-keputusan yang dicapai dalam Persidangan Perwakilan Agung Parti dan keputusan-keputusan Jawatankuasa Pusat. Kenyataan-kenyataan Goh itu membawa kesulitan-kesulitan kepada parti. Dia juga bertindak dengan sewenang-wenangnya untuk membahayakan disiplin, semangat dan perpaduan DAP.

Tambahnya lagi: "Tindakan disiplin terhadap Goh Hock Guan adalah dicadangkan oleh Dr. Das dan disokong oleh ADUN Yeap Ghim Guan dan Haji Mohamad Shariff. Cadangan itu telah diluluskan dengan sebulat suara. Perpa-

duan golongan pemimpin terhadap tindakan ini amat ketara.

Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin pada hari yang sama mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi:

"Untuk menghapuskan anasir-anasir yang jahat dalam parti, pembersihan sedemikian memang amat diperlukan. Selepas pembersihan itu, parti ini akan lebih sihat dan kuat. Kesakitan yang dirasai hanyalah buat sementara. Hasilnya ialah perpaduan yang lebih teguh dan sebuah parti politik yang lebih bersemangat dan sihat. Keretakan parti nyatalah tidak wujud. Operasi yang dijalankan itu semata-mata untuk membetulkan kesalahan di dalam parti. Semua ahli Jawatankuasa Pusat akan bersatu padu dengan teguh lagi. Mereka juga mempunyai keyakinan penuh kepada kemampuan pimpinan Lim Kit Siang sebab beliau mempunyai keberanian dan tidak mementingkan diri sendiri.

Selain daripada Lim Kit Siang, Dr. Chen Man Hin, Fan Yew Teng dan Lee Lam Thye juga melemparkan tuduhan ke atas Goh Hock Guan.

Dalam jawapannya yang bertarikh 22hb. Jun, Goh Hock Guan berkata:

"Saya telah berusaha sepenuh daya untuk kepentingan parti, negara dan rakyat. Rakyat Malaysia dan sejarah akan menjadi hakim yang muktamad. Rekod perkhidmatan saya kepada DAP adalah satu bukti yang nyata sekali."

Menjelang Pilihanraya Umum 1974, Goh telah menyertai Parti GERAKAN. Di dalam pilihanraya itu, dia te-

lah bertanding bagi merebut kawasan Petaling. Calon DAP ialah Oh Keng Seng. Calon-calon lain ialah Pang Koik My daripada Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS) dan Lim Kui Sang (calon bebas).

Goh telah ditewaskan oleh calon DAP, iaitu Oh Keng Seng. Majoriti yang dicapai oleh Oh Keng Seng ialah 1,238 undi. Keputusan penuh ialah Oh Keng Seng 14,106 undi, Goh Hock Guan 12,868 undi, Lim Kui Sang 1,970 undi dan Pang Koik My mendapat 5,961 undi.

Selepas pilihanraya, Goh Hock Guan dilantik menjadi Naib Presiden Gerakan. Sekarang beliau telah bersara daripada lapangan politik.

KESEBELAS:
WONG SWEE OY

PADA petang 21hb. Jun, 1972, Jawatankuasa Kerja Pusat DAP telah mengadakan satu mesyuarat tergempar untuk memecat keanggotaan ADUN bagi negeri Selangor bagi kawasan Ampang, iaitu Wong Swee Oy. Kenyataan yang diterbitkan selepas mesyuarat itu menyebut:

"Pada saat apabila perpaduan yang teguh amat diperlukan oleh parti kita, Wong Swee Oy telah bertindak sebagai agen Goh Hock Guan dan dalam beberapa hari kebelakangan ini secara sulit cuba hendak merosakkan perpaduan ahli-ahli parti. Adalah ketara sekali Huang tidak setia kepada parti. Dia telah meracuni serta mengkhianati parti ini."

Di samping itu, pada 23hb. Jun, DAP cawangan Setapak telah mengadakan satu mesyuarat tergempar. Dalam mesyuarat itu, satu usul dilu-

luskan untuk merayu kepada ibu pejabat supaya menarik balik keputusan untuk memecat Wong.

Dua cawangan DAP di Ampang juga menyokong rayuan tersebut.



Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada 28hb. Jun, 1972, Wong berkata:

Kepada Pengerusi Biro Disiplin DAP, Dr. Das,

"Saya berpendapat bahawa pada masa ini diktator dalam parti kita sedang merancang bersama-sama kunci-kunci mereka untuk meletakkan semua anggota pucuk pimpinan di bawah telunjuk mereka. Dalam keadaan seperti itu, walaupun apa yang saya katakan merupakan hakikat, tetapi suara saya tidak dipedulikan. Adalah ketara sekali, diktator parti dan pengikut-pengikutnya sedikit pun tidak mengambil berat tentang nasib dan masa depan parti. Dalam perebutan kuasa tempoh hari, mereka hampir membawa DAP ke lorong menaju kehancuran. Oleh itu, saya dan beberapa orang komrad yang masih berotak waras telah mengemukakan satu cadangan yang dijangka menguntungkan kedua-dua pihak dan menghindarkan parti kita

daripada kritik yang boleh meretakkan parti. Tetapi tindakan kami dianggap sepi.

"Motif kami adalah semata-mata untuk mengelakkan parti kita daripada menjadi retak, terutamanya semasa kita sedang menghadapi ancaman yang hebat dari luar seperti sekarang. Kita mesti mencerminkan semangat untuk menubuhkan sebuah masyarakat yang adil untuk rakyat Malaysia melalui tindak-tanduk kita. Dengan demikian, barulah kita boleh mendapatkan kepercayaan serta sokongan rakyat. Tindakan kami adalah semata-mata untuk kepentingan parti, tetapi, Pengerusi Biro Disiplin tidak beranggapan sedemikian. Kami dituduh merosakkan perpaduan parti secara sulit serta tidak setia dan khianat kepada parti.

"Kami berharap seluruh rakyat Malaysia akan menghakimkan mereka kerana tuduhan yang dilemparkan kepada kami kepada itu adalah palsu dan tidak berasas.

Kami juga menaruh harapan agar diktator itu serta kunci-kuncunya akan sedar tentang kesalahan mereka supaya DAP dapat diselamatkan daripada krisis yang wujud sekarang."

Pada 8hb. Julai, 1972, dengan secara rasminya keanggotaan Wong telah dipecat oleh Jawatankuasa Biro Disiplin DAP.

Pemecatan itu disusuli segera oleh satu kenyataan Huang yang berbunyi:

"Dengan perasaan yang sedih saya mengumumkan bahawa mulai hari ini saya adalah seorang ADUN yang

bebas. Sungguhpun buat sementara ini saya telah dipaksa meninggalkan DAP, tetapi pendirian saya tetap tidak berubah. Malah pendirian saya adalah lebih teguh sekarang dan saya akan terus memperjuangkan satu masyarakat yang adil dan sama rata di kalangan rakyat Malaysia."

Wong merupakan ADUN DAP yang kedua di Selangor yang mengundurkan diri daripada parti itu. Dalam Pilihanraya Umum 1969, beliau bertanding di kawasan Ampang menentang calon PERIKATAN, iaitu Muhyeeddin Zakaria dan calon PAS, iaitu Yunus Yatimi di kawasan Ampang. Beliau mendapat 7,634 undi, Muhyeeddin mendapat 6,601 undi dan Yunus mendapat 3,560 undi. Majoriti ialah 1,033 undi.

KEDUA BELAS:

YAP PIAN HON

PADA 21hb. April, 1973, Setiausaha Pengelola, merangkap Pengerusi Biro Disiplin DAP, Fan Yew Teng telah mengumumkan bahawa parti-nya telah menyingkir ADUN Selangor bagi kawasan Serdang serta empat orang pekerja cawangan Serdang daripada parti. Cawangan-cawangan di Serdang akan dirombak dengan segera.

Fan Yew Teng menerangkan bahawa Yap Pian Hon dan Pengerusi cawangan Serdang, Ku Tien Fook menyatakan hasratnya untuk menerima tawaran Menteri Besar Selangor, Datuk Harun, melantiknya menjadi Pengerusi Majlis Tempatan Serdang. Ahli-ahli DAP akan dilantik menjadi ahli. Tindakan Yap itu, mengikut Fan Yew Teng, melanggar dasar DAP yang me-

nantang langkah kerajaan PERIKATAN menghapuskan pilihanraya untuk majlis-majlis tempatan.

Dalam satu kenyataannya yang dikeluarkan pada 21hb. April, 1973 Yap Pian Hon berkata:

"Saya sedar bahawa akibat tindakan saya itu, saya dan komrad-komrad saya pasti akan diselar, dilemparkan fitnah kotor dan pelbagai tuduhan yang tidak berasas. Tetapi, saya tidak akan berganjak daripada berkhidmat untuk rakyat ..."

Dalam satu kenyataan bersama, mereka-mereka yang digugurkan keanggotaannya daripada DAP, iaitu Pengerusi Cawangan Serdang, Bendahari, Chia Kwee Yew, Ahli-ahli Jawatankuasa, Huang Chin dan Yau Kong Yen, mereka berkata:

"Setelah Lim Kit Siang menjadi Setiausaha Agung, kami mula mendapati perubahan gaya dan sikapnya. Dialah yang membawa parti kita kepada keadaan yang amat menyedihkan. Parti kita yang dulunya merupakan parti pembangkang yang terkuat, sekarang menjadi pecah belah dan berbau kediktatoran. Oleh itu, banyak Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Ahli Jawatankuasa Negeri, pemimpin cawangan dan ahli parti telah berhenti seorang demi seorang. Keadaan yang buruk sekali berlaku di Melaka. DAP di negeri itu adalah di bawah pimpinan Lim Kit Siang. Kenapa?"

"Daripada tinjauan, kajian dan siasatan kami dari masa ke semasa dengan teliti dan mendalam, kami membuat kesimpulan bahawa Lim Kit Siang sedang

berusaha meletakkan DAP di bawah kuku besinya. Oleh itu, mereka yang menentang kediktatorannya telah dipecat. Akibatnya parti kita berpecah-pecah.

Surat itu juga telah memberi amaran bahawa jika Lim Kit Siang meneruskan membuat fitnahnya, mereka akan membongkar lebih banyak lagi keburukan dan rahsia di belakang tabir DAP.



Yap Pian Hon

Dalam Pilihanraya Umum 1969, Yap bertanding di kawasan Serdang sebagai calon DAP. Penentang beliau ialah Thuan Paik Phok daripada PERIKATAN. Thuan sebelum itu merupakan wakil rakyat di kawasan itu yang berjaya mengalahkan Lim Kit Siang di pilihanraya kecil 1969. Yap memenangi pilihanraya itu dengan kelebihan 3,314 undi. Beliau memperolehi 11,234 undi sedangkan Thuan mendapat 7,920 undi.

Pada 7hb. Julai, 1974, Yap Pian Hon memasuki MCA dan dipilih sebagai calon BARI-SAN NASIONAL untuk Pilihanraya Nasional tahun yang sama. Beliau berjaya menewaskan Lee Lam Thye (DAP), Pang Koik My (PEKEMAS) dan Ching Tow Fah (BEBAS). Undi majoriti yang diperolehinya ialah 619. Bagaimanapun, dalam Pilihanraya Nasional 1978, Lee Lam Thye (DAP) berjaya mengalahkannya de-

ngan kelebihan sebanyak 741 undi.

KETIGA BELAS: LIM THIAN KHENG

SEBULAN selepas pe-nyingkir Yap Pian Hon, ADUN kawasan Kampung Jawa, Kelang, Lim Thian Kheng telah menarik diri bersama 12 orang ahli DAP yang lain. Mereka kemudiannya menyertai GERAKAN.

Mengikutnya, dia menarik diri daripada DAP kerana cara pemikirannya berubah dan bukannya kerana terdapat per- selisihan faham antaranya dengan Lim Kit Siang ataupun Dr. Chen Man Hin.

Goh Hock Guan, bekas Naib Pengerusi, DAP, yang telah memasuki GERAKAN mengulas mengenai pengunduran Yap Pian Hon dan Lim Thian Kheng berkata bahawa mereka yang berundur daripada DAP itu telah sedar akan perubahan keadaan politik di Malaysia. DAP, katanya berada di pinggir jurang menuju keruntuhan.



Lim Thian Kheng

DAP pada mulanya mempunyai 9 kerusi di dalam Dewan Undangan Selangor. Selepas pengunduran 5 orang ADUNnya, kedudukan itu menjadi empat yang masih kekal, iaitu Lee Lam Thye, K. Ramasen, Ho Cheuk Puen dan Chua Kow Eng.

Dalam Pilihanraya Umum 1969, Lim Thian Kheng bertanding di Kampung Jawa menentang calon PERIKATAN dan BEBAS. Beliau telah memenangi kerusi kawasan ini dengan kelebihan 580 undi.

KEEMPAT BELAS DAN
KELIMA BELAS:
NG SWEE CHING DAN
OH TECK AUN

PENGUNDURAN Lim Thian Kheng diramakkan sebagai berakhirnya krisis demi krisis dalam DAP. Bagaimanapun, ramalan ini ternyata meleset kerana selepas Pilihanraya Umum 1974, krisis timbul lagi dalam DAP.

Pada 28hb. Mei, 1976, ADUN kawasan Pekan Bukit Mertajam, seorang peguam, Oh Teck Aun dan Ng Swee Ching, ADUN kawasan Bukit Tambun telah mengundurkan diri daripada DAP. Bersama calon BEBAS kawasan Bagan Jermal, mereka telah menyertai MCA.



Ng Swee Ching

Pada pukul 11 pagi hari tersebut, mereka telah mengemukakan surat-surat permohonan memasuki MCA kepada Presiden parti itu di Pulau Pinang.

Selepas itu mereka mengeluarkan satu kenyataan yang berbunyi:

"Kami telah menyertai MCA hari ini. Sebelum buat demikian, kami telah menimbangakan kepentingan

rakyat yang kami wakili dan dasar-dasar MCA dengan teliti.

"Kesimpulan daripada penelitian kami ialah, hanya dengan menyertai MCA kami dapat berkhidmat kepada rakyat yang kami wakili itu dengan lebih sempurna lagi"

Berikutan dengan penarikan diri Oh Teck Aun dan Ng Swee Ching, Naib Pengerusi DAP, Yeap Ghim Guan telah mengadakan satu sidang akhbar pada 29hb. Mei, 1976. Dalam sidang akhbar itu dia berkata kedua-dua ADUN itu menyumbangkan jasa yang amat sedikit kepada DAP. Penyertaan mereka ke dalam MCA tidak membawa sebarang makna.



Oh Teck Aun

Beliau juga mengingatkan ADUN-ADUN itu supaya menunaikan ikrar yang dibuat sebelum bertanding dalam pilihanraya. Menurut ikrar mereka, mereka terpaksa mengosongkan kerusi yang dimenangi atas nama DAP jika mereka berhenti atau diberhentikan daripada DAP. Beliau juga tidak menunjukkan kehairanan di atas kemasukan ADUN-ADUN itu ke dalam MCA.

Setiasaha Pengelola DAP, Lee Lam Thye juga telah mengeluarkan kenyataan mengulas penarikan diri ADUN-ADUN tersebut. Katanya, pengkhianatan ADUN-ADUN

itu tidak sedikit pun mempengaruhi perjuangan jangka panjang DAP.

Dalam mesyuarat tergempar yang diadakan pada 28hb. Mei, 1976, kedua-dua ADUN itu dan Setiausaha Cawangan Bukit Mertajam, Wang Chai Teck telah disingkir daripada parti itu.

Ng Swee Ching adalah asalnya anggota MCA. Dia telah berhenti daripada MCA dalam bulan Ogos, 1974 dan dalam Pilihanraya Umum tahun yang sama telah dipilih bertanding sebagai calon DAP bagi kawasan Bukit Tambun. Beliau telah berjaya mengalahkan calon BARISAN NASIONAL Teoh Kooi Sneah dan calon PEKEMAS, Veerappen dengan kelebihan sebanyak 130 undi.

Dalam Pilihanraya Umum 1978, sebagai calon BARISAN NASIONAL, Ng Swee Ching berjaya mengekalkan kerusi yang dimenanginya dengan menewaskan calon DAP, Koay Boon Seng dengan kelebihan 1,066 undi.

Oh Teck Aun pula bertanding sebagai calon DAP dalam Pilihanraya Nasional 1974 di kawasan Pekan Bukit Mertajam. Beliau menentang calon BARISAN NASIONAL, iaitu Ooh Chooi Cheng, calon PEKEMAS, iaitu Tan Kok Haw, Ong Cheng Piaw (PSRM), Goik Ah Kim (BEBAS) dan Lim Eng Leng (BEBAS). Beliau menang dengan kelebihan 327 undi.

KEENAM BELAS:
FAN YEW TENG

DUA tahun berikutnya, DAP digugat oleh krisis yang besar lagi. Pada 18hb. Mei, 1978, Fan Yew Teng, Ahli Jawatankuasa Pusat merangkap Setiausaha Antarbangsa, Ahli Parlimen Meng-

lembu, Perak yang juga ADUN Petaling telah mengirim surat setebal 18 halaman panjangnya kepada Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dari Bombay, India. Tujuan surat itu ialah menyatakan penarikan dirinya daripada DAP.

Dalam suratnya Fan Yew Teng mendakwa bahawa tindakan itu diambil sebagai menandakan protesnya di atas sikap DAP yang tidak mahu menyelar dasar-dasar penindasan Parti Tindakan Rakyat Singapura (PAP). Sebaliknya DAP telah menyokong PAP Singapura menyertai Gabungan Sosialis Antarabangsa.



Fan Yew Teng

Fan menyelar ucapan Lim Kit Siang yang dibuat di Persidangan Pemimpin-pemimpin Parti Sosialis Antarabangsa, di Tokyo pada 17hb. Disember, tahun sebelumnya. Fan Yew Teng berkata di dalam suratnya:

"Ketika saya meletakkan jawatan saya sebagai seorang guru dan memasuki DAP, serta bertugas sepanjang masa kepada DAP, saya yakin bahawa DAP sedang melaksanakan satu gerakan yang boleh mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil, baik di Malaysia mahupun di Singapura. Bagaimanapun, saya amat sedih kerana masih

terdapat manusia yang enggan bersimpati dengan mangsa-mangsa kekejaman dan penindasan. Sungguhpun mereka sendiri adalah mangsa-mangsa kekejaman dan penindasan itu, tetapi jelas mereka sedang berkhayal dengan teori-teori yang mustahil, mereka beranggapan adalah memadai bagi mereka menentang penindasan yang mereka alami tanpa menghiraukan nasib ke atas mangsa-mangsa penindasan yang lain kerana mereka mempunyai peluang untuk melepaskan diri daripada penindasan yang dikenakan ke atas mereka.

Fan Yew Teng telah menulis surat melucutkan keanggotaannya di Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.

Mengulas tindakan Fan Yew Teng itu, Lim Kit Siang mendakwa dia sedikit pun tidak terkejut di atas pengunduran rakan seperjuangannya itu. Bagaimanapun, dia berasa terkejut kerana Fan Yew Teng mengambil peluang daripada tindakan itu dengan memberikan alasan-alasan untuk menyeranginya secara pefibadi. Alasan yang diberikan itu dianggapnya sebagai penuh dengan niat buruk dan kejam. Sambungnya lagi:

"Kalau Fan Yew Teng tidak puas hati mengenai soal-soal politik DAP, dia patut mengemukakan pendapat-pendapatnya dalam Perhimpunan Perwakilan. Waktu saya bertemunya di Oxford pada tahun yang lepas, saya telah memintanya pulang ke tanah air.

Saya juga mengadakan satu Persidangan Perwakilan untuk membolehkan beliau mengemukakan pendapat-pendapatnya mengenai per-

juangan DAP yang didakwa-nya sudah tidak bermakna lagi.

"Tetapi dia telah menyering DAP tanpa memperhitungkan bahawa pilihannya sudah hampir menjelang dan kelakuan ini akan mendatangkan akibat yang buruk sekali kepada DAP. Tindakannya akan hanya menggembirakan musuh-musuh seperti BARISAN NASIONAL. Ia akan memberikan perangsang kepada parti-parti pembangkang yang lain untuk menahankan DAP!"

Fan Yew Teng pada ketika itu merupakan pemimpin nombor dua di dalam DAP. Pemimpin utamanya ialah Lim Kit Siang.

Dalam Pilihanraya Umum 1974, Fan telah mengalahkan calon BARISON NASIONAL, iaitu S.P. Seenivasagam yang pernah mewakili kawasan Menglembu di Parlimen, mengalahkan calon BEBAS, iaitu Koo Eng Kuang. Seenivasagam memenangi kawasan itu dalam Pilihanraya Umum 1969 atas tiket PPP. Kelebihan undinya ialah 10,748 undi.

Dalam Pilihanraya tahun yang sama, untuk merebut kawasan Petaling Jaya bagi Dewan Undangan Selangor, Fan telah berjaya mengalahkan calon BARISON NASIONAL, iaitu Dr. Chan Jee Swee dan calon PEKEMAS, iaitu V. David. Majoritinya ialah 2,530 undi. Beliau memperoleh 8,597 undi sementara V. David mendapat 5,219 undi.

KETUJUH BELAS:
YEAP GHIM GUAN

PADA 10hb. Januari, 1978, Yeap Ghim Guan, Naib Pengerusi DAP, merang-

kap Pengerusi DAP Pulau Pinang telah disingkir oleh Jawatankuasa Pusat DAP. Alasan penyingkiran itu ialah sejak awal tahun itu, Yeap mula mencabar kuasa Jawatankuasa Pusat dan telah melanggar disiplin parti serta mengingkari matlamat-matlamat parti. Yeap merupakan rakan seperjuangan Lim Kit Siang yang paling rapat sekali.

Hakikatnya, pada pertengahan 1977, Lim Kit Siang telah mengambil keputusan untuk memindahkan Karpal Singh ke Pulau Pinang. Alasannya dibuat demikian mungkin didorongi oleh perasaan takutnya melihat pengaruh Yeap bertambah besar. Pada pertengahan November, 1977, Jawatankuasa Kerja Pusat telah melantik Karpal Singh sebagai Ahli Jawatankuasa DAP, Pulau Pinang.



Yeap Ghim Guan

Untuk menjaga maruah Yeap, pengumuman perlintakan itu telah ditangguhkan sehingga bulan Disember. Pada 31hb. Disember, Lim datang ke Pulau Pinang untuk mengemukakan Mesyuarat DAP Negeri Pulau Pinang. Tetapi, apabila Lim Kit Siang tiba di tempat mesyuarat, dia dapatinya P. Pato, Peter Paul Dason, Chen Ming Chai dan Karpal Singh saja berada di situ. Yeap Ghim Guan dan lain-lain Ahli-ahli Jawatan-

kuasa DAP, Pulau Pinang, memulaukan mesyuarat itu.

Pada malam itu, Lim Kit Siang menyatakan bahawa DAP tidak mengizinkan wujudnya parti di dalam parti yang akan mencabar bidang hak dan kuasa Jawatankuasa Pusat.

Pada 2hb. Februari, 1978, Setiausaha Pengelola DAP, P. Pato mengumumkan bahawa satu Jawatankuasa Kerja Sementara telah ditubuhkan untuk mengendalikan DAP Pulau Pinang. Lim Kit Siang adalah Pengerusi jawatankuasa tersebut. Setiausaha ialah P. Pato, Bendahari ialah Peter Paul Dason dan ahli-ahlinya ialah Yeap Ghim Guan, Koay Boon Seng, Idris Hashim, Karpal Singh dan Chang Teck Fatt.

Pada keesokan harinya, Yeap menafikan bahawa dia pernah memulaukan mesyuarat malam itu. Katanya sebahagian besar ahli-ahli Jawatankuasa DAP Negeri tidak bersetuju dengan perlintakan Karpal Singh.

Yeap Ghim Guan menolak perlintakannya sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Sementara yang baru ditubuhkan itu.

Katanya DAP pernah menentang tindakan BARISAN NASIONAL mengambil alih pemerintahan negeri Kelantan. Tetapi sekarang kaedah yang sama telah dilakukan ke atas ahli-ahlinya. DAP Pulau Pinang berjaya mengekalkan imej bersihnya di Pulau Pinang dan beliau bertanya kenapakah ibu pejabat perlu mero-sakkannya.

Dua hari kemudiannya, senarai ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Sementara Pulau Pinang diumumkan, tetapi nama Yeap Ghim Guan digugurkan daripada senarai itu.

Pada malam mesyuarat diadakan, kira-kira 50 atau 60 orang penyokong Yeap Ghim Guan telah melaukan slogan dan merentangi sepanduk-panduk di luar tempat mesyuarat. Mereka telah ditentang oleh kira-kira 100 orang penyokong Lim Kit Siang.

Akhirnya keahlian Yeap dalam DAP telah digugurkan oleh Jawatankuasa Pusat. Yeap berkata dalam kenyataannya bertarikh 11hb. Jun, bahawa masa depan DAP adalah muram sekali. DAP, katanya, merupakan sebuah kubu yang teguh tetapi krisis yang wujud ketika itu telah membahayakan parti itu.

Setelah mengundurkan diri daripada DAP, Yeap Ghim Guan telah menubuhkan sebuah parti baru. Ramai anggota DAP Pulau Pinang telah mengundurkan diri lalu menyertai partinya itu.

Di dalam Pilihanraya Umum 1969, Yeap Ghim Guan telah menewaskan calon PERIKATAN, Tan Khim Hoe, bagi kawasan Kelawei untuk Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang. Dia berjaya memperolehi 4,239 undi dan Tan mendapat 1,850 undi. Majoriti ialah 2,389 undi.

Dengan penuh keyakinan, beliau menyertai Pilihanraya Umum 1974 di kawasan Parlimen Tanjung. Dia mencabar Dr. Lim Chong Yew daripada BARISAN NASIONAL. Beliau bagaimanapun tewas. Turut tewas ialah calon PEKEMAS dan PSRM. Majoriti yang diperolehi oleh Dr. Lim ialah 1,440 undi.

Yeap Ghim Guan juga kalah dalam pertandingan di kawasan Kampung Kolang untuk Dewan Undangan Negeri di tangan calon BARISAN NASIONAL, iaitu Khoo Kay Por. Beliau memperolehi 4,279

undi sementara Khoo Kay Por memperoleh 1,179 undi lebih daripadanya.

Dalam Pilihanraya Umum 1978, semua calon SDP telah mengalami kekalahan. Yeap kalah di tangan Karpal Singh di kawasan Jelutong (Parlimen) dengan memperoleh hanya 2,401 undi dan undi yang didapati oleh Karpal Singh ialah 23,606. Di kawasan Bukit Gelugor (Dewan Undangan Negeri) dia juga teratas di tangan Karpal Singh sehingga wang pertaruhan nya hilang. Karpal Singh memperoleh 7,776 undi. Tan Gim Hwa (BARISAN NASIONAL) memperoleh 7,202 undi dan Yeap cuma memungut 946 undi.

KELAPAN BELAS:

OH KENG SENG

SETELAH pulang dari seberang laut, Ahli Parlimen kawasan Petaling Jaya, mendapati Yeap Ghim Guan telah disingkirkan daripada DAP. Dia pun berkejar ke Pulau Pinang bertujuan menemui Yeap bagi mendapatkan maklumat mengenai kedudukan sebenarnya. Dia berharap dapat menjadi pendamai dalam persengketaan itu.



Oh Keng Seng

Pada 23hb. Februari, 1978, Oh Keng Seng pun mengumumkan pengundurannya daripada DAP. Katanya, dia tidak puas hati dengan penyelesaian ibu pejabat di atas Peristiwa Pulau Pinang.

Oh merakamkan perasaan tidak puas hatinya atas perbuatan Lim Kit Siang merombak Jawatankuasa Negeri. Katanya, tindakan itu telah mengkhianati pimpinan lapisan bawah parti seperti di Pulau Pinang.

Dia juga menuduh Dr. Chen Man Hin sebagai terlampau lemah dan tidak boleh diharapkan kerana gagal menyelesaikan krisis itu secara memuaskan.

Pada hari yang sama, Pengerusi Biro Politik DAP, Lee Lam Thye telah mengeluarkan satu kenyataan. Katanya, dia telahpun mengagakkan pemberhentian Oh Keng Seng.

Katanya, salah satu sebab pengunduran Oh Keng Seng ialah akibat daripada kejadian yang memimpa Yeap Ghim Guan. Sepatutnya, setelah pulang dari Amerika Syarikat dan Kanada, Oh Keng Seng mesti berikhtiar memahami peristiwa itu melalui parti dan bukannya menghebah-kebahkan "cadangan perdamaian"nya melalui akhbar-akhbar.

Kononnya, sebab kedua pengunduran Oh Keng Seng ialah kerana DAP menolak permintaannya hendak mendapatkan bantuan kewangan bagi pemergiannya ke England mencari Queen's Counsel bagi membantu dia meneruskan rayuan atas kes hasutan (di bawah Akta Hasutan).

Mengikut Lee Lam Thye, DAP bersetuju menjelaskan kos ke atas dokumen-dokumen yang telah dihantar ke England tetapi mendapati tidak perlu menghantar Oh Keng Seng sendiri pergi ke sana.

Lee Lam Thye beranggapan, pengunduran Oh Keng Seng tidak akan membawa kesan buruk ke atas DAP dan tidak akan memberi sebarang ke-

rugian kepada parti tersebut.

Di dalam Pilihanraya Umum 1969, Oh Keng Seng bertanding untuk kawasan Jimah, Negeri Sembilan bagi Dewan Undangan Negeri di atas platform DAP. Dia telah berjaya mengalahkan calon PERIKATAN, iaitu Cheah Yen Kwee dengan kelebihan sebanyak 897 undi. Bagaimanapun, dia kalah untuk kerusi Parlimen bagi kawasan Sepang di tangan Lee Siok Yew. Kelebihan undi yang diperolehi oleh Lee Siok Yew ialah 1,749.

Oh Keng Seng berjaya juga akhirnya menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Petaling setelah dia sekali lagi bertanding atas nama DAP pada tahun 1974. Dia telah mengalahkan Goh Hock Guan. Bagaimanapun, dia kalah pula untuk kerusi Dewan Undangan Negeri di tangan calon BARISAN NASIONAL.

Dalam Pilihanraya Umum 1978, Oh Keng Seng menyertai Parti SDP, pimpinan Yeap Ghim Guan bagi kawasan Bukit Bendera (Parlimen) menentang Peter Paul Dason (DAP) dan H'ng Heong Yong (BARISAN NASIONAL). Dia kalah dan berkeupayaan memungut hanya 3,022 undi dan Peter Paul Dason berjaya memperoleh 21,864 undi. Bagi Dewan Undangan Negeri pula, beliau bertanding di kawasan Air Hitam juga menentang calon DAP, iaitu Peter Paul Dason dan calon BARISAN NASIONAL, iaitu David Choong. Dia hanya memperoleh 517 undi. Undi yang diperolehi oleh Peter Paul Dason ialah 7,643 dan David Choong 6,421 undi.

KESEMBILAN BELAS DAN
KEDUA PULUH:

CHAN HENG WOH DAN
DAING IBRAHIM

MENJELANG Pilihanraya Umum 1978, dua orang ADUN Perak, iaitu Chan Heng Woh dari kawasan Kampar dan Daing Ibrahim dari kawasan Pasir Puteh telah mengundurkan diri daripada DAP.

Pada 19hb. Jun, 1978, ketika DAP mengeluarkan surat tauiah kepada calon-calon yang akan masuk bertanding di kawasan-kawasan di Perak, Chan Heng Woh yang pernah menjadi ADUN dua penggal berturut-turut telah tidak diberikan surat tauiah itu.



Chan Heng Woh

Daing Ibrahim pula, yang telah menjadi ADUN dari kawasan Pasir Puteh telah dipindahkan bertanding di kawasan Chemor. Daing Ibrahim tidak berpuas hati dengan pemindahan kawasan itu lalu mengumumkan perberhentiannya daripada menjadi anggota DAP.

Di dalam kenyataan sempena mengumumkan pengundurannya, Chan Heng Woh berkata bahawa adalah hasratnya ingin bersara supaya orang baru dapat menggantikannya untuk bertanding dan berkhidmat kepada rakyat. Tetapi, adalah di luar jangkaannya jika Lim Kit Siang dan rakan-rakannya sanggup memungkir janji dan mencalonkan Setiausaha Pengelola,

P. Pato untuk menggantikannya. Keputusan Lim Kit Siang itu adalah untuk menyakitkan hatinya. Katanya dia tidak faham kenapa Lim Kit Siang begitu tidak yakin lagi kepadanya sehingga Pato pula dilantik menjadi calon di kawasan-nya.

Dia menambah kata bahawa Ahli-ahli Parlimen dan ADUN-ADUN yang lain seperti Lim Cho Hock, Phung Teik Hua dan Lim Eng Chuan semuanya telah dicalonkan bertanding lagi. Dia bertanya: Adilakah ini?



Daing Ibrahim

Dalam kenyataannya, Daing Ibrahim berkata dia mengundurkan diri bukan kerana menolak pemindahan kawasan ke Chemor. Pengundurannya adalah didorong semata-mata kerana kepentingan parti, negara dan rakyat.

Katanya, dalam DAP, pemilihan calon-calon untuk bertanding bagi kawasan Parlimen di Perak di bawah kawalan Lim Kit Siang, Lim Cho Hock dan Chen Man Hin. Sedangkan pemilihan calon-calon Dewan Undangan Negeri adalah di bawah kuasa Lim Cho Hock dan seorang pembantunya. Cara-cara pemilihan calon yang sedemikian memang telah melanggar dasar-dasar demokrasi yang dilangkaikan oleh pemimpin-pemimpin DAP.

Tambahnya lagi, 'Manifesto DAP dalam pilihanraya ialah Membela Demokrasi, tetapi

kini parti itu memang tidak pernah mengamalkan demokrasi.'

Chan Heng Woh telah berjaya menewaskan calon PERIKATAN di dalam Pilihanraya Umum 1969 bagi kerusi Kampar di Dewan Undangan Negeri. Dia menang lagi di kawasan yang sama pada Pilihanraya Umum 1974. Dalam Pilihanraya Umum 1978, setelah mengundurkan dirinya daripada DAP, dia cuba memper-tahankan kerusinya di kawasan itu dengan bertanding sebagai calon BEBAS. Tetapi dia telah dikalahkan. Dalam pilihanraya tersebut, calon DAP, Lee Kak Hoi memperolehi 9,331 undi, calon BARISAN NASIONAL, Lim Tong Kwai memperolehi 4,320 undi dan Chan memperolehi hanya 2,854 undi.

Daing Ibrahim ialah tokoh veteran DAP. Dalam Pilihanraya Kecil di Tampoi, Johor pada tahun 1967, dia telah mengalami kekalahan. Dalam Pilihanraya Umum 1969, dia menentang calon PERIKATAN, Muhammad Bin Rahmat di kawasan Parlimen Johor Bahru Barat. Undi majoriti calon PERIKATAN ialah 5,766. Dalam pertandingan merebut kawasan Dewan Undangan Negeri, Johor bagi kerusi Tampoi, beliau juga tewas. Lawannya, Elias Udin memperolehi majoriti 1,822 undi.

Daing Ibrahim sekali lagi tewas untuk merebut kerusi Parlimen. Kali ini beliau bertanding di Beruas, Perak. Dalam Pilihanraya Umum 1974 beliau telah ditewaskan oleh calon BARISAN NASIONAL, Su Liang Yu. Su mendapat kelebihan sebanyak 803 undi. Bagaimanapun, Daing Ibrahim berjaya menjadi ADUN Perak kawasan Pasir Puteh setelah dia berjaya memperolehi ma-

...juru sebanyak 4,709 undi.
Dalam Pilihanraya Umum 1978, beliau tidak bertanding lagi.

KEDUA PULUH SATU: LIM ENG CHUAN

PADA 3hb. Disember, 1980, ADUN Perak di kawasan Kelian Pauh daripada parti DAP telah mengumumkan pengundurannya daripada parti tersebut. Dia merupakan ADUN DAP yang pertama mengundurkan diri daripada parti selepas Pilihanraya Umum 1978.

Dia memberitahu bahawa sebab utama dia berbuat demikian ialah kerana fikiran-fikiran politiknya adalah tidak seairin lagi dengan pemimpin-pemimpin parti itu. Lagipun, dia sememangnya tidak puas hati dengan kediktatoran yang wujud di dalam DAP.



Lim Eng Chuan

Katanya dia akan terus berkhidmat kepada rakyat sebagai seorang ahli BEBAS sehingga habis tempohnya. Dia juga mengucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk di kawasannya yang telah memberikan sepenuh sokongan kepadanya dalam tiga kali pilihanraya.

Akibat daripada tindakan-nya itu, DAP Perak telah menggesa Lim Eng Chuan supaya meletakkan jawatannya sebagai ADUN. Dalam ke-

nyataannya, Bendahari DAP Negeri, Lim Jit Sing berkata beliau tidak terkejut di atas tindakan itu.

Lim Jit Sing mendakwa bahawa selepas pilihanraya yang lepas, Lim Eng Chuan mulai mengabaikan urusan parti. Walaupun dia adalah seorang Ahli Jawatankuasa Peringkat Negeri Perak, dia tidak pernah menghadiri mesyuarat peringkat bahagian ataupun cawangan. Hasil daripada kecuaiannya ini, Lim Jit Sing menuduh, DAP Taiping menjadi lumpuh.

Pada bulan Mac, 1981, Lim Eng Chuan telah mengumumkan bahawa beliau telah menyertai Parti Gerakan.

Dalam Pilihanraya Umum 1969, Lim Eng Chuan bertanding di kawasan Taiping mengalahkan calon PERIKATAN, Goh Chok Sam dengan kelebihan 5,304 undi. Dalam tahun 1974 dia telah berjaya mengalahkan tiga orang calon yang lain mempertahankan kerusi Kelian Pauh dengan kelebihan 1,772 undi. Sekali lagi beliau berjaya mempertahankan kerusi Kerian di dalam Pilihanraya Umum 1978 mengalahkan calon-calon BARISAN NASIONAL, Dr. Ng Ah Thong dan Mai bin Mat calon PAS. Kelebihan undi yang dicapainya kali ini ialah 4,141 undi. Dr. Ng Ah Thong mendapat 9,257 dan Mai bin Mat mendapat 770 undi.

KEDUA PULUH DUA: OOI EAN KWONG

SEMENJAK kekalahan DAP dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri di kawasan Pengkalan Kota, Pulau Pinang dalam November, 1980, kekecuaan mulai berlaku lagi dalam parti. Pada

20hb. Februari, 1981, Ahli Dewan Undangan bagi kawasan Kampung Kolam, Ooi Ean Kwong pun mengumumkan pengundurannya daripada DAP.



Ooi Ean Kwong

Menurut sepucuk surat yang dituliskan kepada Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, Ooi Ean Kwong mengundurkan dirinya daripada parti kerana adanya kepentingan peribadi di dalam rebutan kuasa antara segelintir kecil pemimpin-pemimpin DAP. Oleh itu, dia tidak dapat memberikan perkhidmatannya kepada penduduk-penduduk di kawasannya dengan berkesan jika dia terus berada di dalam DAP.

Akhirnya Ooi Ean Kwong telah disingkir daripada DAP. Karpal Singh yang mewakili DAP mencabar Ooi supaya meletakkan jawatannya dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan bertanding dengan dia dalam suatu Pilihanraya Kecil di kawasan itu kelak.

KEDUA PULUH TIGA, DUA PULUH EMPAT DAN DUA PULUH LIMA: SEOW HUN KHIM, CHIN NYOK SOO DAN GOH LIM EAM

SELEPAS pengunduran Ooi Ean Kwong pada 24hb. Februari, 1981, dalam

satu pengumuman DAP, Seow Hun Khim, Chin Nyok Soo dan Goh Lim Eam telah dipecat keahlian mereka.



Seow Hun Khim

Menurut Lim Kit Siang, mereka bertiga disingkir atas alasan-alasan yang berikut:

1. Mereka telah mengingkari peraturan-peraturan parti. Sudah empat bulan, melalui akhbar-akhbar di bawah kawalan BARI-SAN NASIONAL, mereka menyebarkan berita-berita angin kononnya ahli-ahli DAP yang berpelajaran dari sekolah-sekolah Cina telah tertindas dalam parti. Tujuan mereka ialah untuk menghancurkan nama baik dan sokongan rakyat kepada DAP.
2. Mereka dengan secara terbuka menghinakan usaha Jawatankuasa Pusat untuk memulihkan perpaduan, disiplin dan keyakinan rakyat kepada parti DAP.

Dalam satu sidang akhbar yang diadakan pada 26hb. Februari, 1981, mereka berkata:

"Kami amat terkejut dan sedih setelah diberitahu bahawa kami telah disingkir daripada parti. Apa yang kami lakukan ialah untuk kebaikan parti. Kami di-

singkir adalah bukan kerana kami pemah melakukan apa-apa kesalahan. Kami disingkir adalah semata-mata kerana kami yang berpelajaran dari sekolah-sekolah Cina telah berselisih faham dengan Peter Paul Dason dan pengikut-pengikutnya. Yang amat menyakitkan hati kami ialah sebagai pemimpin yang tertinggi dalam parti, Lim Kit Siang telah memberi sokongannya dengan sebulat-bulatnya kepada Peter Paul Dason. Oleh itu kami telah menjadi mangsa.

"Lagipun Lim Kit Siang memang seorang pemimpin yang amat angkuh. Dia berkehendakkan setiap orang anggota parti mengikut telunjuknya. Kalau sesiapa yang berani bersuara ataupun mengemukakan pendapat-pendapatnya kepadanya, dia akan dianggap seperti mencabar kekuasaannya."

Dalam Pilihanraya Nasional 1974, Goh Lim Eam masuk bertanding di kawasan Bagan Jermal. Akhirnya dia berjaya menewaskan empat orang calon yang lain. Dalam pilihanraya 1978, dia tidak dicalonkan untuk bertanding lagi.

Goh Lim Eam



Dalam Pilihanraya Nasional 1978, Chin Nyok Soo berjaya menewaskan lawannya di kawasan Paya Terubong dengan majoriti sebanyak 270 undi. Dalam pertandingan itu calon PERIKATAN mendapat, 5,255 undi sedangkan dia mendapat 5,525 undi.



Chin Nyok Soo

Dalam Pilihanraya yang lepas, Seow Hun Khim telah masuk bertanding di kawasan Bukit Mertajam. Dia berjaya terpilih sebagai Ahli Parlimen untuk kawasan itu setelah mengalahkan calon BARISAN NASIONAL, Lee Jong Ki dengan majoriti sebanyak 3,141 undi. Dalam pertandingan untuk merebut kawasan Dewan Undangan Negeri Kawasan Pekan Bukit Mertajam, dia juga telah berjaya mengalahkan calon BARISAN NASIONAL, Oh Teck Aun dengan majoriti sebanyak 3,061 undi. Dia memperolehi 8,512 undi sedangkan Oh Teck Aun hanya memperolehi 5,451 undi sahaja.

KEDUA PULUH ENAM:
CHAN TECK CHAN

SETELAH mengetahui spenyngkiran Seow Hun Khim, Chin Nyok Soo dan Goh Lim Eam, Chan Teck Chan pun berkejar pulang dari Taiwan. Sebelum itu dia se-

dang berubat di Taipei. Dia telah berikhtiar untuk menerteramkan krisis ini. Dia telah merayu kepada partinya supaya menarik balik penyengiran tersebut. Dia juga merayu kepada ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin cawangan DAP supaya jangan mengadakan sebarang kenyataan melalui akhbar-akhbar.

Malangnya percubaannya adalah sia-sia belaka. Akhirnya setelah gagal dalam usahanya, dia telah disingkir pada 16hb. Mac, 1981.



Chan Teck Chan

Dalam satu sidang akhbar, Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin menuduh Chan Teck Chan kerana dia telah mengingkari disiplin parti dan telah mengurikan kepentingan-kepentingan DAP.

Katanya sudah empat ataupun lima bulan Chan Teck Chan terus memberi sokongannya kepada Seow Hun Khim, Chin Nyok Soo dan Goh Lim Eam yang telah disingkir itu. Dengan niat buruk yang kejam mereka tidak berhenti-henti daripada menghujani tuduhan kepada Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang. Tujuan mereka ialah hendak menghancurkan keyakinan rakyat kepada DAP.

Katanya lagi, kalau bukan kerana hasutan Chan Teck Chan, mereka pasti tidak berani mencabar dan menentang pucuk pimpinan parti.

Chen Man Hin juga menggesa Chan Teck Chan meletakkan jawatannya sebagai Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan dengan segera.

Dalam sidang akhbar, Chan Teck Chan memberitahu kepada pemberita-pemberita bahawa segala usahanya adalah semata-mata untuk menyelamatkan DAP daripada perpecahan yang telah begitu nyata sekarang.

Chan Teck Chan juga mengumumkan, setelah meninggalkan DAP dia akan menubuhkan sebuah parti politik yang baru dengan bekas ahli-ahli DAP yang lain.

Dalam Pilihanraya Nasional 1974, Chan Teck Chan telah terpilih menjadi calon DAP dalam pertandingan di kawasan Tranquerah, menentang calon BARISAN NASIONAL, Yoong Yong. Akhirnya dia telah memenangi kawasan itu dengan majoriti sebanyak 121 undi.

Dalam Pilihanraya Nasional 1978, Chan Teck Chan telah dicalonkan untuk bertanding di kawasan Parlimen Bandar Melaka. Yang mencabar dia ialah Chew Hock Thye daripada BARISAN NASIONAL. Akhirnya Chan Teck Chan telah berjaya dalam pertandingan di kawasan itu dengan majoriti sebanyak 10,200 undi. Di samping itu dia juga berjaya mempertahankan kerusinya di kawasan Tranquerah bagi Dewan Undangan Melaka daripada direbut oleh calon Barisan Nasional.

Jika benar Chan Teck Chan dapat menubuhkan sebuah parti politik yang baru, dia pasti akan masuk bertanding di kawasannya semula apabila tiba pilihanraya nanti.

KEDUA PULUH TUJUH: WONG HOONG KEAT

AHLI Parlimen DAP bagi kawasan Tanjung, Pulau Pinang, Wong Hoong Keat menggugurkan keanggotaan beliau di dalam DAP pada 31hb. Mac, 1981 seminggu selepas rakan sejawatnya Seow Hun Khim, Chin Nyok Soo dan Goh Lim Eam menyertai MCA. Beliau juga menyertai MCA.



Wong Hoong Keat

Dengan ini keanggotaan DAP di Parlimen menjadi 13 orang saja. Kawasan Parlimen Tanjung merangkumi kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Kolang (diwakili oleh Ooi Ean Kwong yang baru-baru ini meninggalkan DAP untuk menyertai GERAKAN), dan Padang Kota (diwakili oleh Lim Chong Eu, Ketua Menteri) dan Pengkalang Kota (dimenangi oleh Lim Kean Siew pada 15hb. November, 1980).

Katanya, dia menyertai MCA untuk membantu membawa kemajuan, pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Pada peringkat ini, beliau menambah kata, pembangkang untuk tujuan membangkang adalah satu usaha yang sia-sia. Tiada sesuatu pun yang dapat dihasilkan daripada usaha itu.

Wong berpendapat, celaka menunggu di depan jika kita

masih meneruskan sikap keperwiraan palsu hasil daripada memainkan emosi di samping harapan rakyat yang diwakili menjadi pudar. Rakyat di Pengkalan Kota telah 'bersuara' dengan tegas tentang perubahan ini.

Selepas Pilihanraya Kecil itu, dia berasa dia tidak dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan jika dia tidak mematuhi hasrat rakyat. Nyata pengundi di kawasannya ingin perubahan. Kawasan itu tidak pernah diwakili oleh BARISAN NASIONAL.

Daripada rekod yang telah dinyatakan di atas, semenjak

1967 sampai setakat ini jumlah bilangan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri DAP yang telah disingkir daripada partinya atau meletakkan jawatan ialah 27 orang. Boleh dikatakan perkara semacam ini memang jarang didapati dalam sejarah parti-parti politik yang lain. Kiranya krisis-krisis yang melibatkan pengunduran atau penyingkiran dalam DAP itu dapat dielakkan, maka sudah pasti DAP adalah lebih kuat sekarang. Oleh itu memang wajar bagi pemimpin-pemimpin DAP memikirkan dengan sedalam-dalamnya kenapa

sampai begitu ramai sekali Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri telah mengundurkan diri mereka daripada parti itu. Jika ini tidak dilakukan tokoh yang kedua puluh lapan berhenti daripada DAP mungkin terdiri daripada salah satu daripada ini, iaitu Lee Lam Thye, Lim Cho Hock, Cheang Heng Kai, Lim Nyit Sin, Lee Kok Hai atau sesiapa sahaja yang suatu hari nanti tidak akan sebulu lagi dengan Lim Kit Siang.

Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka, Encik Chan Teck Chan (kiri) bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Encik Seow Hun Kim semasa menghadiri majlis dialog DAP di pejabat akhbar harian Kin Kwok baru-baru ini.



APA LAGI MODAL DAP SESUDAH ISU PELAJARAN BAHASA CINA?

(Apa lagi yang boleh digunakan sebagai senjata politik DAP setelah isu pelajaran Bahasa Cina tidak dapat digunakan lagi?)

DALAM apa-apa parti politik sekalipun, memang sentiasa menjadi amalan pemimpin-pemimpinnya untuk menggalakkan wujudnya satu golongan yang lain apabila golongan yang ada itu telah begitu kuat hingga mengancam kedudukan mereka. Jadi,imbangan kekuatan atau pengaruh sesuatu golongan yang lain dalam satu parti, adalah satu cara yang biasa digunakan oleh pemimpin-pemimpin parti politik supaya kedudukan mereka tidak terancam.

Tetapi pimpinan Lim Kit Siang berbeza dengan corak ini. Dia mahukan DAP jadi satu parti yang berdisiplin yang mematuhi apa saja perintah dan arahan yang dikeluarkannya tanpa sebarang soal.

Corak pimpinan Lim adalah mirip diktator. Dia tidak bertolak ansur dengan ahli-ahli parti yang mempersoalkan sebarang tindakan dan keputusannya. Ini telah terbukti dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku baru-baru ini dalam DAP di mana setengah ahli telah mempersoalkan keputusannya apabila calon untuk Pilihanraya Kecil di Pengkalan Kota itu telah tewas di tangan calon Barisan Nasional. Calon pilihan Lim itu dipilihnya selepas dia menolak calon lain yang dicadangkan oleh pemimpin DAP tempatan di Pulau Pinang. Mereka yang menegur Lim telah dipecat dari DAP.

Dalam Pilihanraya Nasional 1969, DAP telah mencapai kemenangan yang besar kerana kebolehnya memainkan isu pelajaran bahasa Cina. Tetapi kali ini, dalam Pilihanraya Kecil di Pengkalan Kota, penggunaan pelajaran bahasa Cina sebagai alat senjatanya telah didapati tidak berkesan untuk membolehkan DAP menang. Ini kerana DAP tidak

lagi dianggap sebagai satu parti yang tetap memperjuangkan nasib orang Cina.

Setelah gagalnya DAP dalam Pilihanraya Kecil Pengkalan Kota itu, DAP cuba memperbaiki imejnya di kalangan orang Cina dengan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mempertahankan bahasa Cina dan juga sekolah-sekolah rendah Cina. Tetapi setelah terpecatnya Goh Lim Eam, Chin Nyok Soo dan Seow Hun Kim yang semuanya terdidik dalam bahasa Cina, imej DAP sebagai pejuang pelajaran bahasa Cina telah hancur. Mereka yang dulu percaya DAP akan memperjuangkan pelajaran bahasa Cina telah hilang keyakinan mereka terhadap DAP dan mula timbul ura-ura hendak menubuhkan parti baru untuk memperjuangkan bahasa Cina.

Kalau sekiranya parti baru tersebut ditubuhkan nanti, maka ini akan memberi pukulan teruk kepada DAP dalam pilihanraya akan datang. Dalam Pilihanraya Nasional 1978, kesemua Ahli Parlimen DAP menang dalam kawasan-kawasan orang Cina, kerana mengeksploitasikan isu pelajaran bahasa Cina. Kalau isu pelajaran bahasa Cina tidak boleh dieksploitasikan lagi oleh DAP untuk mendapat sokongan pengundi Cina, maka masa depan DAP amatlah rumit.

Tetapi kalau ditinjau dari segi lain pula, memecat Seow, Chin dan Goh sekarang adalah tepat pada masanya kerana dengan ini akan mencegah mereka daripada mengganggu parti DAP dalam pilihanraya yang diramal akan diadakan pada tahun depan saja.

Orang begitu mudah lupa. Orang ramai telah tidak teringatkan lagi nama-nama Fan Yew Teng, Goh Hock Guan dan Yeap Ghim Guan. Rasa simpati terhadap Chin, Goh dan Seow tidak akan berlanjutan sehingga tahun depan.

Pemecatan Yeap Ghim Guan daripada DAP dalam tahun 1978 tidak membawa kesan-kesan yang seburuk hingga menjejaskan kedudukan DAP di Pulau Pinang dalam pilihanraya yang berikut. Sebenarnya, DAP masih berjaya memenangi 4 kerusi Parlimen dan 5 kerusi Negeri dalam Pilihanraya Nasional 1978 selepas terpecatnya-Yeap Ghim Guan, manakala semua calon-calon daripada parti Yeap Ghim Guan telah kalah.

Tetapi kes Chin Nyok Soo, Goh Lim Eam dan Seow Hun Kim ini tidak sama dengan kes Yeap Ghim Guan. Mereka ini mewakili golongan pejuang bahasa Cina manakala Yeap seorang terpelajar dalam aliran bahasa Inggeris.

Jadi pemecatan Siew, Chin dan Goh itu tetap akan membawa kesan-kesan buruk yang akan menyebabkan Peter Dason kalah di kawasan Bukit Bendera. Akibatnya, Karpal Singh juga tidak mungkin menang lagi dalam pilihanraya yang akan datang itu. Masa depan DAP di Pulau Pinang di bawah pimpinan Karpal Singh dan Peter Dason adalah malap.



Tun Tan Siew Sin



Lee San Choon



Alex Lee




Lim Kit Siang



Goh Hock Guan



Richard Ho



RUNDINGAN SULIT MCA - DAP

Kerusi Kabinet Menjadi Rintangan

BANGUNAN 'Commonwealth House' adalah sebuah bangunan yang tersergam di sebuah kawasan yang sunyi. Biasanya, bangunan itu jarang dikunjungi orang ramai. Tetapi, pada 7hb. Mac, 1971, suasana di sekeliling bangunan itu kelihatan berubah sedikit. Rupa-rupa-

nya ada satu perundingan yang penting akan berlangsung di tempat itu nanti. Tidak berapa lama kemudian, Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP yang amat terkenal di arena politik Malaysia, muncul di depan bangunan itu.

Tujuan Lim Kit Siang datang ke

situ ialah kerana ingin berunding dengan Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin. Tun Tan merupakan musuh politik Lim Kit Siang yang terulung. Kecuali bertukar lidah di Parlimen, memang amat jarang mereka bertemu antara satu sama lain. Inikan pula duduk bersama-sama

bagi merundingkan soal-soal yang penting!

Bahan rundingan dalam pertemuan itu memang tidak diketahui oleh sesiapa pun. Malah perundingan sendiri itu adalah satu perkara rahsia. Pendek kata, sejeurus selepas itu orang ramai masih belum sedar lagi bahawa mereka pernah bertemu di bangunan itu.

PECAHNYA RAHSIA DARI BALIK TABIR

Tetapi beberapa bulan selepas perundingan sulit itu, rahsia pertemuan mereka telah terbongkar. Pada 9hb. Julai, dalam satu sidang akhbar, Lim Kit Siang telah menegaskan bahawa sampai mati pun DAP tidak akan menyertai MCA. Dia juga menafikan bahawa dia pernah bertemu atau berunding dengan pemimpin-pemimpin MCA.

Pada hari itu juga, Tun Tan telah memberitahu kepada pemberita-pemberita di Parlimen bahawa memang benar DAP pernah berhubung dengannya untuk merundingkan beberapa masalah pokok.

Terbongkarnya rahsia perundingan sulit antara MCA dengan DAP itu benar-benar menggemparkan lapangan politik Malaysia. Sudah begitu ketara sekali soal-soal yang dibincangkan dalam pertemuan antara kedua-dua parti politik yang sentiasa bermusuhan itu adalah sememangnya bukan lagi soal-soal sebarangan.

Menurut kenyataan Kam Boon Wah:

1. Pada 7hb. Mac, tahun itu, Lim Kit Siang telah menyampaikan permintaan hendak berunding dengan Tun Tan di Commonwealth House melalui Alex Lee.
2. Pada hujung tahun sebelumnya, seorang pemimpin DAP yang lain dengan ditemani oleh Alex Lee telah berunding dengan Tun Tan. Kemudian wakil DAP itu telah

menyampaikan hasil daripada temuannya dengan Tun Tan itu kepada Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin.

3. Awal tahun itu, seorang lagi pemimpin DAP datang bertemu dengan Tun Tan di tempat kediamannya.
4. Bulan April tahun itu, menjelang Pilihanraya Kecil di Bekok, dengan ditemani oleh Lee San Choon, Timbalan Pengerusi DAP, Goh Hock Guan telah melawat Tun Tan di tempat kediamannya. Penyertaan DAP dalam MCA telah dicadangkan dalam pertemuan mereka.

TIGA SYARAT DARIPADA DAP

Mengikuti Kam Boo Wah, dalam pertemuan rahsia itu, DAP telah mengemukakan tiga permintaan sebagai syarat-syarat parti itu mengundurkan diri daripada Pilihanraya Kecil di Bekok.

1. Melantik seorang pemimpin DAP sebagai Timbalan Presiden MCA.
2. Jaminan untuk melantik tiga orang Ahli Parlimen DAP sebagai menteri dalam kabinet kerajaan.
3. Jaminan untuk melantik dua atau tiga orang Ahli Parlimen DAP sebagai timbalan menteri dalam kabinet kerajaan.

Tun Tan telah memberitahu kepada Lim Kit Siang, sebelum permintaan DAP tersebut ditimbang, kan, partinya mesti memenuhi perkara-perkara yang berikut:

1. DAP mesti dibubarkan. Ahli-ahli parti itu boleh menyertai MCA secara peribadi.
 2. DAP mesti mengeluarkan satu kenyataan bahawa parti itu telah menerima dasar-dasar dan tujuan politik MCA.
 3. Cadangan-cadangan yang berkenaan itu hendaklah disahkan oleh pemimpin PERIKATAN, Tun Abdul Razak dan Jawatan Kuasa Pusat MCA terlebih dahulu.
- Di samping itu, menurut kenya-

taan yang disiarkan oleh Lim Kit Siang, perundingan sulit itu diadakan semata-mata atas permintaan MCA. Katanya, di pertengahan bulan Februari, dia telah diberitahu oleh seorang perantara, bahawa Tun Tan ingin bertemu dengan dia bagi membincangkan soal-soal politik dan masalah-masalah negara dengannya.

Setelah berunding dengan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat DAP yang lain, dia pun mengambil keputusan untuk bertemu dengan Tun Tan. Dalam pertemuan tersebut, Tun Tan telah menyatakan pendapat-pendapatnya berkenaan masalah-masalah yang akan datang. Alex Lee juga turut menghadiri pertemuan tersebut.

Mengikuti Lim Kit Siang, seorang lagi pemimpin DAP yang pernah bertemu dengan Tun Tan ialah Richard Ho.

Lim Kit Siang menambah kata, MCA bercadang bahawa jika DAP sanggup berundur daripada mengambil bahagian dalam Pilihanraya Kecil di kawasan Bekok yang akan diadakan, serta membubarkan partinya selepas itu, pemimpin-pemimpin partinya akan dilantik menjadi Timbalan Presiden MCA dan Setiausaha Agung MCA. Ahli-ahli Parlimen DAP juga akan dilantik untuk memegang jawatan dalam kabinet kerajaan sebagai menteri dan timbalan menteri. DAP telah menolak tawaran tersebut.

Pada hari itu juga Alex Lee telah menafikan penglibatan Gabungan Persatuan Cina dalam satu kenyataan yang telah disiarkannya. Katanya, Gabungan Persatuan Cina tidak terlibat dalam pertemuan MCA dengan DAP itu. Maksudnya perundingan sulit tersebut hanya melibatkan dua parti politik saja.

Dalam perkara ini, tokoh yang telah mengambil langkah permulaan dalam pertemuan itu telah menjadi fokus pertengkaran antara kedua-dua parti politik itu.

Pada 11hb. Julai, dalam satu sidang akhbar, Goh Hock Guan telah membongkar rahsia temuannya dengan Tun Tan. Katanya, Tun Tan telah memberitahunya, kecuali jawatan Presiden dalam MCA, kenam-enam pemimpin DAP itu, ia-

itu termasuk Lim Kit Siang, Goh Hock Guan dan Chen Man Hin, boleh memegang jawatan yang penting dalam MCA.

Goh berkata, dia dan rakan-rakannya tidak berminat pada cadangan Tun Tan, kerana tujuan DAP ialah hendak menubuhkan sebuah masyarakat Malaysia untuk rakyat Malaysia. Dia mencadangkan adalah lebih baik Tun Tan berhubung dengan Gerakan. Mengikuti Goh, Tun Tan menjawab bahawa Gerakan tidak begitu kuat dan berpengaruh seperti DAP. Sedangkan MCA mesti melanjutkan perjuangannya lagi.

DAP AKAN DIEJEK JIKA IA MEMASUKI MCA

Menurut kenyataan Goh Hock Guan, pertemuannya dengan Tun Tan adalah diaturkan oleh Lee San Choon. Dalam pertemuan, Goh telah bertanya kepada Tun Tan apakah dia telah diarah oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin DAP? Goh kata dia tahu benar bagaimana kedudukan MCA di dalam PERIKATAN.

Katanya, dengan secara berterusterang, Tun Tan telah memberitahunya:

1. MCA tidak boleh mengalami kekalahan dalam pilihanraya lagi kerana UMNO telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya kecil di kawasan Kapar.
2. MCA tidak boleh berada dalam keadaan seperti bagaimana yang digambarkan oleh Tun Dr. Ismail: "Hidup segan mati tak mahu" Kalau MCA kalah lagi dalam pilihanraya kecil yang akan datang itu, akibatnya pasti buruk sekali.
3. Selain daripada soal pilihanraya kecil, tidaklah patut kalau pemimpin-pemimpin DAP berpeluk tubuh saja dalam soal-soal negara.

Menurut Goh Hock Guan, Tun Tan berkata MCA memerlukan orang kuat seperti mereka berenam

(Goh Hock Guan, Lim Kit Siang dan lain-lain lagi). Kalau MCA mempunyai tokoh-tokoh seperti mereka berenam, MCA pasti dapat menjadi sebuah parti politik yang kuat dan berpengaruh besar. Punca masalah MCA bukanlah daripada dasar-dasarnya. Punca masalah MCA ialah dari kelemahan ahlinya.

Goh menambah kata bahawa, Tun Tan telah menawarkan beberapa jawatan yang penting dalam Jawatankuasa Pusat MCA kepada mereka, tetapi telah ditolakannya, kerana katanya konsep DAP ialah hendak menjadi sebuah parti pemerintah. Pendirian DAP adalah amat berlainan daripada MCA. DAP adalah sebuah parti politik berbilang bangsa. Dasar-dasarnya adalah disambut baik oleh semua kaum, terutamanya golongan miskin. Kalau DAP menyertai MCA, mereka pasti akan diejek dan diketawakan orang. DAP hanya akan membandingkan cadangan Tun Tan, jika UMNO, MCA dan MIC dibubarkan terlebih dahulu.

PERUNDINGAN DIATUR ORANG TENGAH

Alex Lee yang turut terlibat dalam pertemuan sulit antara MCA dengan DAP telah menyiarkan satu kenyataan membongkar rahsia perhubungan antara Tun Tan dengan Lim Kit Siang. Katanya, dalam bulan Februari, 1971, seorang pemimpin DAP telah berjumpa dengan dia dan Tun Tan untuk menyampaikan hasrat Lim Kit Siang hendak bertemu dengan Tun Tan. Bagaimanapun, dia enggan mendedahkan nama pemimpin DAP itu. Dia hanya memanggil pemimpin DAP itu sebagai Encik X.

Sebelum itu Tun Tan memang tidak kenal akan Encik X itu. Encik X telah berunding dengannya tentang peraturan perundingan antara Tun Tan dengan Lim Kit Siang. Akan tetapi kerana Tun Tan belum lagi berhubung dengan Encik Lim, serta tujuan-tujuan perundingan yang berkenaan itu pun belum ditetapkan, maka Encik X meminta supaya perundingan antara dia de-

ngan Encik Alex Lee mesti dirahsiakan. Dia juga bercadang perundingan sulit itu mesti diadakan di satu tempat perundingan yang sunyi.

Mula-mula Federal Hotel telah dicadangkan tetapi telah ditolak. Pada ketika itu Tun Tan sedang sibuk dengan persediaan bagi sidang Parlimen. Oleh itu perundingan sulit itu memang tidak dapat diadakan sebelum sidang Parlimen. Bagaimanapun dia telah meminta Tun Tan memberitahu masa Tun Tan akan lapang. Setelah itu dia baru berhubung dengan Encik X semula, dan tarikh, waktu dan tempat perundingan pun ditetapkan.

Menurut tekaan Alex Lee setelah Encik X menyampaikan hasil perundingan mereka kepada Lim Kit Siang, Lim pasti bersetuju bertemu dengan Tun Tan kerana Encik Lim dan Encik X sama-sama datang ke Bangunan Commonwealth House pada waktu dan tarikh yang ditetapkan.

LEE SAN CHOON MENDESAK GOH HOCK GUAN POTONG AYAM

Dalam satu kenyataan kemudiannya, Lee San Choon telah menyelar DAP kerana mendedahkan butir-butir rahsia perundingan sulit itu. Lee San Choon juga menafikan sebarang kandungan kenyataan Goh Hock Guan. Dia mencabar Goh Hock Guan memotong ayam bersama-samanya jika Goh berani berbuat demikian. Mengikuti Lee San Choon:

"Sebanyak dua kali saya memnami Goh Hock Guan ke rumah Tun Tan. Pada kali pertama, saya pernah berunding dengan Encik Goh selama dua jam. Tatkala perundingan itu berjalan Encik Goh pernah bertukar fikiran dengan Dr. Chen Man Hin melalui telefon sedangkan saya pula pernah bertukar pendapat dengan Tun Tan juga melalui cara yang sama. Dengan secara terus-terang, Tun Tan telah menyatakan bahawa sebelum dia bertemu dengan Encik Goh, DAP mesti dibubarkan ter-

lebih dahulu. Parti itu dan juga abli-ablinya boleh menyertai MCA secara peribadi.

"Encik Gob telah menerima syarat itu. Tetapi dia ragu-ragu kerana katanya mereka akan kelibangan asas kekuatan mereka apabila parti mereka telah dibubar. Bagaimana kalau MCA enggan menerima mereka setelah parti mereka telah tiada lagi? Untuk mengatasi masalah itu, kami telah menawarkan beberapa jawatan penting dalam MCA kepada mereka. Ini termasuk Pemangku Presiden, Setiausaha Agung, Setiausaha Biro Pengelola dan abli-abli Jawatan-kuasa Pusat MCA.

"Selepas perundingan saya dengan Encik Gob, saya pun membawanya ke rumah Tun Tan. Perundingan di rumah Tun Tan mengambil masa 1½ jam. Waktu kami meninggalkan rumah Tun Tan, Encik Gob berkata dia mempunyai keyakinan pada keikhlasan Tun Tan. Dia akan berbubung dengan kami lagi dalam tempoh dua hari.

"Dalam perundingan kali kedua antara saya dengan Gob Hock Guan, sikap Gob tidak seperti dahulu lagi. Yang kami bincangkan ialah bagaimana bendak kita bekerja dan berusaha secara berdampingan kelak. Oleh kerana Gob mesti memberi jawapannya kepada Tun Tan, saya pun menemaninya ke rumah Tun Tan semula. Pertemuan mereka kali ini adalah amat singkat sekali. Gob telah memberitahu kepada Tun Tan bahawa rakan-rakannya tidak setuju atas basul-basil yang tercapai dalam perundingan yang lepas.

"Sepengetahuan saya, pada petang itu, sekali lagi mereka mengadakan perundingan di rumah Tun Tan. Beberapa orang rakan saya telah mengbadiri run-
dungan itu. Pada ketika itu saya sudah bertolak ke Jobor kerana mengambil bahagian dalam kempen untuk Pilihanraya Kecil di Bekok.

SIAPA YANG MENGAMBIL LANGKAH PERMULAAN?

Selepas tersiarnya kenyataan Lee San Choon, Lim Kit Siang telah mengeluarkan cabarannya kepada Tun Tan Siew Sin. Dia mendesak Tun Tan menyatakan siapakah yang telah mengambil inisiatif dalam perundingan sulit antara dia dengannya. Dia harap Tun Tan akan meletakkan nama baik politik serta kerjanya sebagai pertuarahan dalam cabarannya ini.

Bila disoal siapakah Encik X itu? Katanya: "Buat ketika ini saya masih tak boleh mendedahkan nama dan identiti dia."

Bila ditanya siapakah yang telah mengambil langkah inisiatif dalam pertemuan dia dengan Tun Tan? MCAkah atau DAP? Dengan secara serius dia menegaskan: "Yang mengambil inisiatif itu adalah MCA dan bukan DAP."

"Pada hari Sabtu yang lalu, saya telah mencabar Tun Tan menyatakan siapakah yang telah mengambil langkah permulaan dalam perundingan yang diadakan di Commonwealth House pada 7hb. Mac? Saya bendak Tun Tan meletakkan nama baik dan kerjanya sebagai pertuarahan dalam cabaran ini.

"Ini adalah amat mustabak sekali. Ia dapat membuktikan nanti siapa yang berbongong itu.

"Tiga hari dahulu, di Parlimen, Tun Tan berkata 'sayalah yang meminta bendak bertemu dengan dia di Commonwealth House. Tapi saya tidak mengbadiri diri kerana takut dinampak orang nanti.'

"Pada keesokan barinya, dalam satu kenyataannya, Setiausaha Agung MCA berkata, 'di bawah permintaan saya dan setelah permintaan itu disampaikan oleh Alex Lee, memang benar perundingan itu telah diadakan.'

"Bila saya mengeluarkan cabaran saya, Tun Tan membius saja. Dia telah memeralatkan Alex Lee untuk menyelubungi bakiat kejadian itu.

Ahli Parlimen DAP kawasan Sitawan juga menyiarkan satu kenyataan untuk membongkarkan rahsia pertemuan antara Tun Tan dengan Lim Kit Siang.

"Pertemuan saya dengan Tun Tan Siew Sin seperti yang diaturkan oleh Alex Lee, sebenarnya tidak begitu mistri seperti yang diceritakan oleh Setiausaha Agung MCA.

"Pada hujung tabung yang lepas, Alex Lee memberitahu saya bahawa Tun Tan Siew Sin bendak berjumpa dengan saya. Dia juga memujuk saya pergi bertemu Tun Tan. Katanya pertemuan itu tidak akan membawa apa-apa kerugian pun.

"Alex Lee membawa saya ke Kementerian Kewangan. Dengan secara berterus-terang Tun Tan menjemput saya masuk MCA. Dengan secara lebar panjang, dia cuba menyakinkan saya, bahawa di bawah suasana politik di Malaysia sekarang, MCA adalah satu-satu parti politik yang terbaik sekali. Dia mendesak saya memberi jawapan pada ketika itu juga. Saya telah menolaknya dengan mengatakan bahawa saya akan menimbangkan tawarannya.

"Selepas pertemuan itu, mula-mula saya telah melaporkannya kepada Dr. Cben Man Hin akan pertemuan itu. Alex Lee juga turut sama di rumah Dr. Cben di Seremban. Dengan secara sulit, perkara ini juga telah diberitahu kepada rakan-rakan saya dalam DAP.

"Tidak berapa lama kemudian, Alex Lee pun memberitahu kepada saya bahawa Tun Tan mahu saya memberi jawapan sebelum sidang Parlimen disambungkan semula.

"Pada suatu petang, saya telah diberitahu bahawa Tun Tan sedang berunding dengan seseorang di rumahnya sungguhpun pada ketika itu Tun Tan kurang sihat. Saya juga telah didesak supaya memberitahu dia sama ada saya bendak masuk MCA atau tidak.

"Saya pun memberitahu kepada Tun Tan, saya tidak akan



Allahyarham Tun Dr. Ismail, P. Patto, Karpal Singh, Lim Kit Siang dan Goh Hock Guan.

menyertai MCA kerana MCA adalah sebuah parti politik yang begitu jauh bezanya dengan DAP. Pada pendapat saya MCA tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah di negara kita ini untuk selama-lamanya.

Memandangkan kenyataan-kenyataan yang telah disiarkan oleh MCA dan DAP, maka adalah nyata sekali ramai orang telah terlibat dalam pertemuan sulit antara Tun Tan dengan Lim Kit Siang ini.

Pada 15hb. Julai, Goh Hock Guan telah menerima cabaran dan mendesak Tun Tan mengadakan satu sidang akhbar bersama supaya kenyataan berkenaan pertemuan sulit itu dapat dijelaskan.

Bagaimanapun cabaran hendak memotong ayam tidak dilaksanakan juga. Mungkin kedua-dua pihak itu sudah faham, tiada faedahnya bagi mereka terus cabar-mencabar dan cakar-mencakar lagi. Oleh itu pertikaian lidah mereka dalam surat khabar pun lenyap dengan begitu saja.

Sebenarnya soal siapa yang mengambil langkah inisiatif dalam

pertemuan sulit itu nyatalah tidak begitu penting sekali. Namun begitu ada satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun ialah wujudnya perundingan antara mereka. Kita mesti mengaku perhubungan antara dua parti politik yang bermusuhan adalah satu perkara yang patut dihargai. Terutamanya jika kedua-dua pihak itu dapat merundingkan soal-soal mengenai kepentingan bersama dan juga soal-soal berkenaan masyarakat Cina.

Di samping itu, motif mengadakan perhubungan nyatalah tidak begitu penting lagi. Jika persefahaman ataupun kerjasama dapat dicapai selepas perundingan, ia pasti akan meneguhkan lagi perpaduan kaum Cina dan akhirnya ia juga dapat mewujudkan perpaduan antara semua kaum di negara kita. Sebaliknya jika perundingan telah menemui jalan buntu ataupun telah gagal, kedua-dua pihak itu tidak semestinya cabar-mencabar atau cakar-mencakar untuk menimba modal politik masing-masing.

Pada 21hb. Jun, 1972, apabila Goh Hock Guan disingkir daripada

DAP, soal pertemuan antara Tun Tan dengan Lim Kit Siang dicungkil semula. Di Seremban, Lim Kit Siang telah menuduh Goh Hock Guan, kerana katanya sebelum diberi kuasa oleh parti, Goh Hock Guan telah berunding dengan MCA.

Tuduhan itu telah dibalas oleh Goh dengan segera. Menurutinya dia berunding dengan MCA, kerana dia telah diarah oleh Dr. Chen Man Hin.

Katanya: "Lim Kit Siang kata saya ingin benar menyertai MCA sedangkan dia tiada minat langsung. Itu adalah satu pembongkaran yang dáyus sekali."

Dengan secara berterus-terang, Goh Hock Guan berkata: "Sebelum pertemuan saya dengan Tun Tan, Lim Kit Siang telah berunding dengan Tun Tan. Tapi, kini dia menuduh saya pula. Katanya saya yang mula-mula sekali bertemu dengan Tun Tan. Ini mungkin kerana Lim Kit Siang takut imej dirinya akan tercemar jika kebenaran peristiwa itu terbongkar kelak."

KERJASAMA PAS-DAP:

Antara Dongeng Dan Kenyataan

TANDA-TANDA mula beriak-riak menunjukkan Pilihanraya Nasional akan diadakan pada tahun depan. Tidak ada parti, selain daripada PAS dan DAP yang mempunyai kekuatan untuk menggugat BARISAN NASIONAL.

Pada masa dahulu, PAS berjaya memerintah Kelantan hampir-hampir selama 20 tahun — satu jangka masa yang amat mengagumkan. Kekuatan PAS mulai lemah apabila ia telah bercantum dengan BARISAN NASIONAL.

DAP pula, jika diperhatikan dengan kegigihannya meletakkan calon-calon bertanding, nampaknya memang berhasrat untuk menawan pemerintahan negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pulau Pinang sejak tahun 1978 lagi. Di dalam Pilihanraya Nasional 1978, DAP meletakkan

seramai 103 orang calon bertanding dengan bilangan kerusi sebanyak 146 bagi negeri-negeri tersebut. Sememangnya, DAP bercita-cita membentuk kerajaan pada masa pilihanraya 1978 lagi.

Datuk Asri (kiri) sedang memikirkan sesuatu sementara Lim Kit Siang (kanan) tersenyum menjeling.



Baru-baru ini, Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Hj. Mohd. Asri b. Hj. Muda ada membayangkan kemungkinan PAS bekerjasama dengan DAP. Saranan Datuk Asri itu amat mengejutkan tokoh-tokoh po-

litik kerana begitu ketara perbezaan ideologi antara PAS dan DAP dan yang sama hanyalah mereka berdua berada di pihak pembangkang! Apakah muslihat Datuk Asri membuat saranan itu? Adakah ia semata-mata untuk mengetahui reaksi UMNO? Atau reaksi PAS? Atau hanya sebagai satu helah untuk orang ramai membicarakan tentang PAS yang sudah kurang mendapat tempat di akhbar-akhbar sekarang? Hanya Datuk Asri yang tahu. Mungkinkah juga ia sebagai satu strategi yang akan diambil untuk mempertahankan kehilangan pengaruh PAS di kalangan orang-orang Melayu sekarang?

Rancangan Malaysia Ketiga telah memberi faedah yang besar kepada kaum Bumiputra. Ini tidak dapat dinafikan. Baru-baru ini, Datuk Hussain Onn telah melancarkan pula Rancangan Malaysia Keempat. Ketegasan hasrat kerajaan untuk menjalankan Rancangan itu dengan segera dan berkesan dapat dilihat dengan semangat Perdana Menteri yang melancarkan sendiri Rancangan itu walaupun beliau baru saja selesai menjalani pembedahan jantung di England.

Di bawah Dasar Ekonomi Baru, kaum Bumiputra telah dapat menikmati kejayaan-kejayaan dari segi politik, ekonomi, pelajaran dan sosial. Ramai di antara mereka percaya, UMNO berupaya meningkatkan lagi kedudukan kaum Bumiputra. UMNO dari masa ke semasa bertambah kukuh.

Dalam menghadapi hakikat sedemikian, maka Datuk Asri sadar dari segi apapun, dia tidak dapat mencabar UMNO. PAS sebagai kekuatan yang ada pada hari ini tidak dapat menggugat kekuatan UMNO.



Ustaz Fazlil Nor



En. Subky Latif

Beberapa-beberapa pilihanraya kecil yang diadakan selepas Pilihanraya Nasional 1978 telah membuktikan bahawa kedudukan UMNO bertambah kuat. Jadi, satu strategi baru harus dicari untuk mengalahkan UMNO. Mungkinkah strategi itu berupa kerjasama dengan DAP?

Sebenarnya PAS dan DAP pernah bekerjasama secara senyap-senyap ataupun sekurang-kurangnya PAS telah menunjukkan kerjasamanya kepada DAP dengan meletakkan calon-calonnya di kawasan yang kebanyakan pengundinya adalah bukan Bumiputra. Dan DAP sekurang-kurangnya juga telah menunjukkan kerjasamanya kepada PAS dengan meletakkan calonnya di kawasan yang pengundi kebanyakannya kaum Bumiputra.

Kerjasama berbentuk itu pernah berlaku! Kenapakah kerjasama itu tidak diperpanjangan lagi? Mungkin PAS dapat mengekalkan kubunya di Sungai Raya di dalam Pilihanraya Kecil tempoh hari jika DAP meletakkan calonnya untuk menarik undi bukan Bumiputra. Mungkinkah selepas Pilihanraya Kecil itu Datuk Asri benar-benar berasa perlu-

nya bekerjasama dengan Lim Kit Siang?

DAP juga sadar ia tidak akan dapat memperluaskan kegiatannya ke kawasan luar bandar dengan imej yang ada pada parti itu hari ini. Sebeberapa boleh, Lim Kit Siang akan memperlihatkan bahawa partinya adalah bukan untuk orang-orang Cina sahaja. Parti DAP adalah untuk bangsa Malaysia. Hari ini tidak ada seorang pun Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun Ahli Parlimen Pulau Pinang yang terdiri daripada orang Cina.

DAP sanggup menyingkir Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan-Dewan Undangan Negeri untuk memberikan imej pelbagai kaum. Dan jika ada tawaran untuk melanjutkan kerjasama yang telah wujud itu, (sama ada disedari atau tidak oleh orang ramai atau oleh Datuk Asri sendiri) tawaran itu akan diterima dengan tangan yang terbentang.

Lim Kit Siang juga sadar di Semenanjung Malaysia terdapat hanya lebih kurang 20 kawasan yang bulat-bulat dikuasai oleh orang Cina. Dan dengan bergayut di 20 kawasan ini, sehingga mati pun DAP akan hanya kekal seba-

gai parti pembangkang sahaja. Oleh itu hanya bekerjasama sajalah dapat beliau memainkan peranan yang lebih efektif.

Di atas kesedaran itulah maka Lim Kit Siang dan Datuk Asri menumpukan perhatian mereka ke kawasan yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum. Mereka berharap, dengan adanya pertandingan tiga penjuror di antara BARISAN NASIONAL, PAS dan DAP, undi-undi akan berpecah dan mereka akan mengaut keuntungan. Dan strategi yang dicari itu nyata memberi kesan!

Pernahkah strategi ini dicuba? Ya, strategi ini pernah dicuba dan nyata ia memberi kesan. Bagaimanapun ia lebih menguntungkan DAP daripada PAS. Pada tahun 1969, parti-parti pembangkang, iaitu Parti Progresif Rakyat, Parti Gerakan dan DAP (dan mungkin PAS secara sedar atau tidak sedar) telah bermuafakat menentang PERIKATAN dengan satu strategi. Hasil daripada pakatan itu PERIKATAN telah gagal mengekalkan pemerintahannya di Pulau Pinang dan gagal membentuk kerajaan mutlak di Perak dan Selangor.

Parti Gerakan telah pun menunjukkan kerjasama kepada PAS. Bagaimanapun, andaian yang dibuat di dalam analisa ini ialah bumiputra lebih senang memilih calon MCA daripada calon DAP, GERAKAN dan PPP (1969) jika tidak terdapat calon UMNO di tempat itu dan orang-orang bukan bumiputra lebih berminat memilih calon GERAKAN, PPP dan DAP daripada MCA, UMNO, MIC atau PAS.

Pada Pilihanraya Nasional 1969, kerusi yang dikira sepatutnya dimenangi oleh PERIKATAN jika PAS tidak mem-

berikan kerjasamanya dengan tidak meletakkan calon-calonnya ialah di kawasan-kawasan Parlimen Larut Selatan dan Beruas. Kajian keputusan-keputusan ini:

Larut Selatan

Ng Hoe Hun (Gerakan)	15,601
Lim Swee Aun (Perikatan)	10,774
<i>Raja Mobd. Tabir (PAS)</i>	4,962
<i>Majoriti</i>	4,867

Kawasan Beruas

Su Liang Yu (PPP)	8,368
Chiew Biow Choun (Perikatan)	7,900
<i>Mobd. Rus Jaafar (PAS)</i>	4,033
<i>Majoriti</i>	468

Dewan-Dewan Undangan Negeri

Pekan Sungai Petani (Kedah)

Ong Boon Seong (Gerakan)	4,969
Chin Chooi Yooi (Perikatan)	4,183
<i>Md. Daud Abdullah (PAS)</i>	1,345
<i>Majoriti</i>	971

Gopeng, Perak

Jaya Ramachandran (PPP)	6,008
Choy Chooi Yooi (Perikatan)	4,183
<i>Ismail b. Musa (PAS)</i>	2,014
<i>Majoriti</i>	1,825

Kuang, Selangor

Chou Yew Koh (Gerakan)	3,119
Oon Seng Lee (Perikatan)	3,088
<i>Mobd. Yusoff Ma'aya (PAS)</i>	1,129
<i>Majoriti</i>	31

Sungai Rawang, Selangor

Lim Tuan Siong (Bebas)	3,564
------------------------	-------

Shim Kim Siang (Perikatan)	3,147
<i>Ibrahim Saman (PAS)</i>	842
<i>Majoriti</i>	417

Calon-calon yang beroleh kemenangan di atas, mungkin dapat dikalahkan oleh calon parti PERIKATAN jika undi kaum Bumiputra tidak dipecahkan oleh PAS. Andaian bahawa Bumiputra lebih selesa memilih MCA daripada DAP, GERAKAN (1969) dan PPP (1969) dikekalkan. Jika PAS beranggapan bahawa calon yang menang itu bukannya terdiri daripada yang beragama Islam, dan dengan itu ia tidak membawa apa-apa kerugian kepada Bumiputra, kajilah keputusan-keputusan berikut yang juga dipetik daripada Pilihanraya Nasional 1969 peringkat Dewan Undangan Negeri.

Matang, Perak	
Ang Chin Wah (Gerakan)	7,634
Wan Othman Omar (Perikatan)	5,803
<i>Hj. Mobd. Tabir (PAS)</i>	4,052
<i>Majoriti</i>	386

Ampang, Selangor	
Wong Swee Oy (DAP)	7,634
Mohyeedin Zakaria (Perikatan)	6,601
<i>Yunus Yatimi (PAS)</i>	6,601
<i>Majoriti</i>	386

Pasir Panjang, N. Sembilan	
Lee Geok Shean (DAP)	1,628
Haji Sulaiman Jaalam (Perikatan)	1,493
<i>Ibrahim Ahmad (PAS)</i>	771
Teh Thean Choh (UMCO)	71
<i>Majoriti</i>	135

Bukit Rambai, Melaka	
Lim Yak Tye (DAP)	1,578
Haji Ayub (Perikatan)	1,465
Haron Ali (PAS)	883
Cik Mat Bakar (Parti Rakyat)	671
Majoriti	113

Di kawasan berikut pula, calon-calon DAP juga mendapat kemenangan hasil terpecahnya undi Bumiputra. Bagaimanapun, calon-calon DAP terdiri daripada kaum Bumiputra. Yang berbeza, mereka berada di dalam DAP.

Sirusa, N. Sembilan	
Haji Hassan Ahmad (DAP)	2,486
Samad Said (Perikatan)	2,256
Isbak Mat Baki (PAS)	480
Wong Tai Oon (UMCO)	76
Majoriti	230

Tapak Road, Perak	
Ibrahim Singgeh (DAP)	3,319
Ismail Hj. Kali (Perikatan)	2,986
Zan Abu Kassim (PAS)	753
Majoriti	333

Senarai di atas ialah kawasan-kawasan yang dapat dikesan di dalam keputusan Pilihanraya Nasional 1969 yang menunjukkan betapa kerjasama yang telah diberikan oleh PAS kepada rakan sejawatnya di parti-parti pembangkang (1969), iaitu DAP, GERAKAN, PPP dan BEBAS. Dan sebagaimana yang ditunjukkan oleh keputusan Dewan Undangan Negeri Kedah (1969) di bawah ini, parti pembangkang menghargai jasa PAS itu dengan menghadiahkan kawasan Alor Star Luar. Tetapi, itulah satu-satunya kerusi yang didapati oleh PAS hasil kerjasama itu.

Othman b. Hussain (PAS)	5,545
Nair Karunakaran (Perikatan)	5,043
Tunku Nong (Gerakan)	2,733
Majoriti	502

Di dalam Pilihanraya tahun 1974, PAS berada di pihak BARISAN NASIONAL dan bekerjasama dengan anggota-anggota BARISAN seperti GERAKAN, PPP, MCA, SUPP dan lain-lain. Jadi, adalah ti-

dak mustahil, jika PAS berniat untuk bekerjasama lagi dengan DAP untuk Pilihanraya Nasional akan datang. Di dalam Pilihanraya Nasional 1978, setelah berada di luar BARISAN NASIONAL, PAS mungkin bekerjasama lagi. Hasil kerjasama itu, (sekali lagi, mungkin secara disedari dan mungkin secara tidak disedari) PAS telah menghadiahkan kawasan-kawasan Parlimen Damansara, Bukit Mertajam dan Beruas sementara kawasan negeri ialah kawasan Gopeng kepada DAP di dalam Pilihanraya Nasional 1978. DAP pula menolong PAS mendapatkan kawasan Kuala Kurau, Perak.

Seperti yang telah diceritakan, DAP banyak mendapat pertolongan daripada PAS di dalam Pilihanraya-pilihanraya Nasional 1969 dan 1978. Krisis-krisis yang berlaku di dalam DAP selepas kekalahan-nya di Pengkalan Kota tempoh hari menyebabkan DAP terpaksa mencari rakan sejawat yang boleh menolongnya meruntuhkan BARISAN NASIONAL. Mungkinkah Datuk Asri menjadi rakan sejawatnya itu?



Ustaz Nakhaie Hj Ahmad



Ustaz Baharuddin Latiff



Datuk Haji Abu Bakar Omar

KARPAL SINGH & PETER DASON

Siapa gagah?



Terdayakah Karpal Singh menjadi jurucakap kaum Cina?

KRISIS DAP di Pulau Pinang hari ini, secara langsung adalah akibat daripada pencalonan untuk Pilihanraya Kecil kawasan Pengkalan Kota, dan juga kerana langkah-langkah yang diambil oleh Lim Kit Siang untuk memperlingkungkan Peter Paul Dason.

Walaupun perselisihan di antara pemimpin-pemimpin DAP muncul hanya selepas Pilihanraya Kecil itu, tetapi jika kita cuba menganalisis kejadian-kejadian itu satu persatu, kita dapat mengetahui bahawa perselisihan di antara mereka itu bermula pada masa pilihanraya tahun 1968 lagi.

SALAM PERPADUAN: Seow Hun Khim bersalam dengan Lee San' Choon selepas memasuki MCA.



Semenjak tertubuhnya parti DAP, kesemua pemimpinnya adalah daripada golongan berpelajaran Inggeris. Ahli-ahli dari aliran sekolah Cina jarang diberi peluang dalam parti itu.

Pemimpin-pemimpin parti itu di Pulau Pinang, seperti di negeri-negeri lain, juga terdiri daripada golongan berpelajaran Inggeris. Encik Yeap Ghim Guan muncul sebagai orang kuat parti itu selepas pilihanraya tahun 1969, tetapi ia disingkirkan selepas kegagalan DAP dalam pilihanraya tahun 1974, untuk merampas kuasa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Selepas penyingkiran Encik Yeap, Encik Lim Kit Siang, dibantu oleh Encik Karpal Singh, Peter Dason dan Encik Chin Nyok Soo mengambil alih kuasa parti. Simbol roket, pada masa itu, amat menarik perhatian pengundi-pengundi. Maka Encik Lim semakin menjadi wira. Ia melantik Peter Dason sebagai Pengerusi parti di Pulau Pinang dibantu oleh Karpal Singh sebagai Penasihat. Dalam Pilihanraya 1978, DAP dengan tidak disangka-sangka, telah memungut 5 buah kerusi Dewan Undangan Negeri dan 4 buah kerusi Parlimen di Pulau Pinang. Calon-calon di negeri-negeri lain juga menang dalam beberapa kawasan.



Mr Lim Kean Siew

Lim, sebagai Setiausaha Agung DAP, mengumumkan reorganisasi partinya di Pulau Pinang. Karpal Singh dijadikan Pengerusi dan Chin Nyok Soo digantikan oleh Encik Goh Lim Eam.

Sudah lama ujudnya perselisihan di antara Chin Nyok Soo dan Peter Dason, tetapi mereka menyimpan segala kebencian terhadap satu dengan lain dalam hati. Tidak lama kemudian, Lim Kit Siang pun mengumumkan Projek 83 untuk merebut kuasa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Walaupun DAP hanya mempunyai 5 kerusi di dalam Dewan Undangan Negeri, Lim Kit Siang dengan harapan tingginya pun menubuhkan sebuah jawatankuasa kecil diketuai oleh Peter Dason. Perlantikan Peter Dason sebagai Pengerusi jawatankuasa itu amat mengagumkan kerana kebanyakan penduduk di Pulau Pinang adalah orang Cina. Ini hanya menunjukkan berapa eratnya perhubungan di antara Lim Kit Siang dan Peter Dason.

Pada tradisinya, Pengkalan Kota ialah kawasan pembangkang. Sebenarnya, Pilihanraya Kecil itu adalah suatu peluang untuk DAP memperluaskan pengaruhannya di negeri itu.

Kerana Pilihanraya Kecil itu, maka golongan yang dike-

tuai oleh Chin Nyok Soo pun mengemukakan Goh Lim Eam sebagai calon, sebab ia adalah seorang peguam dan berpelajaran tinggi dalam bahasa Cina. Sebaliknya, golongan yang diketuai oleh Peter Dason berkehendakkan Teoh Teik Huat. Tetapi hanya Teoh diterima oleh Lim Kit Siang.



CHIN NYOK SOO: Marga pertelingkahan Dason-Karpal?

Pengundi-pengundi di Pengkalan Kota memang berasa tidak senang terhadap calon DAP yang dipilih oleh Lim Kit Siang. Maka keputusan pilihanraya kecil menunjukkan bahawa Lim Kit Siang tidak mengetahui keadaan tempatan. Ia tidak mengakui kesalahannya bila dituduh dalam surat-khabar. Kerana hendak memperkukuhkan kedudukannya dalam parti, ia pun meletakkan jawatannya sebagai Setiausaha Agung Parti DAP. Ini hanya adalah satu drama sahaja.

Sebaliknya, Lim dan rakan-rakannya menuduh Encik Chan Teck Chan melanggar disiplin partinya kerana memberi maklumat kepada pemberita-pemberita supaya mengkritik pemimpin-pemimpin nasional. Akibatnya, Chan Teck Chan terpaksa menarik diri daripada DAP, tetapi ia dipujuk oleh Lim Kit Siang supaya memasuki semula menjadi ahli DAP.

Semasa krisis Chan itu, 10 bahagian parti DAP dan beberapa orang pemimpinnya yang berpelajaran dalam bahasa Cina telah mengeluarkan kenyataan memujuk Chan. Mereka juga berkehendakkan tindakan diambil terhadap Peter Dason. Encik Lim Kit Siang, sahabat erat Peter Dason berasa tidak senang kerana kenyataan-kenyataan itu. Di antara strategi-strategi diambil:

Melalui jawatankuasa disiplin, Lim mengirim surat kepada ketiga-tiga pemimpin di Pulau Pinang dan 10 bahagian yang terlibat berkehendakkan keterangan tentang tindakan mereka.

Walaupun pada asalnya, pemimpin-pemimpin nasional DAP telah berjanji bahawa mereka tidak akan mengambil tindakan terhadap sesiapa pun, surat itu memang merupakan sebagai *time bomb* bila diterima oleh bahagian-bahagian itu. Mereka berpendapat bahawa keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat (Central Executive Committee) memang tidak adil.

Lim Kit Siang tidak memperdulikan perasaan dan pendapat ahli-ahli di Pulau Pinang. Ia tidak memperdulikan apa akan terjadi di Pulau Pinang. Tujuannya hanya hendak menyingkir Chan Teck Chan, Goh Lim Eam, Seow Hun Kim dan Ooi Eng Kwong. Separutnya, pemimpin-pemimpin DAP menerima keputusan Pilihanraya Kecil Pengkalan Kota sebagai satu pengajaran.

Mengapa Lim hendak menyingkirkan wakil-wakil rakyat berketurunan Cina? Kerana tindakan itu, DAP hanya sekarang mempunyai dua orang Ahli Undangan Negeri di Pulau Pinang, iaitu Encik Karpal Singh dan Peter Dason dan kedua-duanya adalah berketurunan bukan Cina!

APAKAH CITA-CITA LIM KIT SIANG?

DALAM krisis yang gamat berlaku dalam DAP, sudah tentu, Lim Kit Siang akan muncul sebagai pemenang. Ini ketara kerana kebanyakan ahli Jawatankuasa Pusat DAP menyebelahi Lim dalam pertikaian antara puak-puak dalam DAP ini.

Walaupun Lim tetap akan menang, namun ini cuma merupakan kemenangan Lim secara peribadi saja. Tidak syak lagi kejayaan Lim akan membolehkan dia memperkukuhkan lagi kedudukannya dalam parti DAP. Bagaimanapun ini tidak semestinya akan menguatkan lagi kedudukan DAP dalam arena politik di negara ini. Sebaliknya mungkin akan melemahkan, malah menghancurkan DAP dalam pilihanraya akan datang yang seringkali diramal akan diadakan selewat-lewatnya dalam tahun 1982.

Lim begitu asyik mencari alasan-alasan untuk memecat ahli-ahli parti yang tidak sepakat dengannya hingga mungkin akan menghancurkan parti DAP tanpa disedarinya.

Begitu degil Lim dalam mengikhtirakan bermacam-macam cara untuk memeras puak yang menentangnya dalam parti DAP.

Kini DAP adalah satu parti pembangkang yang berpecah. Adakah DAP akan menghadapi pilihanraya yang agaknya akan datang tidak lama lagi itu sebagai satu parti politik yang pecah serta lemah? Ini adalah satu soalan yang cuma dapat dijawab oleh masa saja.

Nampaknya telah menjadi amalan parti DAP melakukan pemerasan antara puak dalam parti dengan alasan membersihkan parti apabila pilihanraya akan menjelang.

Puak-puak diperlagakan menjelang pilihanraya

Sejak tertubuhnya pada 15 tahun yang lalu, parti DAP telah 3 kali mengalami krisis seperti ini.

Dalam Pilihanraya Nasional 1969, yang juga merupakan kali pertama DAP memasuki pilihanraya peringkat kebangsaan, DAP mencapai keputusan yang cemerlang dengan berjaya merebut kerusi di kawasan-kawasan tradisional parti pembangkang. Pengunduran diri Parti Buruh dari pilihanraya itu kerana membantah atau memboikot kerajaan, telah memudahkan atau menyebabkan parti DAP menang 13 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Negeri.

Pada masa itu terdapat dalam parti DAP banyak tokoh politik yang berkebolehan seperti Goh Hock Guan, Walter Loh, Richard Ho, Dr. Soorian, Fan Yew Tang, Kong Chai Huat, Lee Meng Cheong, Yap Pian Hon. Mereka yang berbakat ini telah lama meninggalkan parti DAP. Mereka ini pernah merupakan satu benteng, satu barisan yang kuat yang mempunyai potensi memperkuatkan lagi kedudukan DAP dalam arena politik negara ini jika mereka tetap tinggal dalam DAP.

Sebenarnya, kira-kira 2 tahun selepas Lim Kit Siang telah menang-

SALAM PERPADUAN: Encik Wong (Ahli Parlimen Tanjong) dan adiknya mengapit Lee San Choon selepas memasuki MCA.



bil alih pimpinan parti DAP, parti itu telah mula berpecah. Ketika itu lah kebanyakan ahli-ahli-DAP yang terkemuka seperti yang tersebut di atas itu, telah satu demi satu meninggalkan parti DAP kerana tidak dapat bekerjasama dengan Lim.

Kali kedua DAP menyertai Pilihanraya Nasional, iaitu dalam pilihanraya 1974, DAP menyertainya dengan satu team atau barisan yang kurang baik daripada yang lalu. Sebenarnya, kebanyakan calon DAP pada ketika itu tidak yakin akan menang. Pada keseluruhannya mereka ini memasuki pilihanraya itu dengan sikap menduga nasib semata-mata.

Seperti yang dijangka, kali ini DAP cuma dapat 9 kerusi Parlimen saja. Mereka ini kebanyakannya menang kerana nasib baik saja. Dibandingkan dengan keputusan Pilihanraya Nasional 1969, kali ini DAP kehilangan 4 kerusi Parlimen dan 18 kerusi Dewan Negeri. Ini merupakan satu kekalahan besar bagi DAP di bawah pimpinan Lim Kit Siang. Ramai pula calon DAP yang menang itu hanya menang dengan majoriti yang sedikit sahaja. Kawasan Parlimen Kinta, misalnya, calon DAP, Ngan Siong Hin menang dengan hanya 581 undi berbanding dengan bilangan pengundi berdaftar seramai 46,663. Bagi kawasan Petaling, calon DAP hanya menang dengan majoriti sebanyak 1,238 undi daripada bilangan pengundi berdaftar seramai 47,929.

Sebaik saja menjelang pilihanraya 1978, berceuslah sekali lagi pertelingkahan di antara satu puak dengan puak yang lain dalam DAP hinggalah terpecahlah DAP sekali lagi.

Dalam krisis itu pemimpin-pemimpin seperti Oh Keng Seng, Yeap Ghim Guan serta Fan Yew Teng telah meninggalkan DAP.

Dalam pilihanraya tahun 1978 itu, DAP memenangi 16 kerusi Parlimen. Di antara 16 ahli Parlimen DAP itu ada beberapa orang yang tidak berkebolehan. Begitu juga keadaan bagi ahli-ahli Dewan Undangan DAP. Jika dibandingkan dengan keputusan Pilihanraya Nasional 1969, DAP hanya berjaya menambah kemenangan 3 kerusi sahaja.



SALAM PERPADUAN: Goh Lim Eam bersalam dengan Lee San Choon selepas memasuki MCA.

DAP MENJADI KIAN LEMAH DENGAN PEMECATAN TERBARU

Harus diingat bahawa suasana politik sekali lagi berbau perkauman pada pilihanraya ini kerana parti PAS telah pun terkeluar daripada Barisan Nasional. Sedikit sebanyak parti PAS telah menolong DAP menambahkan bilangan kerusi yang dimenangi itu. Contoh kawasan-kawasan itu ialah Bukit Mertajam, Beruas dan Damansara.

Malah, dengan barisan yang begitu kurang memuaskan itu, kini telah berlaku pemecatan-pemecatan lagi hinggalah cuma tinggal Lim Kit Siang seorang saja yang terkenal untuk memimpin DAP dalam pilihanraya akan datang.

Jadi tidak hairanlah jika orang ramai sering berkata Lim Kit Siang adalah DAP dan DAP adalah Lim Kit Siang.

Pemerhati-pemerhati politik berpendapat bahawa ahli-ahli DAP yang dipecah oleh Lim Kit Siang itu

semuanya dapat menandingi Lim dalam segi kebolehan, pimpinan, populariti serta personaliti. Pendek kata, mereka ini mampu mencabar kedudukan Lim Kit Siang sebagai Setiausaha Agung parti DAP dan mungkin menggantikannya bila-bila masa saja.

Dalam mengambil tindakan-tindakan memecat ahli-ahli puak lain, Lim telah berulang-ulang kali mendakwa tujuannya ialah untuk memperkuatkan partinya. Tetapi, sebenarnya populariti serta pengaruh DAP telah merosot dari satu tahun ke satu tahun sejak dia mula memimpin DAP.

Mengapa Lim berbuat demikian sehingga DAP disertinya ke dalam lorong mati? Apakah maksudnya yang sebenar? Tidak ada orang yang benar-benar dapat mengertinya, ini termasuk pengerusinya Dr. Chen Man Hin. Ini adalah tragedi DAPI!

Cerita
di sebalik
tabir

DIDEDAHKAN OLEH ADUN, KAMPUNG KOLAM, PULAU PINANG

Eam Kwong pun mengesy-ti-har-kan bahawa dia telah bertin-dak keluar daripada DAP.

Pada 22hb. Mac, 1981, Lim Kit Siang mengumukan ba-hawa Jawatankuasa Pusat te-halah mengambil alih pentad-biran DAP Pulau Pinang untuk mengembalikan disiplin dan mengekalkan matlamat-ma-lamat parti. Tempoh masa pengambilan alih ialah 12 bu-lan.

Kekecehan DAP Pulau Pinang bermula dengan pe-namaan calon untuk Pilihan-rama Kecil Pengkalan Kota yang diadakan pada Novem-ber, 1980. Satu puak yang di-dokongi oleh Peter Paul Dason menamakan Teoh Teik Huat sebagai calon. Puak ini menang dalam perebutan penamaan ca-lon itu.

SEHARI selepas Lim Kit Siang mengumukan jawatankuasa Kerja Pu-sat telah memberinya kuasa mengendalikan segala kegiatan DAP di Pulau Pinang. ADUN kawasan Kampung Kolam, Ooi

Bagaimanapun, Teoh Teik Huat mengalami kekalahan di dalam Pilihanrama Kecil Peng-kalan Kota itu kepada calon BARIAN NASIONAL dan suasana kelim-kabut pun mula menyelubungi DAP.

Pada 23hb. Mac, 1982, Ooi Ean Kwong mengumukan perletakan jawatannya. Di da-lam sepucuk suratnya kepada Lim Kit Siang, Ooi berkata:

"Peristiwa-peristiwa di akbir-akbir ini, dengan te-rangnya memperlibatkan si-kap kejam pemimpin-pemimpin DAP tanpa meng-biraukan sokongan dan ke-bolehan rakyat keseluruban-nya."

Semasa menceritakan kepa-da para pemberita akhbar ten-tang latar belakang krisis DAP ini, Ooi Ean Kwong memberitahu bahawa kebanyakan ahli-ahli DAP di Pulau Pinang mengesyurkan Goh Lim Eam (seorang peguam) sebagai ca-lon DAP untuk bertanding di Pilihanrama Kecil Pengkalan Kota. Tetapi, setibanya di Pulau Pinang, Lim Kit Siang mengumukan bahawa Ja-watankuasa Pusat DAP telah mengambil keputusan menge-mukakan Teoh Teik Huat se-bagai calon DAP.

Ketika itu Karpal Singh juga berada di situ. Ooi Ean Kwong berkata Karpal Singh begitu terperanjat apabila mendengar pengumuman Lim Kit Siang itu. Sebab, sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Pusat itu juga Karpal Singh tidak sedar akan adanya keputusan tersebut.

Karpal Singh pun menyoal Lim tentang keputusan tersebut kerana setahu dia tidak ada keputusan begitu yang telah dicapai dalam sebarang mesyuarat Jawatankuasa Pusat itu.

Kedua-dua mereka itu kemudiannya bertengkar kerana ini. Akhirnya Lim Kit Siang mematuhi permintaan Karpal Singh lalu memanggil satu mesyuarat Jawatankuasa Pusat untuk meluluskan penamaan Teoh Teik Huat sebagai calon DAP.

Perbuatan Lim memilih Teoh Teik Huat sebagai calon DAP tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa Pusat DAP terlebih dahulu sudah tentu telah menyebabkan cawangan-cawangan DAP di Pulau Pinang begitu tidak sukanya. Ketidakpuasan mereka terhadap Lim Kit Siang meningkat naik lagi apabila calon pilihannya tewas pada tangan calon BARISAN NASIONAL, Lim Kean Siew, dalam Pilihanraya Kecil itu.

Sebenarnya Pengkalan Kota adalah satu kawasan yang penduduknya hampir seratus peratus terdiri daripada orang Cina. Kedua-dua calon, Lim Kean Siew (BN) dan Teoh Teik Huat (DAP) adalah orang Cina yang berpelajaran bahasa Inggeris, dan tidak begitu biasa bertutur dalam bahasa Cina. Mereka ini bukanlah calon yang pengundi-pengundi Cina idam-idamkan.

Akhirnya calon BARISAN NASIONAL, Lim Kean Siew menang dengan majoriti yang amat sedikit, iaitu lebih daripada 500 undi saja. Undi-undi yang diperolehi oleh calon bebas Lim Yew Chin sebenarnya adalah undi-undi yang direbutnya daripada pengundi-pengundi yang biasanya menyokong pihak BARISAN NASIO-

NAL. Lim Yew Chin memang telah banyak dapat undi dari penyokong-penyokong MCA dan Gerakan, kerana bekas ketua MCA negeri Pulau Pinang, David Choong yang dipecat dari MCA sebab menentang Lim Kean Siew dulu telah menolong calon bebas dan bertindak sebagai penasihatnya. Jadi, seandainya Lim Yew Chin tidak bertanding, Lim Kean Siew mungkin boleh dapat lebih banyak undi lagi.

Jadi kalau sekiranya DAP menghantar seorang calon yang pandai bercakap bahasa Cina untuk bertanding di Pilihanraya Kecil itu, calon DAP mungkin boleh menang kerana dia cuma memerlukan 300 undi tambahan saja untuk menang. Ini bukanlah satu tugas yang rumit jika difahami tabiat pengundi-pengundi di kawasan Pengkalan Kota itu yang tidak pernah memilih calon PERIKATAN atau BARISAN NASIONAL mewakili mereka sebelum ini.

Jadi ternyatalah pemilihan Teoh Teik Huat sebagai calon adalah kesalahan pilihan Lim Kit Siang. Manusia mesti melakukan kesilapan. Apa salahnya kalau ahli-ahli DAP menegur Lim Kit Siang yang dipercayai menyebabkan kegagalan DAP dalam Pilihanraya Kecil itu? Lim seharusnya menerima teguran ikhlas ini dengan senang saja. Tetapi, tidak, Lim Kit Siang tidak dapat menerima teguran itu sedemikian. Sebaliknya, dia membesar-besarkan isu itu dengan meletak jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP. Dan apabila perletakan jawatannya ditolak oleh Jawatankuasa Pusat DAP mungkin dia telah pun mengagakkan keputusan itu, dia pun bersetuju menarik balik surat letak jawatannya dengan syarat-syarat tertentu.

Nampaknya syarat itu ialah mereka yang membuat teguran itu hendaklah diambil tindakan disiplin, dan jika perlu, dipecat. Berikutan dengan ini, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri DAP di Pulau Pinang telah dipecat dan sebanyak 9 cawangan di sana telah digantung. Mungkin inilah kerana Lim Kit Siang membalas dendam terhadap mereka ini, sebagai reaksi kerana mencahar kewibawaannya?

Ada kemungkinan bahawa mereka ini, akan masuk BARISAN NASIONAL melalui parti GERAKAN atau MCA.

Pemecatan besar-besaran yang berlaku di dalam MCA pada 29hb. Mac, 1981 terhadap penyokong-penyokong Datuk Michael Chen mungkin akan menyebabkan Datuk Michael Chen dan penyokong-penyokongnya menubuhkan parti baru. Dan jika mereka bergabung dengan Sim Muk Yee dan Loke Teng Yu, iaitu pemimpin-pemimpin perjuangan bahasa Cina yang amat berpengaruh di kalangan orang Cina, kedudukan DAP akan tergugat.

Kalau ini berlaku, parti baru ini akan mempunyai pengaruh yang kuat dan luas dan mampu menggantikan DAP di kalangan masyarakat orang Cina sebagai pejuang mereka.

Bekas ahli-ahli DAP yang dipecat baru-baru ini terkenal sebagai pejuang bahasa Cina. Jadi hancurlah imej Lim Kit Siang sebagai seorang pejuang bahasa Cina apabila dia mengambil tindakan memecatkan mereka ini.

Mungkin juga tindakan-tindakan Kit Siang ini berpunca dari hajatnya untuk memberi imej berbilang bangsa kepada DAP yang kini telah dianggap sebagai satu parti orang Cina saja.

ADAKAH LIM KIT SIANG SEORANG AGEN BARISAN NASIONAL

SETELAH Seow Hun Khim, Chin Nyok Soo dan Goh Lim Eam disingkirkan daripada DAP oleh Jawatankuasa Pusat, Lim Kit Siang pun membuat lawatan ke Sabah. Sepulangnya dari Kota Kinabalu, pada 8hb. Mac, 1981, Lim Kit Siang mengadakan satu sidang akhbar untuk menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan perkara tersebut.

Menurutnya, nama calon untuk Pilihanraya Kecil kawasan Pengkalan Kota, Pulau Pinang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat. Beliau tidak pernah mempengaruhi keputusan itu.

Sebenarnya, DAP dari awalnya lagi tidak akan meletak-

kan Goh Lim Eam sebagai calon kerana apa yang dikatakan alasan moral. Jawatankuasa Pusat enggan memilih Goh Lim Eam kerana menjaga kepentingan parti. Maka Teoh Teik Huat dipilih untuk menentang Lim Kean Siew daripada BARISAN NASIONAL. Kegagalan Teoh Teik Huat dalam Pilihanraya Kecil itu mengakibatkan beberapa krisis di dalam DAP. Akhirnya, Chin, Seow dan Goh disingkirkan kerana kononnya DAP tidak dapat melayani ugutan daripada pemimpin-pemimpin yang dikatakan tidak bertanggungjawab.

Lim Kit Siang menerangkan bahawa ketiga-tiga pemimpin dari Pulau Pinang itu yang

lebih dikenali sebagai *Kumpulan Tiga* dengan dibantu oleh BARISAN NASIONAL, telah menggunakan surat-khabar tempatan untuk memburuk-burukkan imej parti DAP. Usaha-usaha mereka itu bertujuan menjatuhkan pemimpin-pemimpin DAP nasional. Kempen untuk menghinakan pemimpin-pemimpin DAP telah dijalankan sejak beberapa bulan yang lalu.

Menurut Lim Kit Siang jika kempen seumpama itu diusahakan dan dijalankan oleh ahli-ahli BARISAN NASIONAL, dia memang tidak akan berasa terkejut. Tetapi kempen ini yang bertujuan memporak-peranda DAP datang daripada beberapa orang pemimpin DAP di Pulau Pinang sendiri. Ini mengecewakan beliau.

Encik Lim berkata dia pernah dikutuk kerana dianggap sebagai seorang ahli politik yang menentang bahasa Cina, seorang agen dan sebagainya.

Mengikut Lim Kit Siang, sebenarnya *kumpulan tiga* itu memang sedar tentang alasan-alasan Goh Lim Eam tidak dipilih sebagai calon untuk Pilihanraya Kecil Pengkalan Kota itu.

Lim menambah kata bahawa Goh tidak dipilih oleh Jawatankuasa Pusat bukan kerana dia berpelajaran dalam bahasa Cina. Sebenarnya, DAP tidak mahu isu moral digunakan oleh MCA. Encik Seow Hun Khim sendiri pernah memberitahu parti bahawa MCA telah mempunyai faktor-faktor itu.

Encik Lim berkata bahawa ia sendiri pernah menasihatkan Goh supaya menunggu masa Pilihanraya Nasional nanti. Jika dia hendak bertanding dalam Pilihanraya Kecil itu, segala latar belakangnya akan disiarkan dalam surat-khabar. Maka isu yang tidak diinginkan

Datuk Hussain Onn



Richard Ho



ini akan diketahui oleh seluruh negara. Dan ini akan melemahkan peluang kemenangan calon DAP.



V. David

Sebenarnya, mengikut Lim Kit Siang, *kumpulan tiga* itu memang sedar tentang alasan Jawatankuasa Pusat membuat pilihan itu, tetapi mereka hanya hendak menggunakan isu itu untuk menghinakan dia dengan mengecapnya sebagai seorang yang menentang bahasa Cina.

Lim Kit Siang mendakwa bahawa, *kumpulan tiga* itu membocorkan rahsia parti DAP melalui suratkhbar-suratkhbar untuk memburukkan imej parti umumnya, dan terhadap dia sebagai Setiausaha Agung khususnya.

Selanjutnya, Lim Kit Siang berkata dia, pernah memberitahu mereka supaya menghentikan segala kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan parti. Saya pernah berjanji tidak akan mengambil tindakan terhadap sesiapa pun, tetapi ini tidak bererti bahawa mereka boleh melanggar disiplin parti selama-lamanya.

Lim Kit Siang menerangkan bahawa sikap *kumpulan tiga* itu tidak berubah. Mereka menggunakan segala isu, walau sekecil mana sekalipun, untuk memecah DAP.

Maka pada bulan Januari, Lim Kit Siang mewakili Jawatankuasa Disiplin telah menulis sepucuk surat kepada ketiga-tiga orang itu dan 10 bahagian menyuruh mereka menenangkan sebab-sebab mengapa mereka melanggar arahan yang dikeluarkan.

Lim Kit Siang mendakwa lagi bahawa surat itu ditolak. Mereka memberitahu sidang akhbar bahawa surat itu membuktikan bahawa dia adalah seorang yang menentang bahasa Cina.

Sebenarnya, Seow Hun Khim telah pun diberitahu lebih awal lagi bahawa dia dan rakan-rakannya telah didapati melanggar disiplin parti. Mereka dikehendaki menerangkan tentang hal-hal tersebut sewaktu Seow berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri sidang Parlimen.

Seow dan rakan-rakannya, mengikut Lim Kit Siang enggan menjawab surat itu. Sebaliknya, jawapan secara sepakat telah disiarkan dalam suratkhbar-suratkhbar.

Lim Kit Siang menerangkan bahawa Ooi Eng Kwong menarik diri daripada DAP kerana kepentingan diri sendiri. Tetapi *kumpulan tiga* itu tidak per-

Datuk Hussain Onn menghadiri sidang Parlimen selepas menjalani pembedahan jantung baru-baru ini.



nah mengutuk perbuatan Ooi. Bila Karpal Singh mengadakan satu sidang akhbar dan semua wakil rakyat DAP di Pulau Pinang digesa supaya menghardiri sidang akhbar itu, Chin, Seow dan Goh enggan membuat demikian.

Selepas tersingkirnya Ooi, mereka bertiga itu mempergiatkan lagi usaha mereka untuk menjatuhkan Lim Kit Siang.

Menurut mereka Lim Kit Siang tidak boleh dipercayai. Dia adalah seorang agen, bererti, agen Barisan Nasional.

Menurut Encik Lim Kit Siang lagi, *kumpulan tiga* itu tidak menyangka bahawa Jawatankuasa Pusat berani mengambil tindakan terhadap mereka, kerana sebab-sebab tertentu seperti:

1. Segala tindakan akan dianggap sebagai anti bahasa Cina
2. Pilihanraya umum di Sabah akan diadakan
3. Pilihanraya Kecil Kubu di Melaka akan diadakan

Jangkaan mereka telah salah. Untuk kepentingan dan kekuatan DAP, Lim Kit Siang mendakwa, Jawatankuasa Pusat terpaksa mengambil tindakan seperti yang diketahui umum sekarang.



JATUH-BANGUN DAP terletak di tangan (dari kiri ke kanan) Dr. Tan Seng Giaw, Lim Kit Siang, Dr. Chen Man Hin, Karpal Singh, Lee Lam Thye dan Lee Kaw.

DAP Dan masa depannya

SEMENJAK penubuhannya pada 19hb. Mac, 1966, kini DAP telah genap berusia 15 tahun. Dalam tempoh 15 tahun yang kebelakangan pucuk pimpinan DAP telah mengalami beberapa kali perubahan.

Mulai dari penubuhannya, Dr. Chen Man Hin telah menjadi Pengerusi DAP sehingga hari ini. Tetapi jawatan Setiausaha Agung parti itu telah

tiga kali bertukar tangan. Orang yang pertama sekali memegang jawatan Setiausaha Agung DAP ialah Devan Nair. Selepas itu, Goh Hock Guan telah menjadi penggantinya. Sekarang jawatan yang penting itu adalah di dalam tangan Lim Kit Siang. Oleh kerana personaliti mereka bertiga itu adalah amat jauh bedanya, maka DAP yang di bawah pimpinan mereka pun turut ter-

pengaruh. Devan Nair merupakan seorang Setiausaha yang bersifat bebas, Goh Hock Guan adalah seorang politikus yang angkuh, dan Lim Kit Siang boleh dikatakan seorang pemimpin yang berkuku besi.

Selepas berlakunya konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia pada tahun 1964, Barisan Sosialis telah mengalami kekalahan yang amat teruk dalam pilihanraya. Setahun selepas

pilihanraya itu, Barisan Sosialis pun dirombak akibat perceraian Parti Rakyat dengan Parti Buruh, iaitu dua adik-beradik yang membentuk barisan itu. Akhirnya, Barisan Sosialis yang pada suatu ketika pernah dianggap sebagai satu-satunya parti pembangkang yang terkuat sekali di lapangan politik Malaysia pun terkubur-lah dengan begitu sahaja.

Pada ketika itu Dr. Lim Chong Eu telah mengundurkan dirinya daripada MCA. Dia telah menubuhkan sebuah parti baru yang dipanggil Parti Kebebasan Demokratik Bersatu. Bagaimanapun parti Dr. Lim itu tidak juga mengambil peluang untuk memenuhi kekosongan yang telah ditinggalkan oleh Barisan Sosialis itu. Kekosongan itu akhirnya telah dipenuhi oleh DAP.

Selepas berjaya memperoleh kemenangan yang amat cemerlang dalam pilihanraya 1964 di Singapura, PAP pun mulai menajal ke arena politik di Malaya. Parti itu telah

mengambil peluang masuk bertanding dalam pilihanraya di Malaya.

Nama Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah begitu mendalam tertanam di sanubari orang ramai, sehingga rakyat di Persekutuan pun amat tertarik padanya. Oleh itu, menjelang pilihanraya 1964, rapat-rapat raksasa yang dihadiri oleh Lee Kuan Yew pasti mendapat sambutan yang hangat serta dibanjiri oleh lautan manusia.

Sungguhpun DAP tidak memenangi apa-apa kerusi pun dalam pilihanraya 1964, tetapi pengaruh yang ditinggalkan oleh Lee Kuan Yew tetap beriak-riak di lautan politik Malaysia.

Selepas perceraian Singapura dengan Malaysia pada bulan Ogos, 1965, PAP terpaksa menghentikan pergerakannya di Persekutuan. Akan tetapi anak yatim yang ditinggalkannya, iaitu DAP, kini di bawah pimpinan sekumpulan orang muda yang bersemangat tinggi,

terus mengemukakan kritik-kritik mereka atas kelemahan dan kesilapan kerajaan dari masa ke semasa. Oleh itu, dengan cepat, DAP telah berjaya menarik perhatian orang ramai dan mempunyai penyokong-penyokong daripada segala lapisan rakyat, terutamanya daripada golongan muda.

Orang ramai dapati, daripada Goh Hock Guan terbayanglah Lee Kuan Yew. Sedangkan Goh Hock Guan pula mencuba dengan sehabis-habisannya untuk meniru Lee Kuan Yew, iaitu dari tekanan suara sehingga gaya dan lagunya. Sebenarnya bukan Goh seorang sahaja, malah Fan Yew Teng dan Ho Chek Huan pun telah cuba berbuat sedemikian.

KEMPEN PUBLISITI DAP

Ucapan-ucapan para pemimpin DAP biasanya bergaya baru, amat mengharukan dan provokatif. Mereka mensifat-

Chen Man Hin sedang mempengerusi mesyuarat DAP. Mungkinkah mereka sedang berbincang langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki roket yang mulai retak?



kan musuh-musuh politiknya sebagai sampah sarap. Mereka tidak berhenti-henti mendesak pemimpin-pemimpin parti lawannya terjun ke dalam sungai Kelang ataupun masuk ke hospital sakit jiwa. Ucapan yang sedemikian jarang sekali dipakai oleh BARISAN SOSIALIS sebelumnya.

Pemimpin-pemimpin DAP amat bijak dan otak-otak mereka pun amat cergas. Mereka pandai sekali mengadakan publisiti dengan mengeksploit sesuatu situasi atau peristiwa semasa untuk memimba keperhatian dan muslihat parti mereka. Cara mereka menempelek musuh-musuh politik mereka tidak berubah seperti memulangkan paku buah kerias.

Pemimpin-pemimpin DAP yang muda itu memang bercita-cita tinggi dan berikhtiar dengan sedaya-upayanya untuk mencapai tujuan mereka, iaitu menubuhkan sebuah masyarakat berdasarkan demokratik sosialisme.

Dalam tahun 1968, sekumpulan bekas pemimpin BARISAN SOSIALIS telah berjaya mengikat satu perjanjian dengan Parti Kebebasan Demokratik Bersatu lalu menubuhkan sebuah parti politik yang baru, iaitu parti GERAKAN.

Para pemimpin GERAKAN itu terdiri daripada profesor-profesor, doktor-doktor dan sarjana-sarjana yang terkenal. Mereka juga mempunyai hasrat dan cita-cita yang tinggi. Akan tetapi jika berbanding dengan DAP, penubuhan parti itu sudah terlambat sedikit. Pada ketika itu, pengaruh DAP telah berakar-umbi dalam hati orang ramai.

Dalam pilihanraya 1969, parti-parti pembangkang berjaya mengikat satu perjanjian atas pembahagian calon-calon

